

UNSUR MISTIK DALAM PUISI TRADISIONAL IBAN:
KAJIAN TERHADAP TEKS *TIMANG BENIH*

PHILOMENA RAWA ANAK LENANG

UNIVERSITI

MALAYSIA

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN

2024



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

UNSUR MISTIK DALAM PUISI TRADISIONAL IBAN :
KAJIAN TERHADAP TEKS
TIMANG BENIH

PHILOMENA RAWA ANAK LENANG

TESIS INI DIKEMUKAKAN SEBAGAI MEMENUHI
KEPERLUAN UNTUK IJAZAH SARJANA MUDA
PENGAJIAN WARISAN

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF
DAN WARISAN UNIVERSITI
MALAYSIA KELANTAN

MALAYSIA

KELANTAN

2024

PENGESAHAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana- mana universiti atau institusi.

TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskhah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis ini boleh didapati sebagai naskhah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah

Dari tarikh.....sehingga.....

SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan

Tandatangan Penyelia

Philomena Rawa Anak Lenang

C20A1386

Tarikh: / / 2024

Dr. Mohd Firdaus Che Yaacob

Tarikh: / / 2024

PENGHARGAAN

Syukur ke atas kesempatan dan ruang yang telah diberikan oleh-Nya kerana dengan izin serta keberkatan-Nya, saya dapat sampai ke tahap ini dan dapat menyiapkan dengan sempurna hasil kajian yang telah dijalankan. Laporan yang disiapkan ini adalah bagi memenuhi syarat bergraduan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Pengajian Warisan Dengan Kepujian (Kesusasteraan Warisan) di Universiti Malaysia Kelantan dalam tempoh yang telah ditetapkan. Menadah tangan tanda kesyukuran kerana dengan segala masalah dan juga dugaan dapat saya atasi dengan baiknya. Oleh hal yang demikian, segala permasalahan yang telah dihadapi dapat menjadikan saya mengenal erti kesabaran dan kemanisannya sebuah perjuangan.

Penyelidikan yang dilaksanakan ini banyak melibatkan sokongan, bimbingan, motivasi dan tunjuk ajar daripada pelbagai pihak mahupun secara langsung dan tidak langsung. Dengan ini, saya ingin menzahirkan ucapan penghargaan kepada penyelia selaku pensyarah projek penyeliaan yang dihormati, Dr. Mohd Firdaus Bin Che Yaacob dengan segala tunjuk ajar serta bimbingan daripadanya telah memberi ruang dan kesempatan dalam membantu saya menyempurnakan tugas ini. Saya ingin berterima kasih kepadanya dan menghargai semua yang telah beliau lakukan. Hal ini kerana, beliau tidak pernah jemu dan sentiasa sabar dalam memberi tunjuk ajar, teguran dan nasihat dalam menyemak tugas bertulis yang saya lakukan ini. Segala kebaikan beliau tidak dapat dikira dan hanya Tuhan sahaja yang mampu membalasnya. Semoga Tuhan sentiasa memberi keberkatan kepada beliau sekeluarga dalam apa jua keadaan pun sekali.

Seterusnya, tidak ketinggalan buat kedua ibu bapa tercinta dan saudara mara saya atas sokongan moral, pendorong kata-kata semangat dan bantuan khususnya dari segi kewangan sepanjang pengajian saya. Tidak lupa juga saya ucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan saya yang banyak membantu dalam memberi pandangan serta peringatan setiap kerja-kerja yang harus disempurnakan sepanjang kajian ini dijalankan. Sokongan yang diberikan oleh mereka amat bermakna sepanjang saya menjalani kehidupan sebagai seorang pelajar. Tanpa mereka, saya akui tidak mungkin saya sekuat ini. Pengorbanan tanpa henti yang diberikan oleh mereka saya jadikan sebagai pembakar semangat dalam setiap perjuangan saya. Saya amat bertuah kerana dikelilingi oleh orang-orang seperti mereka di dalam hidup saya. Terakhirnya, saya ingin berterima kasih kepada ibu ayah, saudara mara dan rakan-rakan kerana tidak jemu menjadi tongkat tempat saya berpegang setiap kali saya melangkah dalam meneruskan kehidupan saya untuk menjadi insan yang berguna.

Sekian, terima kasih.

Philomena Rawa anak Lenang
Jabatan Pengajian Warisan
Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan
Universiti Malaysia Kelantan
16300, Kampus Bachok, Kelantan
c20a1386@siswa.umk.edu.my

JADUAL KANDUNGAN

| KANDUNGAN | HALAMAN |
|---|---------|
| PENGESAHAN TESIS | i |
| PENGHARGAAN | ii |
| JADUAL KANDUNGAN | iii |
| SENARAI JADUAL | v |
| SENARAI CARTA | vi |
| SENARAI RAJAH | vii |
| ABSTRAK | viii |
| ABSTRACT | ix |
| | |
| BAB 1 PENDAHULUAN | |
| 1.1 Pengenalan | 1 |
| 1.2 Pernyataan Masalah | 8 |
| 1.3 Persoalan Kajian | 10 |
| 1.4 Objektif Kajian | 11 |
| 1.5 Batasan Kajian | 12 |
| 1.6 Kepentingan Kajian | 16 |
| 1.7 Definisi Operasional | 18 |
| 1.7.1 Mistik | 18 |
| 1.7.2 Puisi | 19 |
| 1.7.3 Teori Strukturalisme | 20 |
| 1.8 Organisasi Kajian | 22 |
| 1.9 Penutup | 25 |
| | |
| BAB 2 SOROTAN KAJIAN LEPAS | |
| 2.1 Pengenalan | 26 |
| 2.2 Pengkajian Puisi Masyarakat Iban di Sarawak | 26 |
| 2.3 Pengkajian Teori Strukturalisme dalam Karya-Karya Sastera | 40 |
| 2.4 Penutup | 56 |
| | |
| BAB 3 METODOLOGI KAJIAN | |
| 3.1 Pengenalan | 57 |
| 3.2 Reka Bentuk Kajian | 57 |
| 3.3 Kaedah Kajian | 58 |
| 3.3.1 Kajian Keperpustakaan | 58 |
| 3.3.2 Teks | 59 |
| 3.4 Teori Strukturalisme | 59 |
| 3.5 Kerangka Konseptual | 62 |
| 3.6 Penutup | 63 |
| | |
| BAB 4 ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN | |
| 4.1 Pengenalan | 64 |
| 4.2 Unsur Mitos Melalui Lambang | 65 |
| 4.3 Unsur Mitos Melalui Haiwan | 81 |
| 4.4 Unsur Mitos Melalui <i>Menoa</i> atau Tempat | 99 |
| 4.5 Penutup | 103 |

| | |
|------------------|-----|
| BAB 5 KESIMPULAN | |
| 5.1 Pengenalan | 104 |
| 5.2 Rumusan | 105 |
| 5.3 Cadangan | 108 |
| 5.4 Penutup | 111 |
| | |
| BIBLIOGRAFI | 112 |
| | |
| BIODATA PENGKAJI | 118 |




Rajah 1.2 Jenis Leka Main Masyarakat Iban


5



UNIVERSITI



MALAYSIA




KELANTAN

Carta 3.4 Gambar Rajah Pecahan Teori


60



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

Rajah 3.5 Kerangka Konseptual

69



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

ABSTRAK

Timang Benih merupakan salah satu puisi tradisional bagi suku kaum Iban yang berbentuk invokasi. *Timang Benih* ini akan dinyanyikan oleh sekumpulan *lemambang* dalam upacara memberkati proses-proses penanaman padi, melindungi tanaman serta memberkati barang-barang yang digunakan untuk menanam padi. Tujuan penyelidikan dijalankan adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis unsur mistik serta merumuskan unsur mistik yang terkandung dalam teks puisi *Timang Benih* melalui pengaplikasian teori strukturalisme secara mendalam. Kajian ini hanya membataskan kepada satu sahaja penggunaan buku iaitu buku *Leka Timang* yang telah disusun oleh *Robert Menua Saleh*. Kajian yang dilakukan oleh pengkaji hanya memfokuskan kepada satu teks puisi sahaja iaitu teks *Timang Benih*. Kajian yang dilakukan ini telah memanfaatkan kaedah kualitatif dengan melakukan rujukan teks, kajian kepustakaan serta analisis kandungan. Melalui penelitian teks *Timang Benih* penyelidik telah memberi fokus kepada unsur mistik menerusi lambang, haiwan dan tempat. Teori strukturalisme yang dipelopori oleh Mukarovsky dan Felix Vodicka (1977) telah dipilih oleh pengkaji untuk diaplikasikan di dalam kajian yang dilakukan ini. Meskipun mistik merupakan salah satu perkara yang menyeramkan, namun ia merupakan satu kepercayaan yang diturunkan dari moyang dan harus dihargai sehingga kini. Pengekalan sesebuah budaya amat penting agar tidak mudah lupus ditelan zaman serta generasi yang mendatang tahu akan kepentingan budaya dalam sesebuah masyarakat. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa menerusi teks puisi *Timang Benih*, sememangnya mengandungi unsur mistik yang digunakan untuk membangunkan puisi. Kesannya ialah penyelidikan yang dilakukan ini akan memberi pengetahuan tentang penggunaan budaya mistik dalam kalangan masyarakat Iban. Pengetahuan yang diperoleh tersebut dapat dijadikan sebagai garis panduan kepada para penulis yang ingin mengkaji tentang budaya-budaya masyarakat yang lain.

Kata Kunci: *Timang Benih*, Unsur Mistik, Teori Strukturalisme

Mystical Elements in Traditional Iban Poetry: A Research of The Text *Timang Benih*

ABSTRACT

Timang Benih is one of the traditional poems of the Iban tribe which is in the form of an invocation. This *Timang Benih* will be sung by a group of *lemambang* in a ceremony to bless the process of planting rice, protect the plants and bless the items used to grow rice. The purpose of this study is to identify and analyze the mystical elements and formulate the mystical elements contained in the *Timang Benih* poetry text through the in-depth application of structuralism theory. This study only involves the use of one book, the *Leka Timang* book which has been compiled by Robert Menua Saleh. The study conducted by the researcher only focuses on one poetry text only, the *Timang Benih's* text. This study has used a qualitative method by doing reference texts, bibliography and content analysis. Through the research text *Timang Benih* the researcher has focused on mystical elements through symbols, animals and places. The theory of structuralism explored by Mukarovsky and Felik Vodicka (1977) has been chosen by the researcher to be applied in this study. Although mysticism is one of the scary things, it is a belief passed down from ancestors and should be cherished even today. The maintenance of a culture is very important so that it is not easily swallowed up by the times and generations that bring the importance of culture in a society. In conclusion, the results of the study found that through the text of *Timang Benih's* poetry, it indeed contains mystical elements that are used to develop poetry. The effect is that this research will provide knowledge about the use of mystical culture among the Iban community. The knowledge gained can be used as a guide for writers who want to study other cultures.

Keywords: *Timang Benih, Mystical, Structuralism Theory*

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Masyarakat Iban merujuk kepada satu kaum yang mempunyai etnik terbesar yang berada di negeri Sarawak ataupun lebih dikenali ramai dengan nama keduanya iaitu Bumi Kenyalang (Anne anak Rining, 2008). Sewaktu masih dikuasai oleh Rajah Brooke, negeri Sarawak diketahui ramai dengan namanya tersendiri iaitu, Dunia Pemenggal Kepala. Tambahan pula, negeri Bumi Kenyalang ini kaya dengan pelbagai etnik yang mendiaminya iaitu, terdapat dua puluh tiga kelompok serta berpuluh kumpulan kaum pribumi kecil dan masing-masing memegang kepercayaan tersendiri dan tutur kata yang berbeza mengikut daerah sertatempat tinggal masing-masing. Gambar dibawah merujuk kepada populasi penduduk berbilang kaum yang ada di Sarawak dan hasil menunjukkan bahawa masyarakat Iban merupakan masyarakat yang berkumpulan besar menduduki Sarawak.



Gambar Rajah 1.1: Populasi Berbilang Kaum di Sarawak.

Sebelum wujudnya sistem tulisan suatu ketika dahulu, aspek budaya, adat resam serta kepercayaan telah diturunkan secara lisan sejak turun-temurun sehingga menjadi tradisi

lisan. Budaya, adat dan tradisi lisan ialah merupakan pesanan dan kesaksian yang telah disampaikan berterusan dari masa ke semasa kelompok masyarakat. Budaya lisan ini telah diturunkan dari waris ke waris menerusi komunikasi tradisional dan disampaikan secara lisan misalnya berbentuk pantun, puisi, cerita rakyat dan sebagainya. Bagi mengekalkan sastera lisan ini, golongan masyarakat yang telah menyebarkannya dan pengetahuan lain kepada masyarakat seterusnya melalui cara ini tanpa melibatkan sistem tulisan. Dalam kajian ini, penulis hanya memfokuskan tradisi lisan hanya kepada puisi iaitu *timang benih* sahaja.

Menurut perspektif Aminuddin (2009), perkataan puisi merupakan sebuah perkataan yang lahir dari bahasa Yunani iaitu *poima* yang merujuk kepada membuat atau *poesis* ialah pembuatan. Oleh secara umumnya puisi ini telah diberi makna membuat dan pembuatan. Hal tersebut disebabkan oleh menerusi puisi, seseorang telah menciptakan satu dunia mereka sendiri dimana berkemungkinan mengandungi pesanan mahupun pengajaran. Tambahan beliau lagi, puisi juga merupakan antara sebuah pangkal sastera kerana ia menerapkan kata-kata dan dijadikan medium penyampaian bagi mengeluarkan ilusi dan imaginasi. Misalnya, seperti sebuah lukisan yang menggunakan warna dan garisan bagi menunjukkan gagasan pelukis yang menghasilkannya.


Berikutan itu, puisi ini didefinisikan sebagai sebuah penulisan yang berbentuk sajak, syair, pantun dan sebagainya, Kamus Dewan (2007). Puisi juga merupakan satu esei yang berangkap dan ia mempunyai bentuk terikat yang umum lalu mempunyai persamaan pada bilangan perkataan serta rangkap, rima, irama dan juga bilangan suku kata. Berbeza pula dengan pandangan yang diutarakan oleh Abdul Halim Ali, (2006), beliau menyatakan bahawa puisi ini turut disama maksudkan sebagai satu hasil kesenian, tempat pemeliharaan adat, menjangkau dunia mistik, pembangunan keperibadian, pengajaran agama, pengajaran ilmu pengasih dan sebagainya

Lagi, berlandaskan penulisan Harun Mat Piah (1989), puisi merupakan sebagai salah satu bentuk penuturan dimana susunannya yang tersangat unik jika dibandingkan dengan penuturan yang seperti sedia kala misalnya yang terdapat dalam percakapan harian, bahasa yang sangat mengutamakan kebenaran daya intelektual serta logika yang umumnya berbentuk prosa lalu bukan berunsurkan sastera.

Namun demikian, berbeza pula dengan makna bagi puisi tradisional masyarakat Iban. Bagi suku kaum masyarakat Iban, masyarakat Iban turut memiliki himpunan sastera lisan yang tidak ternilai dan pelbagai. Sastera-sastera lisan masyarakat Iban wujud dalam bentuk-bentuk prosa iaitu separa prosa dan puisi ataupun bahasa yang berirama. Tidak dapat dinafikan bahawa suku kaum Iban sangat mahir dan pandai bermain dengan kata-kata dalam kehidupan seharian mereka. Perkara sedemikian telah menyebabkan mereka merasa gembira dan berpuas hati dengan diri mereka sendiri jika mereka diberi gelaran sebagai seorang yang *landik* berkata-kata atau dikenali sebagai pandai berkata-kata. Puisi tradisional Iban di Sarawak dikenali sebagai leka main, yang merangkumi beberapa kategori seperti hiburan, adat resam dan budaya serta invocasi. Menurut pandangan Bruggeman Gerard (1994), *leka* didefinisikan sebagai benih akan tetapi ia juga boleh disama ertikan sebagai perkataan ataupun *word*. Namun begitu, perkataan leka dalam konteks bahasa Iban tidak dapat disama ertikan dengan perkataan lalai, lengah dan seiring dengannya seperti yang tersenarai dalam Kamus Bahasa Melayu (1987). Hal tersebut demikian kerana perkataan tersebut mempunyai perbezaan mengikut perspektif masyarakat lain. Beralih kepada perkataan main dalam bahasa Iban pula, perkataan tersebut tidak dapat diberi sama makna seperti yang tertera dalam Kamus Bahasa Melayu.

Menurut pandangan Bruggeman Gerard (1985), perkataan *main* ini bukan sesuatu perkara yang dilakukan bagi menghiburkan diri sendiri, bersuka ria, namun ia mencakupi keseluruhan bentuk puisi dimana ia dinyanyikan bagi upacara ritual dan hiburan. Oleh itu, *main* ini dinyanyikan bagi tujuan mengiringi upacara ritual pada waktu *gawai*, sebagai invokasi kepada *Petara* ataupun dewa bagi masyarakat Iban serta bertujuan untuk memohon keberkatan serta penyembuhan. Bagi kategori hiburan digunakan untuk menggembirakan hati mahupun bergurau senda. Misalnya puisi tradisional bagi kategori hiburan ini adalah seperti *Entelah* (teka-teki), *Ramban* (puisi kasih sayang), *Renong* (puisi naratif peperangan) dan sebagainya. Secara tuntasnya disini dimana leka main ini merupakan satu puisi rakyat masyarakat Iban yang tersendiri.

Seterusnya, tidak dapat dipertikaikan bahawa masyarakat Iban sememangnya kaya dengan sastera lisan mereka sendiri. Seperti genre sastera lisan yang lain, *leka main* dapat dicetuskan oleh faktor sekeliling serta pengalaman yang dirasa oleh kaum Iban. Tambahan itu, ia telah menggambarkan ke semua elemen kehidupan termasuk kematian suku kaum Iban, peristiwa-peristiwa yang lalu, kebudayaan, adat sebagainya. Oleh itu, *leka main* masyarakat Iban telah tersebar secara lisan, kerana ia berbentuk pertuturan, diwarisi dan diperluaskan kepada satu kelompok ke kelompok yang seterusnya lalu dikategorikan sebagai sebuah sastera yang sangat penting dalam kelompok masyarakat Iban. Tambahan pula, puisi masyarakat Iban ini juga bersifat kolektif serta fungsional. Hal tersebut dikatakan demikian kerana terdapat puisi telah tercetus kesan daripada upacara ritual serta fungsinya tetap digunakan bagi sebab yang tertentu. Jadual dibawah merupakan senarai sastera lisan ataupun leka main yang dimiliki oleh masyarakat Iban dari dulu hingga sekarang:



Rajah 1.1.2 Jenis Leka Main Masyarakat Iban

Sumber : Buku Ensera Ayor Epik Rakyat Iban oleh Noriah Taslim dan Chemaline Usop

Puisi masyarakat Iban turut mempunyai persamaan dengan puisi bagi masyarakat yang lain. Perkara sedemikian telah dibuktikan pada penulisan dalam kajian yang dilakukan oleh Chemaline Usop (2007) yang menyatakan dimana puisi masyarakat Iban menarik dan indah bukan sahaja daripada aspek pemilihan kata, pengungkapan kata, metafora dan lambangnya, akan tetapi juga dari aspek kesan bunyi rentak, tekanan dan perulangan. Perkara yang lebih menarik lagi dimana puisi masyarakat Iban ini disampaikan dengan cara berlagu lalu sering kali diiringi oleh alat-alat muzik seperti gong tawak, bebendai yang merupakan sejenis gong, dan banyak lagi bagi menambahkan kemerduan bunyinya.



Rajah 1.1.3 Gong Tawak, *Bebendai*

Beralih pula kepada definisi mistik yang cuba dirungkai pengkaji dalam kajian ini. Kata sifat mistik bagi penggunaan perkataannya adalah seringkali dihubungkan dengan upacara agama misteri ataupun upacara yang harus dirahsiakan. Mistik merupakan satu gerakan yang bersifat rahsia, tersembunyi atau gelap. Menurut perspektif Ruslani (2005) istilah *myth* lahir dari kata yang mempunyai maksud yang sama dengan perkataan *mystery* dan *mistisisme*. Ketiga-tiga perkataan tersebut bersatu pada kata kerja sahaja iaitu *mustcion*, yang bermaksud menutup mata atau menutup mulut, tetapi maksud perkataan tersebut mempunyai hubungan dengan pengalaman dalam kegelapan dan kesucian. Namun pada dunia moden yang sebahagian orang menganggap mistik merupakan sebuah perkara mitos. Tambahan pula, perkataan mistik ini turut digunakan untuk menunjukkan perkara-perkara yang mempunyai perkaitan dengan pengetahuan berkaitan dengan misteri.

Rentetan daripada kajian yang dijalankan ini, pengkaji akan mengupas tentang unsur-unsur mistik yang terdapat dalam teks *leka main* masyarakat Iban iaitu teks puisi *timbang benih*. *Timbang benih* merupakan sebuah ritual yang digunakan oleh masyarakat Iban untuk memberkati tanaman mereka seperti padi agar sentiasa tumbuh dalam keadaan yang baik serta mendapat perlindungan daripada dewa-dewa mengikut kepercayaan masyarakat Iban. Penyelidikan yang dibuat oleh pengkaji adalah turut dilengkapi dengan mengaplikasikan teori strukturalisme yang telah digagaskan oleh Mukarovsky dan Felik Vodicka (1977), bertujuan untuk mengkaji struktur mistik yang digunakan untuk membentuk mahupun membangunkan puisi tersebut. Meskipun teori ini mempunyai pecahan kepada aspek bahasa, struktur kinsip iaitu corak atau bentuk perkahwinan dan hubungan keluarga serta struktur mitos. Akan tetapi, penyelidikan yang dilakukan oleh pengkaji ini hanya memberi fokus kepada pecahan aspek mitos sahaja.

Tegasnya disini bahawa, mistik merupakan suatu perkara dimana ia merujuk kepada sikap seseorang manusia yang mempercayai dunia luar mahupun lebih dikenali sebagai alam gaib. Mistik ini seringkali dihubungkan dengan masyarakat yang masih mengamalkan amalan animisme kerana masyarakat yang masih mengamalkan kepercayaan animisme percaya bahawa kehidupan mereka bukan sahaja berpegang kepada pertolongan manusia, malah kepada makhluk gaib atau dewa-dewa juga.



1.2 Pernyataan Masalah

Pengkaji telah mengenal pasti beberapa masalah serta kelompondan kajian menerusi pengamatan yang telah dibuat berkenaan dengan beberapa sorotan kajian lalu. Terdapat beberapa penyelidikan yang menyentuh puisi tradisional masyarakat Iban telah dibuat oleh beberapa pengkaji lepas. Perkara tersebut melihat kepada kajian-kajian lepas berkaitan puisi tradisional Iban termasuk *Leka Main: Puisi Rakyat Iban-Satu Analisis Bentuk dan Fungsi oleh Chemaline anak Usop (2006)*, *Bentuk Puisi Tradisional Iban Timang Jalung oleh Ngabong anak Katoi (2021)*, *Geliga sebagai Puisi Adat Dalam Komuniti Iban (Geliga As A Customary Poem In The Iban Community) oleh Laura Beruin dan Chemaline Osup (2021)*, *Struktur dan Unsur Metafora dalam Puisi Invokasi Biau Masyarakat Iban oleh Jessica Dato, Rosline Sandai, Saripah Banseng, Sabariah Sulaiman, Mohd Rashid Mohd Idris dan Taufik Dermawan (2022)*, *Kosmologi Flora Dalam Pantun Iban : Satu Kajian Etnobotani Di Sarawak Menggunakan Teori Ekologi oleh Mike Tyson Paing (2022)* dan *Kajian Biotik di Dalam Puisi Iban Leka Sampi: Satu Interaksi di Antara Manusia dan Alam Menggunakan Teori Ekologi oleh Wiliemina Nily Anak Gading (2023)*.

Pengkaji sedar bahawa penyelidikan yang menumpukan ke arah penemuan unsur mistik pada puisi tradisional Iban masih belum diberi perhatian secara khusus. Selain daripada mengutarakan unsur-unsur mistik dalam puisi tradisional Iban yang dipilih, pengkaji turut berhasrat memperluaskan lagi minda golongan manusia tentang kelebihan puisi tradisional Iban yang sememangnya patut dan wajar dikategorikan satu harta dalam masyarakat dimana mempunyai nilai yang sangat tinggi. Oleh itu, penyelidikan yang menekankan tentang penemuan unsur mistik dalam puisi tradisional Iban patut dibuat bagi memberi jawapan kepada semua permasalahan yang tercetus dalam penyelidikan ini. Tegasnya,

penyelidikan ini akan merungkai lalu membawa penemuan kepada unsur-unsurmistik yang digunakan untuk menghasilkan puisi tradisional Iban.

Selain itu, kajian-kajian lepas turut memaparkan dimana kajian berkenaan puisi tradisional Iban belum lagi dibuat dengan lebih luas serta menyeluruh lagi. Jadi, timbul rasa tanggungjawab pada diri pengkaji bagi menjalankan penyelidikan berkaitan puisi tradisional Iban dengan memberi fokus kepada aspek penemuan unsur-unsur mistik untuk menghasilkan teks-teks dalam puisi tradisional Iban. Sesungguhnya kajian ini turut diperkukuhkan lagi dengan mengaplikasikan teori strukturalisme bagi membahas dapatan kajian dengan lebih mendalam.

1.3 Persoalan Kajian

Kajian yang dibuat telah mencetuskan beberapa persoalan yang harus diterangkan dengan lebih lanjut. Berikut adalah antara persoalan kajian yang tercetus pada penyelidikan yang dibuat:

- 1.3.1 Apakah unsur mistik yang terkandung dalam teks puisi *Timang Benih*?
- 1.3.2 Bagaimanakah unsur mistik yang terkandung dalam teks puisi *Timang Benih*?
- 1.3.3 Sejauh manakah unsur mistik yang terkandung dalam teks puisi *Timang Benih* dapat diaplikasikan melalui teori strukturalisme?

1.4 Objektif Kajian

Berikut adalah beberapa matlamat penyelidikan ini dilakukan. Antaranya ialah:

- 1.4.1 Mengenal pasti unsur mistik yang terkandung dalam teks puisi *Timang Benih*.
- 1.4.2 Menganalisis unsur mistik yang terkandung dalam teks puisi *Timang Benih*.
- 1.4.3 Merumuskan unsur mistik yang terkandung dalam teks puisi *Timang Benih* melalui pengaplikasian teori strukturalisme secara mendalam.



1.5 Batasan Kajian

Bagi menghasilkan penyelidikan ini, terdapat beberapa penyelidikan yang dibataskan untuk digunakan oleh pengkaji. Oleh itu, pengkaji hanya memilih satu puisi timang masyarakat Iban sahaja yang digunakan dalam penulisan ini. Buku puisi yang dipilih adalah bertajuk *Leka Timang* yang diselenggarakan oleh Robert Menua Salleh. Buku *Leka Timang* ini adalah terbitan oleh The Tun Jugah Foundation (Yayasan Tun Jugah) dan dicetak oleh The Sarawak Press Sdn. Bhd. Selain itu, jumlah kesemua bagi muka surat yang bertulis atau bercetak adalah berjumlah 657 manakala buku ini mengandungi sebanyak 12 jenis timang bagi masyarakat Iban. Buku yang digunakan oleh pengkaji untuk membuat kajian ini merupakan cetakan bagi edisi pertama dan diterbitkan pada tahun 1997.

Terdapat beberapa alasan yang kukuh serta memberi kekuatan kepada pengkaji untuk memilih buku ini dan dijadikan sebagai sumber rujukan teks yang utama dalam kajian ini. Aspek pertama yang menjadi pendorong adalah berkaitan dengan struktur dalaman buku, dimana kandungan buku disusun dengan teratur dan kemas bermula dari halaman yang pertama hingga ke halaman yang terakhir. Perkara sedemikian memudahkan pengkaji untuk menjalankan penyelidikan menggunakan buku tersebut kerana susunannya yang kemas. Lanjutan daripada itu, struktur dalaman pada pembahagian leka main masyarakat Iban juga sangat tersusun. Perkara tersebut memudahkan pengkaji untuk memilih leka main yang ingin dikaji oleh pengkaji dalam penulisan ini. Pembahagian yang berbeza mengikut tajuk leka main memudahkan pengkaji untuk memilih leka main yang diminati untuk dijadikan bahan kajian.

Kedua, ialah dari aspek penggunaan bahasa. Penggunaan bahasa turut memainkan peranan yang penting dalam pemilihan buku ini. Hal ini demikian kerana, bahasa adalah aspek yang pertama pengkaji lihat sebelum memilih buku yang ingin dikaji. Penulis menggunakan bahasa Iban yang mudah difahami dalam

menulis buku leka timang ini dan menyebabkan pengkaji dapat menerima sesuatu maklumat dengan lebih sistematik. Perkara sedemikian bermaksud dimana bahasa yang digunakan pada buku tersebut menggunakan bahasa Iban yang tidak terlalu tinggi mahupun penggunaan bahasa kiasan yang terlalu dalam sehingga boleh memberi tekanan kepada para pembaca untuk memahami isi yang cuba disampaikan di dalam buku.

Ketiga, buku ini dipilih oleh pengkaji kerana mempunyai imej yang digunakan untuk menambahkan lagi kemeriahan yang ada pada buku tersebut. Penggunaan imej dalam buku tersebut mempunyai kuasa untuk mempengaruhi emosi para pembaca yang membaca buku di samping menambahkan pengetahuan pembaca mengenai budaya masyarakat Iban. Oleh itu, dengan pemaparan imej pada buku tersebut telah menarik minat pengkaji untuk membuat kajian dan membaca isi yang terdapat dalam buku berkenaan. Tambahan pula, rasa ingin tahu yang dimiliki oleh pengkaji berkaitan dengan budaya masyarakat Iban dengan lebih mendalam lagi mendorong pengkaji untuk menggunakan buku tersebut sebagai buku kajian. Misalnya, dalam buku yang dikaji oleh pengkaji turut memaparkan imej berkenaan dengan cara upacara timang itu dijalankan oleh masyarakat Iban dan alatan-alatan yang digunakan oleh kaum Iban apabila upacara itu dilakukan. Jika sebaliknya, buku tersebut tidak disertakan dengan gambar ataupun disertakan dengan gambar yang tiada berkaitan, sudah tentu pengkaji akan bertanya-tanya serta kekurangan maklumat lalu keliru dalam menerangkan sesuatu perkara mengenai kajian yang dijalankan. Dengan adanya gambar tersebut, ia dapat membantu pengkaji dalam menghuraikan dan menganalisis kajian pada bab-bab yang seterusnya.

buku tersebut menggunakan bahasa Iban yang tidak terlalu tinggi mahupun penggunaan bahasa kiasan yang terlalu dalam sehingga boleh memberi tekanan kepada para pembaca untuk memahami isi yang cuba disampaikan di dalam buku.

Ketiga, buku ini dipilih oleh pengkaji kerana mempunyai imej yang digunakan untuk menambahkan lagi kemeriahan yang ada pada buku tersebut. Penggunaan imej dalam buku tersebut mempunyai kuasa untuk mempengaruhi emosi para pembaca yang membaca buku di samping menambahkan pengetahuan pembaca mengenai budaya masyarakat Iban. Oleh itu, dengan pemaparan imej pada buku tersebut telah menarik minat pengkaji untuk membuat kajian dan membaca isi yang terdapat dalam buku berkenaan. Tambahan pula, rasa ingin tahu yang dimiliki oleh pengkaji berkaitan dengan budaya masyarakat Iban dengan lebih mendalam lagi mendorong pengkaji untuk menggunakan buku tersebut sebagai buku kajian. Misalnya, dalam buku yang dikaji oleh pengkaji turut memaparkan imej berkenaan dengan cara upacara timang itu dijalankan oleh masyarakat Iban dan alatan-alatan yang digunakan oleh kaum Iban apabila upacara itu dilakukan. Jika sebaliknya, buku tersebut tidak disertakan dengan gambar ataupun disertakan dengan gambar yang tiada berkaitan, sudah tentu pengkaji akan tertanya-tanya serta kekurangan maklumat lalu keliru dalam menerangkan sesuatu perkara mengenai kajian yang dijalankan. Dengan adanya gambar tersebut, ia dapat membantu pengkaji dalam menghuraikan dan menganalisis kajian pada bab-bab yang seterusnya.


Akhir sekali, teks-teks dalam puisi timang ini ada mengandungi pelbagai unsur dalam penghasilan puisi timang. Misalnya, penggunaan unsur alam, unsur mistik, unsur moral dan sebagainya dalam penghasilan teks-teks tersebut. Penggunaan unsur-unsur berkenaan bukan sahaja untuk dijadikan sebagai bahasa kiasan dalam memantapkan bunyi-bunyi, malah ia juga turut mempunyai kaitan dengan kehidupan masyarakat Iban sejak dahulu lagi. Namun demikian, meskipun teks-teks tersebut menggunakan pelbagai unsur, pengkaji hanya memberi fokus kepada penggunaan unsur mistik dalam timang

berikut. Penggunaan unsur-unsur mistik dalam kehidupan masyarakat Iban memang tidak dapat dipertikaikan lagi. Hal tersebut demikian kerana, unsur-unsur mistik tersebut telah dipercayai oleh nenek-nenek moyang dan sehingga kini, generasi sekarang turut masih mempercayai kewujudannya dan kaitannya dengan kehidupan masyarakat Iban. Oleh itu, kehadiran beberapa sebab yang kukuh tersebut mendorong pengkaji untuk memilih buku *leka timang* masyarakat Iban. Faktor-faktor sedemikian merupakan akar tunjang dalam membuat keputusan dan memainkan peranan penting dalam pemilihan akhir buku ini.

Kajian telah memutuskan untuk membuat kajian mengenai penggunaan unsur mistik dalam teks *timang benih*. Teks *timang benih* ini juga akan dianalisis oleh pengkaji dengan menggunakan teori strukturalisme. Jadual di bawah merupakan katalog bagi unsur mistik dan teori strukturalisme:



Jadual 1.5.1 Aspek Mistik Dalam Teks *Timang Benih*



Jadual 1.5.2 Pecahan Teori Strukturalisme

1.1 Kepentingan Kajian

Setiap kajian yang berkaitan dengan penyelidikan yang dijalankan oleh setiap para pengkaji sewajarnya mempunyai kepentingannya tersendiri. Pada kajian ini, manfaat serta kesan yang diperoleh tidak berpihak kepada pengkaji seorang sahaja, malah ianya turut mendatangkan manfaat serta kesan yang baik kepada semua lapisan masyarakat tidak kira yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung sepanjang menjalankan penyelidikan ini.

Berdasarkan pengamatan yang dilakukan pada sorotan kajian lalu, pengkaji telah mendapati bahawa kajian yang memberi penekanan kepada unsur mistik, unsur intrinsik dan ekstrinsik dalam puisi tradisional Iban ini kurang diberi fokus. Oleh hal yang demikian, pengkaji mengambil peluang untuk melakukan kajian ini bagi merungkai unsur mistik yang terdapat dalam teks puisi timang, unsur intrinsik dan ekstrinsik yang ada pada puisi tradisional Iban. Kajian ini dilakukan juga bukan sahaja untuk merungkai segala makna yang terdapat pada teks timang benih itu sahaja, malah pengkaji juga berhasrat untuk memartabatkan budaya masyarakat Iban agar dikenali ramai serta tidak dipinggirkan oleh generasi yang mendatang. Perkara sedemikian kerana budaya yang melambangkan masyarakat Iban tidak mudah tenggelam selaras dengan perkembangan arus zaman.

Pengaplikasian teori yang digunakan untuk menjalankan kajian ini turut dijadikan kepentingan kajian ini dilakukan. Teori strukturalisme yang telah dikembangkan oleh Felix dan Jan Mukarovsky (1977) akan diaplikasikan oleh pengkaji pada kajian ini. Teori strukturalisme ini akan digunakan untuk menganalisis dapatan kajian yang telah diperoleh oleh pengkaji bagi memfokuskan kepada penggunaan unsur-unsur intrinsik dan ekstrinsik yang digunakan untuk menghasilkan teks puisi tradisional Iban iaitu *timang benih*. Penggunaan teori ini turut bertujuan agar dapatan kajian yang diperoleh selaras dengan penyelidikan yang ingin dibuat oleh pengkaji. Justeru, dengan pengaplikasian teori yang dipilih, diharapkan penyelidikan yang dilakukan dapat

diambil sebagai sumber rujukan oleh pengkaji yang lain pada masa yang mendatang jika pengkaji-pengkaji tersebut menggunakan teori yang sama. Oleh itu, diharapkan dengan kepentingan kajian ini boleh meringankan beban para pengkaji bagi menjayakan kajian mereka secara lebih meluas lagi penggunaan teori strukturalisme dalam membahaskan kajian kesusasteraan.



1.6 Definisi Operasional

Pada bahagian definisi operasional ini, penyelidik telah mengutarakan beberapa definisi yang terdapat pada kajian yang pengkaji lakukan ini. Antaranya adalah seperti unsur mistik, pantun tradisional, timang benih dan teori strukturalisme. Definisi operasional yang diterangkan ini adalah berasaskan kepada beberapa pendapat mahupun pandangan yang dikemukakan dan diutarakan oleh beberapa para sarjana dengan lebih jelas lagi.

1.6.1 Mistik

Kata sifat mistik bagi penggunaan perkataannya adalah selalu dikaitkan dengan upacara agama misteri mahupun upacara yang harus dirahsiakan. Mistik merupakan satu gerakan yang bersifat rahsia, tersembunyi atau gelap. Menurut perspektif Ruslani (2005) istilah *myth* merupakan salah satu perkataan dimana ia mempunyai maksud yang sama dengan perkataan *mystery* atau *mistisisme*. Ketiga-tiga perkataan tersebut bersatu pada kata kerja sahaja iaitu *mustcion*, yang bermaksud menutup mata atau menutup mulut, tetapi maksud perkataan tersebut mempunyai hubungan dengan pengalaman dalam kegelapan dan kesucian. Namun pada dunia moden yang sebahagian orang menganggap mistik merupakan sebuah perkara mitos. Tambahan pula, perkataan mistik ini turut digunakan untuk menunjukkan perkara-perkara yang mempunyai perkaitan dengan pengetahuan berkaitan dengan misteri.

Abimanyu dalam Handayani (2016), mistik merupakan perkara gaib yang sangat dipercayai oleh segelintir manusia hingga kewujudannya tidak dapat diterangkan dengan pemikiran manusia biasa. Beliau juga berpendapat bahawa mistik merupakan sebuah subsistem yang wujud dan semua agama dan kepercayaan mempercayai akan kewujudan mistik ini. Beliau juga berpendapat bahawa mistik merupakan pengetahuan yang bersifat tidak rasional.

Menurut Oxford Advanced Learner's Dictionary (2015), mistisisme boleh ditakrifkan sebagai pengalaman atau kepercayaan tentang mistik, ajaran atau kepercayaan bahawa pengetahuan tentang hakikat Tuhan boleh diperoleh melalui pemahaman spiritual yang tidak dipengaruhi oleh akal dan pancaindera.

Tegasnya, mistik merupakan perkara gaib yang dipercayai oleh sebahagian masyarakat. Bukan itu sahaja, mistik juga merupakan satu perkara yang merujuk kepada perbuatan seseorang manusia yang mempercayai dunia luar atau lebih dikenali sebagai alam gaib. Seseorang yang mempercayai mistik merupakan orang yang percaya akan kewujudan roh-roh gaib yang dikatakan dapat membantu dalam kehidupan.

1.6.2 Puisi

Menurut Aminuddin (2009), perkataan puisi adalah sebuah perkataan yang lahir daripada bahasa Yunani iaitu *poema* bermaksud membuat atau *poesis* dikenali sebagai pembuatan. Oleh secara umumnya puisi ini telah diberi makna membuat dan pembuatan. Hal ini demikian kerana, menerusi puisi pada umumnya seseorang telah menciptakan satu dunia mereka sendiri yang berkemungkinan memiliki pesanan dan pengajaran. Tambahan beliau lagi, puisi juga merupakan salah satu pangkal sastera yang menggunakan kata-kata sebagai medium penyampaian bagi mengeluarkan ilusi dan imaginasi. Misalnya, seperti sebuah lukisan yang menggunakan warna dan garisan dalam menggambarkan gagasan pelukisnya.

Seterusnya, menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), puisi ini didefinisikan sebagai sebuah esei dimana ia berbentuk sajak, syair, pantun dan lain-lain lagi. Puisi juga adalah satu esei yang berangkap dan ia mempunyai bentuk terikat yang umum lalu mempunyai persamaan pada jumlah perkataan dan rangkap, bahagian rima, irama dan bilangan suku kata. Bukan sahaja itu malah, bagi pandangan Za'ba pula, puisi merupakan satu penulisan yang berangkap yang digunakan untuk mengutarakan fikiran yang indah dimana ia dihasilkan dengan menggunakan bahasa yang gramatis

dan melukiskan bahasa yang indah dan manis.

Lagi, berlandaskan penulisan Harun Mat Piah pada tahun 1989, puisi merupakan sebagai salah sebuah bentuk penuturan dimana susunannya yang sangat unik jika dibandingkan dengan penuturan yang seperti sedia kala seperti yang diaplikasikan pada percakapan seharian, bahasa dimana sangat memberi kepentingan kepada kebenaran daya intelektual serta logika yang umumnya dalam bentuk prosa lalu bukan berunsurkan sastera. Tambahan pula, beliau telah menekankan bahawa puisi tradisional seharusnya didasari beberapa elemen berikut seperti mengandungi bentuk tertentu, susunan dalam puisi menunjukkan penggunaan bahasa-bahasa yang positif, ekspresif, kental serta mempamerkan nilai-nilai yang indah, ungkapan puitis yang turut didorong oleh unsur-unsur muzik, dalam lagu ataupun setidaknya intonasi, kadensa, irama serta harmoni yang merupakan unsur puitis yang sangat penting. Selain itu, menurut pandangan beliau lagi, elemen yang terdapat dalam puisi tradisional juga adalah disediakan pada bentuk yang tertulis serta kerat-kerat yang dipecahkan itu tersusun dalam baris yang sejajar, baris, rima dan irama disusun begitu rupa sehingga menghasilkan pola atau ikatan tertentu dan wujudnya pembahagian unit dalam menyatakan idea.

1.6.3 Teori Strukturalisme

Teori strukturalisme merupakan sebuah teori sastera yang akan diaplikasikan dalam kajian ini. Pengkaji menggunakan teori ini untuk membahas analisis kajian dengan lebih mendalam berlandaskan maklumat-maklumat yang diperolehi oleh pengkaji. Teori strukturalisme merupakan sebuah teori yang dikembangkan oleh Felix dan Jan Mukarovsky (1977). Terdapat beberapa aspek yang berada di bawah teori ini seperti aspek bahasa, aspek kinsip iaitu corak atau bentuk perkahwinan dan hubungan keluarga serta aspek mitos. Antara kewujudan teori ini adalah bagi meninjau bentuk dan struktur yang terdapat pada sesebuah karya atau teks seperti cerpen, puisi dan

sebagainya. Bentuk dan struktur yang dimaksudkan adalah berkaitan dengan aspek dalaman mahupun aspek luaran bagi sesebuah karya yang telah dihasilkan oleh golongan pengarang. Misalnya, bagi unsur instrinsik menekankan kepada aspek dalaman karya dimana merujuk kepada tema, amanat dan nilai yang diketengahkan oleh golongan pengarang dalam membangunkan cerpen mahupun sesebuah puisi. Malah unsur ekstrinsik iaitu merujuk aspek luaran yang terdapat dalam sesebuah cerpen mahupun puisi yang ditegaskan oleh golongan pengarang bagi menghasilkan karya mereka.



1.7 Organisasi Kajian

Bab Satu

Bab satu memainkan peranan menerangkan bahagian pendahuluan. Pada bahagian ini, elemen-elemen yang dihuraikan antaranya seperti pengenalan, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, definisi operasional, organisasi kajian serta penutup. Setiap elemen tersebut, memainkan peranan tersendiri dan masing-masing sangat penting dalam memberi pemahaman untuk keseluruhan kajian. Perkara tersebut akan dibincangkan dengan lebih terperinci lagi untuk menyediakan sebuah penulisan yang komprehensif.

Bab Dua

Seterusnya, pada bab ini adalah untuk menganalisis sorotan-sorotan kajian lalu yang telah dijalankan atau dibuat oleh beberapa para sarjana. Pada bahagian bab ini, pengkaji melakukan teknik pembacaan dan membuat ulasan berkenaan dengan kajian lepas yang telah berjaya dihasilkan para-para sarjana yang terdahulu. Perkara itu dilakukan demikian bagi mengenal pasti sama ada para sarjana pernah melakukan kajian yang sama dan serupa ataupun perkara sebaliknya dengan kajian yang dilakukan oleh pengkaji kini. Pengkaji menggunakan kajian lepas ini sebagai panduan dan petunjuk arah untuk memudahkan pemahaman pengkaji terhadap kajian unsur mistik yang ingin dianalisis. Dalam bab dua ini, sorotan kajian lepas yang dipecahkan kepada dua bahagian yang berbeza. Bahagian yang pertama adalah berkaitan dengan kajian terhadap leka main masyarakat Iban manakala untuk bahagian yang kedua pula adalah berkenaan dengan penyelidikan terhadap teori strukturalisme yang diaplikasikan dalam penulisan sastera.

Bab Tiga

Selain itu, pada bahagian bab ketiga pula adalah berkaitan dengan metodologi kajian. Pada bab tersebut, dimana penulis telah memilih beberapa kaedah yang bersesuaian bagi menjayakan penyelidikan yang dilakukan oleh pengkaji. Oleh itu, pengkaji telah menjelaskan beberapa kaedah yang bersesuaian digunakan iaitu seperti kaedah kepustakaan serta analisis teks untuk penggunaan teori yang dipilih. Oleh itu, metodologi kajian memainkan peranan penting bagi menghasilkan kajian agar sebuah kajian yang dilakukan mendapat hasil yang sangat kemas serta teratur untuk tujuan rujukan generasi-generasi yang akan mendatang.

Bab Empat

Pada bahagian ini, pengkaji akan membahaskan dapatan analisis dan dapatan kajian dengan lebih terperinci. Oleh itu, pada bahagian ini, pengkaji akan membahas dengan lebih mendalam lagi bagi hasil kajian yang ditemui mahupun diperolehi daripada teks puisi *timang benih* masyarakat Iban yang terdapat dalam buku yang bertajuk *Leka Timang*. Pengkaji mendapati terdapat unsur mistik dalam teks leka timang benih tersebut. Kajian ini pula akan dilengkapi dengan teori yang telah dikemukakan oleh Mukarovsky dan Felix Vodicka (1977) bagi membahas bahagian analisis dengan lebih mendalam lagi. Perbincangan bahagian analisis hanya memberi fokus kepada unsur mistik yang telah digunakan untuk membangunkan puisi sahaja yang selari dengan tajuk kajian pengkaji.

Bab Lima

Bab lima adalah bahagian yang terakhir pada proses penulisan ini, dan ia merupakan bahagian kesimpulan dalam penyelidikan yang dilakukan. Pada bab kelima, pengkaji akan membuat kesimpulan secara menyeluruh berkaitan kajian berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh daripada dapatan kajian selaras dengan beberapa objektif kajian yang telah dibincangkan pada permulaan kajian ini dijalankan. Pada bahagian ini turut memuatkan isi keseluruhan kajian dan juga pendapat pengkaji.



1.8 Penutup

Mafhumnya, penyelidikan yang dijalankan oleh pengkaji ini menyentuh berkenaan dengan unsur mistik yang hanya pengkaji fokuskan kepada puisi tradisional masyarakat Iban iaitu Timang Benih sahaja. Penggunaan unsur mistik dalam kepercayaan masyarakat Iban akan dirungkai oleh pengkaji dalam kajian ini yang bertujuan untuk menyatakan bahawa masyarakat Iban masih mempercayai bahawa mereka mempunyai hubungan dengan alam ghaib. Seperkara lagi, kajian inidilakukan kerana pengkaji berhasrat untuk mengangkat budaya masyarakat Iban kerana kajian seperti ini jarang dilakukan oleh orang luar. Pada bahagian-bahagian atas yang diterangkan oleh pengkaji merupakan aspek-aspek yang akan akan dibincangkan oleh pengkaji. Tambahan pula, perkara tersebut turut akan dijadikan rujukan oleh pengkaji dalam membuat perbincangan pada bab-bab yang seterusnya. Oleh hal yang demikian, pengkaji berjiwa besar dan berazam untuk menjalankan kajian ini dengan sebaik yang mungkin serta selaras dengan apa yang disenaraikan di atas supaya objektif kajian ini dapat dipenuhi.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN LEPAS

2.1 Pengenalan

Pada bahagian bab dua ini, penulis akan mendalami proses menjalankan penyelidikan dengan mentafsir beberapa artikel dan penyelidikan lalu yang telah dibuat oleh sarjana dan penyelidik-penyelidik lain. Penyelidikan ini dilakukan adalah bertujuan untuk memastikan sama ada penyelidik terdahulu pernah mengkaji atau meneroka sama ada kajian yang dilakukan oleh pengkaji kini memiliki keserupaan dengan pengkaji lepas atau sebaliknya. Oleh itu, pengkaji mengategorikan kajian yang dinyatakan kepada dua bahagian yang berlainan antara satu sama lain. Pada kategori yang pertama, pengkaji memberi fokus kepada kajian terhadap leka main masyarakat Iban di Sarawak manakala kategori kedua berkaitan dengan teori strukturalisme dalam karya sastera. Sorotan terdahulu akan dihuraikan secara ringkas dan mudah difahami.

2.2 Pengkajian Puisi Masyarakat Iban di Sarawak

Antara kajian mengenai leka main masyarakat Iban di Sarawak yang pertama iaitu kajian oleh Chemaline anak Usop (2006), *Leka Main: Puisi Rakyat Iban-Satu Analisis Bentuk dan Fungsi*. Kajian yang dilakukan berikut adalah merupakan antara usaha untuk mengupas puisi rakyat masyarakat Iban yang bersamaan makna dengan *leka main*. Dalam menjayakan kajian penyelidikan ini mempunyai, pengkaji telah menggunakan dua objektif. Objektif penyelidikan yang pertama ialah untuk mengkaji bentuk, stail serta struktur puisi Iban. Objektif kajian yang kedua pula adalah mengupas fungsinya dalam kalangan masyarakat Iban serta mengelaskannya berdasarkan kegunaannya sendiri.

Selain itu, dalam penyelidikan ini juga, pengkaji turut meninjau elemen-elemen pendeklamasian leka main termasuk audiens, instrumen muzik serta peralatan lain yang seiring dengannya yang digunapakai semasa pendeklamasian puisi tersebut. Secara keseluruhannya, survival *leka main* dalam suku kaum Iban saling berpegang pada fungsi sosio-budayanya sama ada masih mengekalkan dan mengabadikan puisi tersebut sebagai kepercayaan yang hidup.

Pemerhatian seterusnya dilakukan oleh Linda anak Dagang (2007) kajian yang bertajuk *Persepsi Golongan Muda Terhadap Perayaan Gawai Burung Kenyalang di Daerah Lubok Antu*. Penyelidikan ini mengupas tentang pengendalian dan kelebihan perayaan kaum Iban di tempat yang dipilih oleh pengkaji. Namun demikian, kajian yang dilakukan oleh pengkaji memberi fokus tentang pandangan masyarakat kini tentang sambutan Gawai berkenaan. Oleh itu, objektif kajian ini adalah dimana pengkaji berkeinginan untuk merungkai pandangan generasi kini terhadap sambutan perayaan tersebut serta berhasrat untuk mempromosikan perayaan yang diamalkan oleh kaum Iban pada suatu ketika dulu. Dalam permasalahan kajian yang dilakukan oleh pengkaji ini, pengkaji telah mendapati bahawa perayaan tersebut tidak lagi dipandang serta kurang diamalkan di rumah panjang pada waktu kini. Lalu pengkaji turut menyatakan bahawa perbincangan lain adalah berkenaan dengan reaksi generasi kini terhadap sambutan perayaan tersebut. Jelas disini bahawa, Gawai Burung Kenyalang merupakan sebuah perayaan amat penting bagi golongan masyarakat Iban suatu ketika dahulu. Akan tetapi, kini golongan muda semakin tidak mengambil kisah tentang perayaan sedemikian dan makin lama perayaan tersebut semakin dilupakan.

Tambahan lagi, Patricia Matusky pada tahun 2010 telah menjalankan kajian tentang *The Iban Pantun-Poetry and Song*. Kajian yang dilakukan oleh beliau memberi fokus kepada bentuk puisi tradisional Iban yang dikenali sebagai pantun. Objektif kajian adalah untuk mengenalpasti aspek baris dan rangkap yang terdapat pada pantun masyarakat Iban. Tambahan pula, pada kajian yang dilakukan oleh beliau, beliau telah

menyatakan bahawa pantun turut distrukturkan verse dan stanza yang telah dikenali sebagai baris dan rangkap. Dalam kajian itu juga, beliau telah menyatakan setiap baris yang dinyatakan bagi satu verse adalah tidak tetap dan tidak sama.

Analisis Unsur Metafora Dalam Sampi Iban daripada Saripah anak Banseng (2016). Leka main masyarakat Iban tidak kira pantun, puisi tradisional sememangnya menggunakan bahasa kiasan bagi memantapkan lagi penggunaan bahasa dalam penyampaian. Dengan itu, dalam kajian ini, pengkaji telah merungkai unsur yang membentuk bahasa kiasan metafora namun kajian ini hanya difokuskan kepada sampi sahaja. Unsur yang terkandung pada bahasa berlapis adalah terdiri daripada unsur alam serta juga bukan unsur alam. Objektif kajian untuk kajian yang dijalankan ini adalah seperti mengenalpasti lapisan bahasa dalam pembinaan struktur sampi, mengkaji jenisayat yang membina struktur sampi serta mengkaji unsur yang digunakan untuk membentuk metafora dalam menghasilkan sampi. Kajian ini cuma terhad kepada dua buah sampi sahaja iaitu sampi di awal aktiviti perhumaan dan *sampi* perayaan perhumaan. Kajian ini juga terbatas kepada sumber sekunder dimana hanya menggunakan buku *Sampi Enggau Biau* susunan Robert Menua Salleh dan Janang Ensiring (2001). Metode kajian yang digunakan oleh pengkaji ialah pendekatan kualitatif dan kaedah deskriptif. Dapatan penyelidikan mendapati dimana kategori bahasa yang terdapat pada bahagian permulaan sampi berbentuk seruan permulaan, bertabik dan pengenalan. Manakala untuk bahagian isi adalah tujuan, seruan, persembahan saji (piring), suruhan dan juga dialog dengan dewa iaitu *Petara*. Namun, pada bahagian terakhir pula lapisan bahasa doa restu. Hasil kajian yang lain pula dimana unsur yang terdapat pada bahasa kiasan metafora terdiri daripada unsur alam dan bukan unsur alam.

Sementara itu, *Ensera Ayor: Wira Hodoh Sastera Rakyat Iban* oleh Noorasikin Binti Azis (2016). Ensera merupakan satu leka main masyarakat Iban yang berbentuk lisan dan merupakan sebuah teks puisi yang menceritakan tentang keperwiraan

masyarakat Iban. Kajian yang dilakukan oleh sarjana ini mempunyai tiga objektif. Antaranya ialah untuk mencari faktor yang menyebabkan Ayor ini diangkat menjadi wira, mengkaji ciri-ciri kepahlawanan dan kehebatan wira dan meneliti penerimaan dan layanan watak-watak dalam teks ini . Kajian yang dilakukan ini hanya memfokuskan kepada penggunaan satu teks sahaja iaitu teks *Ensera Ayor: Epik Rakyat* yang disusun oleh Chemaline Anak Osup dan Noriah Taslim. Disamping itu, kaedah kajian yang digunakan oleh pengkaji iaitu kaedah kajian kepustakaan, kajian internet, kaedah temubual dan teknik menganalisis teks. Hasil kajian menjelaskan dimana rupa paras bukanlah elemen penting untuk menjadi seorang wira. Namun, jika seseorang itu berani dan bijaksana dia juga boleh menjadi seorang wira.

Bagi kajian seterusnya iaitu *Unsur Bahasa Kiasan Metafora Dalam Sampi Iban* daripada Saripah Banseng dan Rosline Sandai (2017). Objektif penyelidikan ini adalah mengkaji elemen- elemen yang digunakan untuk menghasilkan bahasa kiasan metafora pada *sampi* mantera perhumaan (*sampi uma*) kaum Iban. Pengkaji menggunakan dua buah *sampi* perhumaan yang dipetik dalam buku *Sampi Enggau Biau* bagi menjalankan kajian. Kaedah penyelidikan yang diguna oleh pengkaji iaitu teknik kualitatif dan deskriptif. Hasil kajian jelas menunjukkan dimana kebanyakan bahasa kiasan pada *sampi* kaum Iban adalah berlandaskan unsur alam dan bukan unsur alam yang sememangnya menjadi tradisi bagi kaum Iban. Kajian ini juga menunjukkan bahawa masyarakat dulu sangat mahir dalam mengaplikasikan unsur sekeliling bagi membahaskan sesuatu dimana dengan penggunaan unsur alam adalah untuk menyatakan sesuatu yang tersirat dalam kehidupan mereka. Kesimpulannya, penggunaan unsur alam dan bukan alam pada bahasa kiasan metafora meluaskan kecerdikan pengamal tentang keupayaan dalam berbahasa.

Kajian penyelidikan oleh Abang Sallehuddin Abg. Shokeran dan Hashim Ismail (2017) yang bertajuk *Tukang Ensera: Seni Tradisi Berdepan Cabaran Modenisasi*. *Ensera* adalah puisi epik tradisional yang menceritakan kegagahan dan pengorbanan

pejuang-pejuang bagi masyarakat Iban yang amat panjang. Genre tersebut terdapat pada kelompok suku kaum Iban sahaja. Matlamat kajian adalah untuk mengenalpasti pertelingkahan yang berlaku antara kuasa Timur dan kuasa Barat dan dikukuhkan lagi dengan mengaplikasikan teori pascakolonialisme. Hasil kajian mendapati bahawa pengkaji melihat cabaran yang berdepan dengan seni tradisi yang kian diketepikan malah bukan sahaja impak daripada kecanggihan teknologi yang berpunca daripada bentuk keseronokan budaya popular tetapi juga tidak ada minat segelintir masyarakat kini seperti yang dimainkan oleh watak Sunti faktor daripada sistem pendidikan terkini yang dihadirkan oleh kuasa Barat.

Hasil penulisan oleh Russel Dundang anak Jeffrey dan Mary Fatimah Subet (2018) yang berjudul *Unsur Alam Dalam Peribahasa Iban (Jaku' Sempama): Satu Analisis Semantik Inkuisitif (Elements of Nature in Iban Proverbs (Jaku' Sempama): An Inquisitive Semantics Analysis)*. Penggunaan peribahasa dalam kalangan kaum Iban menunjukkan dimana kaum Iban turut mempunyai kesantunan dalam berbahasa dari segi menyampaikan teguran, nasihat mahupun sindiran terhadap masyarakat. Matlamat penyelidikan ini dijalankan ialah untuk menganalisis dan mengkaji peribahasa Iban (*jaku' sempama*) yang mempunyai unsur alam bagi penghasilannya dan menyenaraikan akal budi serta kebijaksanaan kaum Iban untuk menghasilkan peribahasa Iban (*jaku' sempama*). Penyelidikan yang dilakukan pengkaji ini diperkukuhkan lagi dengan mengaplikasikan teori semantik inkuisitif. Penyelidikan tersebut ini turut digagaskan lagi dengan menerapkan kaedah kajian kualitatif. Oleh itu, dengan jelas menunjukkan bahawa hasil kajian yang dilakukan mendapati terdapatnya falsafah yang tersirat dalam penghasilan sesebuah peribahasa suku kaum Iban yang dapat dihubungi kaitkan dengan kehidupan masyarakat.

Mangai Tugau, Mohamad Maulana Magiman dan Franklin Ragal Kudat (2019) telah menjalankan penyelidikan bertajuk *Ritual Sabak dalam Budaya Masyarakat Iban di Daerah Sebauh, Sarawak*. *Sabak Bebuah* turut merupakan salah satu puisi tradisional

masyarakat Iban. Nyanyian ini merupakan satu nyanyian yang berbentuk ratapan nyanyian atau nyanyian berkabung yang dilaksanakan semasa pelaksanaan ritual kematian suku kaum Iban terutamanya bagi golongan yang memegang budaya lama atau lebih dikenali sebagai animisme. Fokus utama yang dilakukan pada kajian ini bertujuan untuk menganalisis bentuk-bentuk yang terkandung dalam nyanyian berkabung lalu merungkai elemen-elemen dalam ritual yang digunakan. Metode kajian yang digunakan oleh pengkaji iaitu kaedah kualitatif (etnografi) yang terdiri daripada kajian lapangan, pemerhatian, temu bual dan kaedah kepustakaan. Hasil kajian yang diperoleh oleh para pengkaji mendapati bahawa nyanyian ratapan ini bertujuan untuk memberi ketenangan roh yang meninggal manakala untuk unsur yang terdapat di dalam upacara ini menekankan bahawa setiap makhluk yang bernyawa juga akan menemukan pengakhiran hidupnya.

Jennifer Empiang anak Liman, Beatrice Anne Saga, Noria Tugang dan Fujica Anggo (2019) dalam kajian *Tradisi Lisan Timang Gawai Kelingkang Nanga dalam Masyarakat Iban di Sarawak: Satu Penelitian Awal*. Setiap suku kaum ada mempunyai budaya dan warisan masing-masing begitu juga untuk masyarakat Iban. Untuk kajian ini, para pengkaji telah menerangkan bahawa perayaan berkenaan merupakan sebuah perayaan yang berstatus tinggi jika dibandingkan dengan gawai yang lain dan gawai ini juga mempunyai perkaitan dengan keberanian lelaki masyarakat Iban. Pada penyelidikan ini, pengkaji memberi penekanan kepada maksud tersirat yang terkandung dalam leka timang upacara yang terpilih dan kaedah pemeliharaan untuk mengekalkan akan kehadiran leka timang tersebut. Kajian yang dilakukan oleh para pengkaji ini telah mendapat data terus daripada golongan yang mahir dalam aspek tradisi lisan yang dikenali sebagai lemambang ataupun pelaku ritual. Bagi metodologi penyelidikan, pengkaji mengaplikasikan kaedah kepustakaan, temubual berstruktur dan tidak berstruktur dan menggunakan kaedah kualitatif. Hasil kajian mendapati bahawa perayaan tersebut kurang diberi perhatian dalam budaya suku kaum Iban pada waktu

kini. Hal ini kerana, perayaan tersebut cuma diadakan oleh kaum lelaki Iban setelah balik dari perjalanan ngayau bagi memperingati perjuangan mereka.

Lagi, kajian *Adat Gawai Antu Masyarakat Iban Di Bintulu, Sarawak* oleh Anthony Amelia Sudan (2019). Objektif penyelidikan ini ialah meninjau sejarah dan penyebaran suku kaum Iban di Bumi kenyalang, menganalisis peraturan-peraturan khas semasa menjalankan Gawai Antu serta mengemukakan cara perlindungan terhadap ritual tersebut. Penyelidik telah mengaplikasikan metode kajian yang berbentuk kualitatif dari sudut pemerhatian, temubual berstruktur kepada enam orang responden, kajian kepustakaan serta kajian rintis. Dapatan penyelidikan menjumpai dimana golongan Iban terjadi hasil pemindahan berlaku dengan begitu meluas suatu ketika dahulu. Keseluruhannya, adat *Gawai Antu* memperlihatkan beberapa objektif utama perayaan ini diadakan, elemen-elemen ritual serta penghormatan kepada dewa-dewa menjelang berlangsungnya ritual ini berdasarkan segelintir amalan wajib yang terkandung pada perayaan berkenaan.

Penelitian yang bertajuk *Perlindungan Harta Intelek Terhadap Tradisi Lisan Masyarakat Iban: Leka Timang* oleh Beatrice Anne Saga, Jeniffer Empiang Liman dan Noria Tugang (2019). Tradisi lisan *leka timang* adalah antara daripada adat tradisi kini kian ditinggalkan dan diabaikan dalam kelompok masyarakat kerana revolusi budaya yang berlaku kini. Pada kertas penyelidikan ini, penyelidik menekankan terhadap pertahanan harta intelek dan tradisi lisan *leka timang* suku kaum Iban. Kajian yang dilakukan ini mendapat data secara langsung daripada individu yang berkebolehan dalam aspek menguruskan harta intelek dan bidang tradisi lisan *leka timang* suku kaum Iban. Kesimpulannya, kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk memberikan pengetahuan penting kepada golongan pembaca dan para sarjana yang mendatang mengenai implikasi pemuliharaan harta intelek terhadap tradisi lisan *leka timang* suku kaum Iban.

Kajian penyelidikan yang bertajuk *Unsur Symbolisme Dalam Pengap Gawai*

Pangkung Tiang oleh Benjamin Liam dan Chemaline Osup (2020). Tujuan penyelidikan ini dijalankan adalah bertujuan untuk mengkaji unsur-unsur perlambangan yang terkandung pada teks *pengap* (zikir) gawai pangkung tiang kaum Iban yang terletak di Julau. Kaedah penyelidikan yang diaplikasikan oleh penyelidik iaitu kajian kepustakaan dan kajian lapangan. Penyelidikan yang dilakukan oleh penyelidik memfokuskan kepada enam jenis teks sahaja untuk dianalisis yang mempunyai kaitan dengan unsur simbolisme. Hasil kajian mendapati bahawa perlambangan yang terdapat pada *pengap* mempunyai hubungkait dengan kawasan sekeliling serta tidak diketepikan juga dengan kehidupan seharian suku kaum Iban. Tambahan pula, masyarakat Iban berpendapat bahawa semua benda yang bernafas dan tidak bernafas memiliki roh atau kekuatan tersendiri dengan menunjukkan personaliti manusia terhadap perkara berkenaan menerusi simbol. Kesimpulannya, kesan daripada penyelidikan ini bertujuan untuk meningkatkan kefahaman tenaga pengajar Bahasa Iban di Bumi Kenyalang untuk mengajar puisi *pengap* menelusuri unsur estetik dalam Bahasa Iban.

Sementara itu, kajian imej arketaip dalam *Puisi Sabak* oleh Laura Seman (2020). *Puisi sabak* termasuk dalam puisi invokasi. *Puisi sabak* sangat luar biasa serta mempunyai bermacam imej arketaip. Oleh itu, matlamat penyelidikan dijalankan adalah bertujuan untuk menunjukkan imej arketaip yang terkandung di dalam teks *sabak*. Hal ini demikian kerana generasi muda sekarang kurang tahu berkaitan dengan makna bagi jenis ayat mahupun gambar yang digunapakai dalam puisi *sabak*. Kajian ini mengkhususkan kepada penggunaan teks *puisi sabak* daripada buku *Sabak* yang disusun oleh Robert Menua Salleh di samping penggunaan teori arketaip oleh Carl Jung untuk mengukuhkan lagi dapatan kajian. Pengkajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan temu bual. Kajian mendapati bahawa penggunaan objek seperti besi, tabak yang mengandungi makanan, dan rama-rama dalam puisi *sabak* merujuk kepada imej arketaip yang hanya dimiliki oleh kaum Iban. sahaja yang memahami penggunaan tersebut. Oleh itu, kajian ini dihasilkan agar dapat meningkatkan pengetahuan golongan

kini agar mengenali wujudnya penggunaan peralatan khusus dalam puisi sabak akhirnya dapat menolong dalam proses pembelajaran murid bagi membantu dan tahu tentang penggunaan imej arketaip dalam puisi *sabak*.

Seterusnya, kajian “*Penghayatan Ensera Menggunakan Teknik Lakonan dalam Bilik Darjah*” yang dijalankan oleh Dorathya Gerry dan Chemalin Osup (2020). Ensera merupakan tradisi lisan dan diklasifikasikan sebagai *leka main* masyarakat Iban. Pengaruh persekitaran bilik darjah merupakan satu aspek yang amat penting kerana ia dapat mengawal minat pelajar terhadap mata pelajaran bahasa Iban di sekolah khususnya dalam sastera Iban. Aktiviti ini juga boleh membangkitkan unsur-unsur penghargaan, termasuk keperibadian, gaya bahasa, nilai, keindahan, dan unsur budaya. Kaedah kajian yang digunakan oleh penyelidik ialah kaedah lapangan, dan penyelidik menggunakan tiga jenis kaedah kajian: temu bual separa berstruktur, pemerhatian, dan rakaman video. Hasil kajian menunjukkan bahawa peranan tontonan ensera melalui teknik lakonan direalisasikan sepenuhnya dalam konteks pengajaran dan pembelajaran bilik darjah. Ini membolehkan pelajar menyatakan pendapat yang sangat membantu tentang pengetahuan, pengalaman lepas, aspek keseronokan dan penghargaan serta meningkatkan minat untuk terus belajar bahasa Iban.

Lagi, kajian yang dilakukan oleh Doratya Anak Gerry dan Chemaline Anak Osup (2020) bertajuk *Kaedah Mengalami-Menghayati Dalam Pengajaran Bahasa Iban Dengan Menggunakan Ensera*. Kajian ini dilakukan bertujuan untuk menganalisis kaedah dan teknik pengajaran dalam kelas bahasa Iban melalui pengaplikasian ensera. *Ensera* adalah kisah tradisional suku kaum Iban yang menceritakan tentang pengorbanan wira-wira dari Panggau Libau dikenali sebagai dunia fantasi yang diceritakan secara kanaka (lagu), namun demikian digilirkan dengan beberapa maksud dan penceritaan yang berbentuk prosa. Tambahan pula, pengkaji telah memilih kaedah kualitatif secara bertulis dan turut menjalankan kerja lapangan bagi menjayakan kajian. Penyelidikan ini dimantapkan lagi dimana pengkaji menggunakan teori konstruktivisme

dan teori moral yang bertujuan untuk melihat kaedah dan teknik serta tahap penilaian nilai dalam *ensera*. Dapatan penyelidikan mendapati dimana peranan kaedah mengalami-menghayati merupakan satu model amalan terbaik dalam konteks pembelajaran *ensera*. Kesan daripada kajian yang dijalankan ini, para pelajar boleh mengutarakan pandangan yang sangat baik, pendapat dan pemikiran, penikmatan serta penghayatan dalam proses pembelajaran dengan menggunakan *ensera*.

Selain itu, kajian *Strategi Pelestarian Tradisi Lisan Leka Timang Gawai Burong* oleh Jennifer Empiang anak Liman (2021). *Gawai Burong* merupakan salah sebuah puisi lisan suku kaum Iban dan turut dikenali sebagai *leka main*. Objektif kajian ini telah bertunjangkan kepada tiga bahagian utama seperti mengkaji, meneliti dan mengemukakan. Untuk penyelidikan ini, pengkaji hanya menekankan kepada satu sahaja *leka main* iaitu puisi tradisional yang dikenali sebagai *Gawai Burong*. Bagi kaedah kajian pula, pengkaji ini telah menggunakan sampel informan dimana menemu bual beberapa golongan pakar. Secara keseluruhannya, kajian yang dilakukan diharapkan dapat memperkenalkan tradisi lisan masyarakat Iban iaitu *leka timang* kepada masyarakat luar disamping dapat memelihara dan memulihara budaya serta warisan masyarakat Iban.

Kertas kajian yang diberi tajuk *Bentuk Puisi Tradisional Iban Timang Jalung* oleh Ngabong anak Katoi (2021). *Timang jalung* merupakan satu puisi tradisional Iban yang dilafazkan oleh sekumpulan pelaku ritual semasa berlangsungnya upacara gawai antu. Kajian ini adalah untuk mengenalpasti bentuk puisi tradisional Iban dalam Timang Jalung. Kajian yang dilakukan oleh pengkaji ini telah dikaitkan dengan teori strukturalisme bagi menganalisis bentuk puisi timang yang dinyatakan. Metode kajian yang dipilih oleh pengkaji iaitu kaedah kualitatif dimana pengkaji membuat kerja lapangan, kepustakaan serta membuat pengamatan terhadap teks. Kesimpulannya, berdasarkan data-data yang diperoleh oleh pengkaji jelas mendapati bahawa pengulangan suku kata yang berlaku pada bahagian terakhir perkataan pada setiap baris yang terdapat pada sesebuah rangkap telah menjadi faktor terbentuknya puisi

timbang jalung.

Hasil penulisan oleh Laura Beruin dan Chemaline Osup (2021) yang berjudul *Geliga sebagai Puisi Adat Dalam Komuniti Iban (Geliga As A Customary Poem In The Iban Community)*. Adat rumah panjang di Sarawak diceritakan melalui puisi geliga dimana ia berkenaan dengan sikap dan peraturan yang harus diikuti oleh tetamu sepanjang berlangsungnya perayaan mahupun majlis misalnya hari gawai dan perkahwinan. Namun demikian, jika pengunjung yang datang tidak mengikuti peraturan yang ditetapkan mereka dijatuhkan hukuman berlandaskan adat di kampung berkenaan. Tujuan kajian ini dilakukan adalah bertujuan menganalisis bentuk geliga sebagai puisi adat, mengupas kegunaan *geliga* berlandaskan teori budaya serta menjelaskan penggunaan gaya bahasa dari aspek penggunaan perkataan yang sama dalam *geliga*. Selain itu, kajian tersebut dilakukan oleh pengkaji dimana pengkaji mengaplikasikan kaedah kualitatif serta dilengkapi dengan teori budaya dan teori stilistik untuk mengukuhkan lagi dapatan kajian. Manakala, untuk kutipan data pula dijalankan dengan kaedah temubual dan kaedah kepustakaan. Hasil dapatan penyelidikan menunjukkan dimana bentuk *geliga* adalah *Geliga Gawai Dayak* dan *Geliga Nikah*. Untuk kegunaannya adalah bertujuan bagi memperingati peraturan rumah panjang dan melahirkan generasi berakhlak baik. Bagi aspek gaya bahasa, kata yang sama dan terbentuk iaitu anafora serta mesodiplosis. Kesimpulannya, kajian ini dilakukan bukan sahaja untuk menunjukkan geliga sebagai salah satu keindahan suku kaum Iban dan turut bertujuan untuk melindungi adat dan budaya masyarakat Iban sekaligus melahirkan masyarakat yang bersahsiah.

Sementara itu, kajian *Struktur dan Unsur Metafora dalam Puisi Invokasi Biau Masyarakat Iban* oleh Jessica Dato, Rosline Sandai, Saripah Banseng, Sabariah Sulaiman, Mohd Rashid Mohd Idris dan Taufik Dermawan (2022). *Biau* merupakan doa dimana ia turut tergolong dalam puisi tradisional yang bersifat invokasi dan dilafazkan pada ritual penyembahan sajian atau *miring* untuk menyeru bagi meminta perlindungan

daripada *Petara* (dewa-dewi). Penyelidikan dilakukan adalah untuk menganalisis struktur lapisan bahasa serta elemen yang membentuk metafora dalam puisi biau berkenaan. Penyelidikan ini juga turut terhad dengan menggunakan tiga buah teks biau yang berbeza. Data kajian yang diperoleh oleh pengkaji dianalisis menggunakan pengkodan terbuka dan substantif. Kesimpulannya, kajian yang dilakukan oleh para pengkaji ini bertujuan untuk mempertahankan tradisi, adat dalam kelompok kaum Iban di Sarawak disamping untuk membantu golongan ini dalam menambahkan pengetahuan baru dan mencungkil bakat mereka dalam melafazkan puisi tradisional.

Mangai Tugau, Mohamad Maulana Magiman, Franklin Ragai Kundat dan Norhuda Salleh (2022) dalam kajian *Ritual Pelian Budaya Masyarakat Iban di Daerah Sebauh, Bintulu Sarawak*. Bagi suku kaum Iban, *pelian* bermaksud ritual yang digunakan untuk memisahkan roh yang telah meninggal dengan yang masih hidup. Matlamat penyelidikan adalah untuk menganalisis prosedur upacara pelian dan membahaskan simbol yang berkenaan dan menganalisis struktur-struktur yang terdapat dalam pelian yang telah menjadi keunikan bagi masyarakat tersebut. Kaedah kajian yang digunakan untuk menjalankan penyelidikan ini terdiri daripada kaedah kualitatif iaitu etnografi termasuk kajian lapangan, pemerhatian peserta, temu bual dan kajian kepustakaan. Hasil penyelidikan mendapati bahawa pelian merupakan upacara yang digunakan untuk pemulihan bagi menambahkan kekuatan ayu (*core being*) serta bertujuan untuk memisahkan masyarakat yang telah meninggal dengan masyarakat yang masih hidup.

Mike Tyson Paing (2022) menjalankan pengkajian mengenai *Kosmologi Flora Dalam Pantun Iban : Satu Kajian Etnobotani Di Sarawak Menggunakan Teori Ekologi*. Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk menganalisis komponen kosmologi flora, mengenalpasti hubungkait etnobotani dengan kehidupan seharian suku kaum Iban dengan ekologi manusia dalam pantun Iban. Penyelidikan tersebut hanya mengkhususkan kepada penggunaan sebuah buku sahaja iaitu buku puisi masyarakat Iban yang disusun oleh Dr. Robert Menua Salleh. Kaedah kajian yang digunakan oleh pengkaji

iaitu kaedah kuantitatif dengan membuat pengamatan terhadap suku kaum Iban secara rambang. Pengkaji turut menggunakan kaedah kualitatif dalam kajiannya dimana pengkaji telah mengutip maklumat penting melalui analisis dokumen serta laman web. Secara keseluruhannya, kewujudan penyelidikan ini diharapkan dapat meningkatkan lagi penghayatan puisi Iban dalam kalangan ulama dan masyarakat umum di luar sana. Pada masa yang sama, kajian ini dapat mendedahkan kebijaksanaan masyarakat Iban dalam penghasilan karya sastera khususnya puisi.

Kajian oleh Yatie Benson, Roslind Sandai, Rohayati Junaidi dan Saripah Banseng (2023) menerusi *Seni Bahasa dalam Leka Pelian berdasarkan Perspektif Teori Metafora Konseptual*. *Leka pelian* adalah satu puisi tradisional golongan kaum Iban dan dikategori invokasi yang digunakan dalam ritual perubatan tradisional Iban. Oleh itu, setiap kata yang dinyanyikan pengacara ritual dalam *leka pelian* direka dengan bahasa kiasan untuk menyerlahkan keindahan seni puisi. Objektif kajian ini adalah untuk mengetahui makna metafora yang digunakan untuk membentuk leka pelian. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif untuk menganalisis dan menyenaraikan kategori metafora yang ditemui. Maka, dalam menjayakan dapatan penyelidikan, para pengkaji telah mengaplikasikan teori metafora konseptual yang dipelopori Lakoff dan Johnson (1980). Hasil daripada dapatan penyelidikan, pengkaji didapati metafora alam lebih dominan berbanding metafora lain kerana ia dipengaruhi oleh alam sekeliling, dan alam menjadi metafora dalam komunikasi seharian. Jadi, kesan daripada penyelidikan yang dilakukan ini, dengan menggunakan kategori metafora leka pelian boleh meningkatkan lagi kecerdikan pengamal perubatan tradisional serta suku kaum Iban contohnya dari segi kepakaran dalam berbahasa.

Tambahan pula, dalam kertas penyelidikan bertajuk "*Kajian Biologi dalam Puisi Iban Leka Sampi*," dinyatakan bahawa: Interaksi Manusia-Alam menggunakan teori ekologi Wiliemina Nily Anak Gading (2023). Kajian yang dilakukannya mendedahkan bahawa puisi-puisi *Leka Sampi* kaya dengan pelbagai peringatan, arahan, nasihat dan

pengajaran daripada pengarang. Oleh yang demikian, pengkaji menjalankan kajian berkaitan organisma yang terkandung dalam sampi untuk menganalisis aspek unsur semula jadi sampi. Kaedah penyelidikan yang dipilih oleh penyelidik adalah menerapkan kaedah kualitatif dalam kajian untuk menganalisis teks, mengaplikasikan kaedah rujukan, serta menggunakan teori ekologi. Kesimpulannya berdasarkan hasil kajian, pengkaji menyatakan bahawa banyak unsur semula jadi digunakan dalam *sampi* yang dikaji bagi mencipta keindahan dalam penciptaan puisi.

2.3 Pengkajian Teori Strukturalisme dalam Karya-Karya Sastera

Antara kajian lepas adalah, Niniek Sulistyorini (1995), *Novel Bekisar Merah Karya Ahmad Tohari*. Matlamat kajian adalah untuk menganalisis bentuk dalaman dan luaran yang digunakan untuk oleh pengkarya dalam menghasilkan karya yang mantap dalam novel Bekisar Merah. Penulis telah memilih untuk menggunakan kaedah kualitatif dan menggunakan teori strukturalisme dinamik dalam penyelidikan yang dilakukan. Hasil penyelidikan mendapati dimana untuk menghasilkan karya atau novel yang mantap, bentuk dan luaran dalam sesebuah karya memainkan peranan yang penting dalam sesebuah karya.

Diteruskan lagi dengan kajian yang bertajuk *Novel Ayat-Ayat Cinta Karya Habiburrahman El Shirazy : Analisis Strukturalisme Genetik* oleh Lili Suherman Yanti (2008). Matlamat kajian ini dijalankan adalah untuk menyatakan asal usul sosial kewujudan novel Ayat Ayat Cinta, struktur teks novel Ayat-Ayat Cinta, dan pandangan dunia pengarang. Kaedah penyelidikan yang diaplikasikan oleh penyelidik ialah kaedah kualitatif dengan membuat pembacaan, menganalisis teks-teks dalam Novel Ayat-Ayat Cinta. Bagi mengukuhkan lagi hasil kajian, pengkaji mengaplikasikan teori strukturalisme genetik bagi menjelaskan dapatan yang diperoleh daripada hasil kutipan data yang dijalankan. Kajian telah menunjukkan bahawa pemikiran Islam dalam Ayat-Ayat Cinta memaparkan aspek nilai kemanusiaan di samping mengekalkan nilai tradisi yang masih dianggap relevan dengan keadaan sosial dan budaya pada masa itu. Tambahan pula, pada dapatan kajian, pengkaji turut mendapati bahawa dalam novel tersebut turut wujudnya permasalahan dimana hadirnya pelanggaran dalam novel nilai Islam yang secara jelas menimbulkan pandangan, iaitu reaksi pengarang terhadap sesebuah situasi.

Besse Darmawati (2010), memfokuskan kepada puisi "*Let Me Not To The Marriage Of True Minds*" karya *William Shakespeare*. Tujuan penyelidikan ini dilakukan

adalah untuk menganalisis struktur intrinsik puisi dari aspek tema dan amanat. Pada penyelidikan, pengkaji hanya menggunakan teks puisi "*Let Me Not To The Marriage Of True Minds*" serta menggunakan teori strukturalisme dinamik. Penulis telah memilih kaedah kualitatif dengan membuat pembacaan dan menganalisis perkara-perkara penting dalam puisi bagi menjayakan penyelidikan yang dijalankan. Dapatan kajian menunjukkan tema puisi tersebut ialah cinta, dengan mengutamakan cinta sejati dalam membina hubungan cinta dengan pujaan hati.

Selain itu, kajian Septi Sariningsih (2011) memfokuskan kepada filem adaptasi *Novel The Brownie: Analisis Strukturalis Robert Stanton*. Objektif penyelidikan ini menganalisis persamaan dan perbezaan antara struktur (fakta, tema, dan medium sastera) filem dan novel *Brownies*, dan untuk mengenal pasti pelbagai peninggalan, penambahan dan pengubahan berbanding novel *Brownies*. Fokus kajian ini hanya kepada satu novel sahaja dan pengkaji menggunakan kaedah penelitian kualitatif untuk menjayakan kajian. Bagi teori pula, pengkaji menggunakan teori strukturalisme untuk menganalisis dapatan kajian. Kesimpulannya, dapatan kajian mendapati bahawa kajian mengenai Adaptasi film ke novel *Brownies*: analisis strukturalisme Robert Stanton mengandungi perbezaan dan persamaan dan turut mempunyai perubahan yang berlaku semasa proses adaptasi itu terjadi.

Selain itu, kajian Septi Sariningsih (2011) memfokuskan kepada filem adaptasi *Novel The Brownie: Analisis Strukturalis Robert Stanton*. Objektif penyelidikan ini menganalisis persamaan dan perbezaan antara struktur (fakta, tema, dan medium sastera) filem dan novel *Brownies*, dan untuk mengenal pasti pelbagai peninggalan, penambahan dan pengubahan berbanding novel *Brownies*. Fokus kajian ini hanya kepada satu novel sahaja dan pengkaji menggunakan kaedah penelitian kualitatif untuk menjayakan kajian. Bagi teori pula, pengkaji menggunakan teori strukturalisme untuk menganalisis dapatan kajian. Kesimpulannya, dapatan kajian mendapati bahawa kajian mengenai Adaptasi film ke novel *Brownies*: analisis strukturalisme Robert Stanton

mengandungi perbezaan dan persamaan dan turut mempunyai perubahan yang berlaku semasa proses adaptasi itu terjadi.

Fokus kajian Agus Priyanto (2012) iaitu *Pandangan Dunia Pengarang Dalam Novel Negeri Lima Menara Karya Ahmad Fuadi: Sebuah Strukturalisme Genetik*. Penyelidikan ini hanya membataskan kepada sebuah novel sahaja untuk dijadikan sebagai penggerak kajian iaitu novel Lima Menara. Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk bertujuan untuk menganalisis struktur novel, menghuraikan persekitaran sosial pengarang, mengenal pasti persekitaran sosial, dan pandangan dunia pengarang terhadap novel Negeri Lima Menara. Bagi teori pula, pengkaji menekankan kepada penggunaan teori strukturalisme genetik dan menggunakan kaedah kualitatif iaitu dari aspek pembacaan. Secara keseluruhannya, pandangan pengarang terhadap dunia dalam novel Negeri Lima Menara ini ingin disampaikan kepada pembaca bahawa sekolah setinggian bukan sahaja memberi pendidikan formal, tetapi juga merupakan institusi pendidikan yang mengajar sesuatu kepada pelajarannya. Boleh dikatakan melahirkan pelajar yang berpersonaliti yang berdisiplin dan semangat serta perandai yang sangat baik untuk mengejar impian dan cita-cita.

Seterusnya, kajian oleh Dilla Fadhillah (2013) menerusi *Kajian Nilai-Nilai Moral Dalam Novel La Barka Karya N.H Dini Dan Kesannya Terhadap Pembelajaran Sastera*. Novel-novel banyak menghuraikan dan menunjukkan beberapa aspek yang penting dan dapat kita lihat dari segi pengalaman hidup, budaya dan sebagainya kerana pengkaji mendapati remaja negara kita mula merosakkan akhlak sendiri. Oleh itu, tujuan penyelidikan yang dilakukan oleh penyelidik ini adalah untuk mengkaji nilai-nilai murni dalam novel La Barka karya N.H Dini. Sebagai kaedah kajian, kaedah kualitatif seperti kaedah membaca digunakan. Kajian ini menyediakan analisis komprehensif yang didorong oleh teori strukturalisme dinamik. Kajian membuktikan dimana masyarakat sekarang semakin hilang moralnya mengikut kemodenan zaman yang berjalan. Kesimpulannya, sebagai seorang masyarakat, kita haruslah memupuk nilai-

nilai moral dalam diri. Kesannya nanti, kehidupan harmoni dapat dipupuk antara satu sama lain.

Disamping itu, kajian oleh Lutpiyah Hakim (2013) yang bertajuk *Pandangan Dunia Ali Ahmad Bakatsir dalam Novel Sallamah Al-Qas analisis Strukturalisme Genetik Lucien Goldmann*. Objektif kajian ini adalah untuk mendedahkan pandangan dunia novel Novel Sallamah Al-Qas karya Ali Ahmad Bakatsir. Kaedah kajian yang digunakan iaitu kaedah temu bual. Kajian ini terhad kepada sebuah novel sahaja dan diperkukuhkan lagi analisis dapatan kajian dengan mengaplikasikan teori strukturalisme genetik. Tegasnya, dalam kajian yang dilakukan ini, pengkaji berharap dapat memberi gambaran kepada seluruh lapisan masyarakat tentang kesatuan masyarakat Islam dan menjauhkan diri daripada melakukan perbalahan yang sia-sia sehingga dapat menyebabkan renggangnya hubungan silaturahim sesama saudara dan golongan.

New Puratisme Di Era 1980-an: Kajian Strukturalisme Genetik Terhadap Novel S. Karya John Updike oleh Eri Rahmawati (2014). Matlamat kajian ini dijalankan adalah untuk menganalisis asal sosial munculnya novel S. karya John Updike, mengenalpasti struktur teks novel dan pandangan dunia pengarang dalam novel S. karya John Updike. Kajian ini dilengkapi dengan menggunakan teori strukturalisme genetik oleh Lucien Goldmann bagi tujuan untuk menganalisis karya. Dapatan kajian memperlihatkan bahawa novel S. Mempunyai kaitan dengan realiti kehidupan masyarakat Amerika dalam upaya mencari kedamaian spiritual.

Kajian daripada Agus Yulianto (2015) tentang *Analisis Intertekstual Puisi "Tangisan Batu" dan "Air Mata Legenda" karya Abdurrahman El Husiany*. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti hubungan di antara teks dua buah puisi, iaitu puisi "Tangisan Batu" dan puisi "Air Mata Legenda". Kajian ini menghadkan kepada penggunaan dua buah buku puisi sahaja. Bagi memantapkan dapatan kajian, pengkaji telah mengaplikasikan teori strukturalisme dalam kajian beliau. Pengkaji telah memilih untuk menggunakan kaedah kualitatif bagi menjayakan penyelidikan yang dilakukan.

Rentetan daripada itu, *Pandangan Nasionalisme Ihsan Abdul-Quddus Dalam Novel Fi Baitina Rajul Analisis Strukturalisme Genetik* oleh Sidqon Maesur dan MA (2015). Kajian yang dijalankan ini mempunyai tiga objektif utama. Pertama menganalisis struktur dalaman pada karya sastera (Fi Baitina Rajul), mengenal pasti pandangan dunia pengarang nasionalisme dan bertujuan untuk memperlihatkan konteks sosial di sebalik kehidupan pengarang dan karya sastera diteliti. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif deskriptif. Pengkaji juga melengkapkan kajiannya dengan mengaplikasikan teori strukturalisme genetik untuk membahas data-data yang diperoleh pada bahagian dapatan kajian.

Hasil penyelidikan yang disediakan oleh Mohtar Dwi Purnomo (2016), bertajuk *Pandangan Dunia Dalam Novel Al-Karnak Karya Najib Mahfudz Analisis Strukturalisme Genetik Goldmann*. Matlamat kajian ini adalah untuk menganalisis struktur novel al-Karnak karya najib Mahfudz, dan pandangan dunia yang dipaparkan dalam novel al-Karnak. Kaedah kajian yang digunakan iaitu kaedah kualitatif dengan menganalisis struktur-struktur dan pandangan dunia yang ada dalam teks-teks novel tersebut. Secara keseluruhan, hasil kajian mendapati bahawa pandangan dunia yang dipaparkan dalam novel Al-Karnak adalah pandangan dunia sosialis demokratik.

Ilmi Solihat (2016) menjalankan kajian berkaitan nilai pendidikan dalam *Novelet Lukisan karya Gola Gong: Kajian Strukturalisme Dinamik*. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis nilai kemerdekaan, nilai persahabatan dan nilai tanggungjawab dalam Novelet Lukisan karya Gola Gong. Kajian terhadap kepada analisis nilai-nilai pendidikan serta dengan menggunakan kaedah kualitatif berdasarkan teori strukturalisme dinamik. Tegasnya, pengkaji berharap kajian yang dilakukan dapat membawa masyarakat ke arah yang lebih baik dan harus dipraktikkan untuk generasi akan datang.

Kertas kerja Etika Sari Dian (2016) *Lirik Lagu dalam Album "Rimbo Lara ngan" karya Rustam Raschani: Analisis Strukturalisme*. Kajian ini hanya dibataskan kepada lirik lagu dalam album Rimbo Larangan karya Rustam Raschani sahaja. Objektif kajian

ini ialah menjelaskan maksud unsur dan lirik album Rimbo Larangan karya Rustam Rashani Rimbo. Kaedah kajian yang diaplikasikan dikelaskan kepada tiga tahap. Yang pertama pengkaji menggunakan teknik pengumpulan data lalu diterjemahkan kepada bahasa Indonesia. Tahap yang kedua pula pengkaji membuat analisis dengan menentukan unsur pembentukan serta maksud lirik lagu yang terpilih. Manakala tahap yang terakhir pula ialah pengkaji membuat analisis data dengan menggunakan teknik deskriptif. Tidak ketinggalan juga, dalam kajian yang dilakukan ini, pengkajian ini menggunakan teori strukturalisme. Hasil daripada penyelidikan mereka, penyelidik mendapati bahawa lirik lagu terdiri daripada unsur-unsur yang terdapat dalam struktur luaran dan dalaman.

Lagi, penelitian yang bertajuk *Kelisanan Dalam Novel Perempuan Hujan Karya Hamami Adaby (Orality in Perempuan Hujan Novel by Hamami Adaby)* oleh Ahsani Taqwiem (2016). Kajian ini menyentuh kepada struktur-struktur lisan yang terkandung dalam Novel Perempuan Hujan. Kajian ini bermatlamat untuk menjelaskan kehadiran bahasa dalam novel Perempuan Hujan karya Hamami Adaby. Tambahan lagi, kajian ini menerapkan kaedah kualitatif serta mengaplikasikan teori strukturalisme dinamik. Selain itu, dalam kajian ini, sumber data yang digunakan adalah sumber data primer yang diambil terus daripada novel Perempuan Hujan karya Hamami Adaby. Secara keseluruhan, hasil kajian telah dikumpul dengan baik, dan pengkaji membuat kesimpulan bahawa pengaruh bahasa masih wujud dalam Roman Perempuan Hujan. Ringkasnya, penyelidikan yang dihasilkannya berfungsi sebagai panduan untuk orang lain yang ingin melakukan penyelidikan yang sama.

Adelina Ginting (2016) dalam kajiannya yang bertajuk *Kajian Strukturalisme Pada Puisi Anak*. Objektif kajian ini adalah untuk menerangkan analisis bentuk intrinsik dan bentuk ekstrinsik dalam puisi anak yang bertajuk Paman Datang karya A.T. Mahmud. Kaedah kajian yang digunakan ialah kaedah kualitatif dimana pengkaji menganalisis unsur-unsur intrinsik dan ekstrinsik yang diperolehi daripada teks puisi anak untuk

dijelaskan dengan lebih mendalam lagi pada bahagian analisis kajian. Dapatan penyelidikan jelas menunjukkan dimana sememangnya ada penggunaan unsur intrinsik dan ekstrinsik di dalam pembuatan sebuah puisi bagi menambahkan keindahan pada kata-kata tersebut.

Seterusnya, kajian tentang *Rubayat Hamzah Fansuri: Kajian Strukturalisme-Semiotika* oleh Medri Osno (2016). Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis bentuk struktur Rubayat Hamzah Fansuri dan menerangkan menjelaskan maksudnya dengan menghuraikan semiotiknya. Kajian ini dijalankan dengan mengaplikasikan kaedah penelitian iaitu kualitatif dengan membuat pembacaan dan menganalisis perkara-perkara penting yang diperolehi daripada teks. Kajian ini dilengkapi dengan teori strukturalisme semiotika yang digunakan untuk membahas bahagian analisis kajian dengan lebih mendalam lagi.

Selain itu, Nor Dalila binti Ab Malik (2017) meneliti puisi *Bicara, Ku Pilih Curiga dan Demi Sebuah Mimpi karya Sahrunizam Abd Talib*. Matlamat penyelidikan ini adalah untuk mengenal pasti teori-teori strukturalis dinamik, menganalisis teori strukturalisme dinamik dan mengaplikasikan dapatan analisis melalui kajian puisi terpilih. Penyelidikan ini dijalankan dengan menghadkan kepada tiga teks puisi yang dipilih dan menggunakan kaedah kualitatif. Penulis meneliti struktur naratif puisi *Bicara, Ku Pilih Curiga dan Demi Sebuah Mimpi*. Hasil kajian mendapati pengkaji berharap kajian terhadap puisi-puisi terpilih dengan menggunakan teori strukturalisme dinamik dapat diaplikasikan untuk tujuan penulisan antologi cerpen.

Eli Herlina (2017) dalam kajian bertajuk *Strukturalisme Dinamik dalam novel "Siti Nurbaya" karya Marah Rusli*. Matlamat penyelidikan ini adalah memberi gambaran tentang strukturalisme dinamik yang mewakili unsur intrinsik dan ekstrinsik dalam karya Siti Nurbaya Karya Marah Rusli. Kajian ini hanya membataskan kepada penggunaan satu buku sahaja dan menggunakan kaedah kualitatif dengan maklumat-maklumat penting yang dipetik dari karya tersebut. Kajian ini menerapkan pendekatan

strukturalisme dinamik untuk menganalisis beberapa elemen yang digunakan untuk menghasilkan sebuah karya yang mantap. Hasil penyelidikan ini menunjukkan beberapa unsur intrinsik dan ekstrinsik yang digunakan misalnya dari segi pemilihan kata yang sesuai, tema yang berpatutan, watak dan perwatakan sememangnya memainkan peranan yang penting dalam membangunkan sebuah karya yang menarik agar mendapat sambutan daripada golongan pembaca.

Surat Balasan Sultan Sepuh VII Cirebon Untuk Raffles: Kajian Strukturalisme Genetik (Reply Letter From the 7th Sultan Sepuh of Cirebon to Raffles: Genetic oleh Aminuddin Hazmirullah (2017). Pada 26 April tahun 1811, Sultan Sepuh VII Cirebon telah mendapat sepucuk surat daripada Thomas Stamford Raffles yang diserahkan oleh Tengku Pangeran Sukma Dilaga. Melalui surat yang bertarikh 19 Desember 1810 itu, Raffles menyatakan hasrat Inggris untuk menetap di Jawa. Surat yang diterima merupakan subjek utama dalam menjalankan kajian tersebut. Oleh itu, tujuan kajian yang dijalankan oleh pengkaji adalah untuk menganalisis teks yang terkandung dalam surat balasan. Teks-teks yang dianalisis tersebut turut dilengkapi dengan menggunakan teori strukturalisme dan kaedah kajian yang dipilih oleh pengkaji ialah kaedah kualitatif dimana pengkaji menjalankan pembacaan dan membuat penelitian terhadap teks-teks berkenaan.

Tambahan pula, kajian oleh Adetiya Kurnia Sari (2017) menjalankan kajian bertajuk *Novel Surga Yang Tak Dirindukan (2) karya Asma Nadia: Kajian Strukturalisme-Genetik Lucien Goldmann*. Tujuan penyelidikan dijalankan bagi menganalisis fakta kemanusiaan, membahas tema kolektif, mengenal pasti pandangan dunia, menjelaskan struktur novel dan dialektik pemahaman dan penjelasan, dan membincangkan novel *Surga Yang Tak Dirindukan 2* karya Asma Nadia. Kajian ini turut dilengkapi teori strukturalisme genetik dan menggunakan kaedah kajian kualitatif dengan membuat pembacaan dan mengumpul maklumat-maklumat penting daripada novel yang dikaji.

Lain daripada itu, penyelidikan yang bertajuk *Pandangan dunia pengarang dalam kumpulan puisi Blues untuk Bonnie karya Rendra (Kajian Strukturalisme Genetik)* oleh Annisa Lastari (2017). Matlamat utama penyelidikan ini dijalankan adalah untuk menentukan pandangan dunia pengarang pada teks kumpulan puisi karya Rendra dengan. Kajian yang dilakukan ini memfokuskan kepada enam jenis puisi menggambarkan ekspresi sosial dan politik di negara Indonesia dan Amerika. Kajian ini juga dilengkapi dengan teori strukturalisme genetik untuk membahaskan dapatan kajian dengan lebih mendalam dan menggunakan kaedah deskriptif kualitatif untuk tujuan pengumpulan data-data penting daripada teks puisi yang dipilih.

Penyelidikan yang disediakan oleh Muhammad Irsan (2018) bertajuk *Strukturalisme Dongeng Masumai Penunggu Gunung Dempo: Sebuah Analisis Teori Vladimir Propp*. Cerita rakyat merupakan sebuah produk budaya, sentiasa berubah dan berubah mengikut dinamik masyarakat sosial. Objektif kajian ini dijalankan bertujuan untuk menjelaskan fungsi imej dalam salah satu cerita rakyat Sumatera Selatan bertajuk "Dongeng Masumai Penunggu Gunung Dempo". Kajian ini dilengkapi dengan kaedah deskriptif dan menggunakan teori strukturalisme. Penyelidikan mendapati bahawa tema moral cerita rakyat ini dikaitkan dengan kejahatan dan kekejaman yang sentiasa dimenangi oleh kebenaran dan kejujuran.

Pandangan Dunia Wisran Hadi Dalam Naskah Drama Jalan Lurus Tinjauan Strukturalisme Genetik oleh Ditto Aditya (2018). Objektif penyelidikan ini dilakukan adalah untuk menerangkan jalinan diantara struktur sejarah dengan struktur masyarakat Indonesia. Penyelidikan ini juga disempurnakan oleh strukturalisme genetik, yang manateorinya merupakan analisis struktur yang menekankan asal usul penyelidikan. Kaedah kajian yang digunakan adalah berbentuk kualitatif dengan membuat pembacaan dan penelitian untuk menghuraikan fakta kemanusiaan dan mengintegrasikannya menjadi satu keseluruhan. Tegasnya, dalam dapatan kajian yang dibuat oleh pengkaji, penyelidik menjelaskan bahawa pandangan dunia Wislan Hadi dalam skrip drama itu menjelaskan

tentangan Orde Baru terhadap ideologi dan politik budaya.

Mohammad Alan Mabruri, Riesta Maulidia dan Fitria Sugiati (2019) telah menghasilkan kajian yang bertajuk *Struktur dan Makna Syair Burdah Melayu di Bali*. Puisi Melayu Burda merupakan satu bentuk tradisi lisan yang timbul daripada kehadiran masyarakat pendatang di Loloan, Bali. Pengkaji melakukan kajian ini bertujuan untuk menganalisis maksud dan bentuk puisi Burda Melayu Loloan. Penyelidikan ini dijalankan dengan menggunakan teori strukturalisme dinamik oleh Mukarovsky dan Vodicka. Penyelidik telah memilih kaedah kualitatif untuk menjayakan kajian yang dilakukan ini. Akibatnya, bentuk puisi burda Melayu telah dikuasai oleh unsur-unsur budaya lain misalnya Arab, Jawa serta Melayu, dan walaupun bentuk puisi ini kelihatan bebas, ia sebenarnya ternyata mempunyai keseragaman yang sempurna.

Hasil penulisan oleh Habibah, Siti Ummi and Al Anshory dan Abdul Muntaqim (2019) yang berjudul "*Nilai Kedamaian Dalam Puisi Salamun Alaikum Wa Alainas Salaam Anis Shausan*" Karya Anis Syausan Berdasarkan Sudut Ideologi Strukturalisme Dinamik Jan Mukarovsky. Puisi bukan sekadar rangkaian kata. Pemilihan kamus dan puisi yang indah digunakan untuk meluahkan apa yang terlintas di fikiran penyair dari segi meluahkan perasaan dukacita, gembira, reaksi dan kritikan terhadap realiti sosial yang berlaku di sekelilingnya. Kajian ini hanya memfokuskan kepada penggunaan satu teks syair sahaja dan kajian ini memanfaatkan kaedah kualitatif deskriptif. Maklumat-maklumat yang dianalisis dipetik dari syair "Salamun 'Alaikum wa 'Alainas Salam". Secara keseluruhannya, dapatan kajian jelas menunjukkan bahawa perbezaan bukanlah penghalang untuk memperoleh keamanan, kerana keamanan adalah hak semua individu tanpa mengira suku, bangsa, bangsa atau agama.

Tajuk kajian *Tanggung Jawab Laki-Laki dalam Antologi Cerpen "Blangkon" Karya Pamarsudi Sastra Jawi Bojonegoro (Sebuah Teori Strukturalisme Genetik)* oleh Adinda Oktavia Riandiva Ayu Kusuma (2018). Oleh itu, kajian ini dilakukan bertujuan untuk menerangkan unsur-unsur struktur menurut Robert Stanton, menerangkan bentuk-

bentuk tanggungjawab lelaki makna dan nilai tanggungjawab lelaki yang terdapat dalam antologi cerpen Blangkon hasil penulisan Pamarsudi Sastra Jawi Bojonegoro. Teori yang diaplikasikan pada penyelidikan ini ialah teori strukturalisme oleh Robert Stanton. Manakala untuk kaedah kajian yang digunakan ialah deskriptif kualitatif. Penyelidikan telah menunjukkan bahawa antologi Blancon disusun secara struktur oleh gabungan unsur-unsur yang akhirnya membawa kepada hubungan rapat antara satu sama lain. Secara kesimpulannya, lelaki mempunyai tanggungjawab dalam keluarga, pekerjaan dan membela kemerdekaan.

Berikutan itu, kajian yang bertajuk *Struktur dan Fungsi Cerita Rakyat Benayuk Versi Desa Sepala Dalung Kabupaten Tana Tidung: Kajian Strukturalisme Naratologi*. Cerita rakyat ini mengisahkan tentang seorang raja bernama Benayuk dari Kerajaan Menjeltun. Matlamat utama penulisan dijalankan kerana pengkaji berhasrat untuk mengenal pasti struktur dan fungsi cerita dongeng Benayuk versi Sepala Dalung. Selain itu, kajian ini dijalankan menerapkan kaedah deskriptif yang berfungsi untuk mengenal pasti struktur dan fungsi naratif bagi masyarakat. Pengkaji menggunakan kaedah kajian kualitatif dimana pengkaji membuat pengamatan, temubual, rakaman dan penulisan, dan menganalisis data dari aspek mengenalpasti data dan pengelasan data. Kajian ini dikukuhkan lagi dengan menggunakan teori strukturalisme naratologi untuk menghuraikan dapatan kajian dengan lebih lanjut.

Ema Zuliyani Sembada dan Maharani Intan Andalas (2019) menjalankan penyelidikan yang bertajuk *Realiti Sosial dalam Novel Laut Bercerita Karya Leila S. Chudori: Analisis Strukturalisme Genetik*. Penyelidikan terhadap kepada penggunaan satu novel sahaja iaitu Novel Laut Becerita. Objektif penyelidikan ini untuk mengenal pasti realiti sosial dalam novel Laut Berserita karya Layla S. Pada kajian ini, penyelidik telah memilih untuk menggunakan pendekatan kualitatif dan dialektik Lucien Goldman. Penyelidikan telah mendedahkan bahawa novel mengandungi fakta yang berkaitan dengan realiti sosial masyarakat.

Affiani, Sifa Rizky (2020) menjalankan kajian *Perubahan Unsur Naratif Pada Ekranisasi Novel "Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990" Ke Dalam Film "Dilan 1990" Dan Novel "Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1991" Ke Dalam Film "Dilan 1991"*. Kajian terhad ini memfokuskan aspek perubahan unsur yang berlaku pada novel tersebut. Objektif kajian adalah untuk menjelaskan perubahan pada unsur naratif dan menganalisis penyebabnya terjadi transformasi unsur naratif dalam novel "Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990" Ke Dalam Film "Dilan 1990" Dan Novel "Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1991" Ke Dalam Film "Dilan 1991". Dalam penyelidikan ini, pengkaji menggunakan teori strukturalisme dinamik dalam memantapkan kajian. Manfaat kajian yang diperoleh adalah untuk menambahkan pengetahuan dengan lebih luas lagi tentang bagaimana perubahan itu boleh berlaku daripada karya sastera ke dalam filem. Kaedah penyelidikan yang digunakan adalah berbentuk kualitatif dimana menekankan aspek pencarian makna, alur cerita, latar belakang cerita dan watak perwatakan dalam cerita tersebut. Secara keseluruhannya, perubahan unsur naratif adalah bertujuan untuk menambahkan kekreatifan seseorang pengarang dalam menghasilkan karya.

Tambahan pula, penyelidikan yang dilaksanakan oleh Galang Garda Sanubari, Titik Maslikatin dan Heru S.P Saputra (2020) iaitu *Kajian Ekspresif terhadap Novel Kamarau*. Novel ini menggambarkan kehidupan seorang lelaki separuh umur yang tinggal di sebuah kampung. Maka, matlamat pengkaji menjalankan penyelidikan adalah untuk merungkai dan merumuskan realiti dan ekspresi pengarang yang berkarya dan memberi fokus kepada kehidupan tokoh utama sahaja di dalam karya berkenaan. Kaedah kajian yang digunakan adalah kaedah kualitatif dengan menganalisis perkara-perkara penting yang diperolehi daripada karya tersebut. Hasil dapatan menunjukkan bahawa pengarang melalui tokoh utama berkeinginan untuk mengubah gaya pandang orang-orang di sekelilingnya. Kesimpulannya, seseorang manusia sememangnya mempunyai perilaku dan perwatakan mereka sendiri. Namun demikian, adalah tidak sewajarnya dengan perilaku tersebut seseorang manusia boleh berbuat sesuka hati

mereka.

Kajian oleh Nuryanti Nuryanti, Chuduriah Sahabuddin dan Abdul Muttalib (2020) bertajuk *Analisis Novel Tentang Kamu Karya Tere Liye menggunakan Teori Strukturalisme (Unsur Intrinsik)*. Tujuan utama kajian ini dijalankan oleh para sarjana adalah untuk merungkai unsur-unsur utama yang terdapat dalam novel Tentang Kamu hasil penulisan Tere Liye. Penyelidikan hanya memfokuskan kepada penggunaan sebuah novel yang terpilih sahaja iaitu novel Tentang Kamu yang dikarya oleh Tere Liye. Pengkaji telah memilih kaedah kualitatif yang melibatkan teknik pengumpulan data, teknik membaca dan menulis dapatan kajian yang diperoleh daripada novel tersebut bagi menjayakan penyelidikan. Untuk menyokong penemuan mereka, pengkaji menggunakan teori strukturalisme untuk meneliti elemen penting yang terdapat dalam teks novel. Hasil daripada kajian mereka, pengkaji mendapati bahawa dalam beberapa cara unsur-unsur penting dalam novel digunakan dari segi tema, plot, watak dan watak, latar dan sudut pandangan, serta mesej pada novel tersebut.

Seterusnya, Hollysa Andini (2021) bertajuk "*Analisis Strukturalisme Dinamik Pada Cerpen Robohnya Surau Kami*" karya A.A Navis. Pengkaji cerpen yang mengandungi unsur intrinsik dan ekstrinsik. Objektif kajian adalah untuk menganalisis unsur dalaman dan luaran cerpen yang telah dipilih. Pengkaji menghadkan kajian mereka kepada satu teks sahaja iaitu Robohnya Surau Kami yang ditulis oleh A.A Navis dengan menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan analisis teks. Pengkaji mengaplikasikan teori Strukturalisme Dinamik untuk menghasilkan kajian yang mantap. Secara keseluruhannya, kajian ini bertujuan untuk mengkaji unsur-unsur penting dalam cerpen yang jarang menjadi perhatian pengkaji lain.

Kajian yang dijalankan oleh Jumadil Jumadil dan Nazri Atoh (2021) yang memberi fokus kepada *Strukturalisme Genetik Dalam Puisi Mahmud Darwish*. Puisi Mahmud Darwish menceritakan kisah-kisah patriotisme yang berkaitan dengan watak dan situasi sosial. Matlamat utama penyelidikan adalah untuk menganalisis unsur instrinsik dan

ekstrinsik yang terkandung pada puisi Mahmud Darwish. Batasan kajian ini hanya menghadkan kepada penggunaan dua buah puisi Mahmud Darwish untuk dianalisis pada bahagian dapatan kajian. Tambahan pula, kajian yang dijalankan ini menggunakan pendekatan analisis deskriptif dan diperkukuhkan lagi dapatan kajian yang diperolehi dengan mengaplikasikan teori strukturalisme genetik. Kesimpulannya, melalui hasil kajian mendapati Secara ringkasnya, berdasarkan dapatan kajian, terdapat konsep yang berbeza (al-si'l-al-hur) dalam strukturalisme genetik dalam puisi Mahmud Darwis, yang tidak sama dengan puisi Arab tradisional.

Selain itu, Anisa Rosi Oktaviana (2021) memberi fokus pada kajiannya yang bertajuk *Strukturalisme Semiotika Todorov Dalam Cerpen Al-Yatim Karya Musthofa Luthfi Al-Manfaluthi*. Matlamat utama penyelidikan bertujuan untuk membahas struktur yang wujud pada cerpen Al- Yatim. Penyelidikan ini hanya memfokuskan kepada sebuah cerpen sahaja dan menggunakan kaedah kualitatif dimana pengkaji membuat pembacaan, penelitian dan pengumpulan maklumat- maklumat yang penting untuk dianalisis pada bahagian dapatan kajian. Kajian ini juga menekankan kepada penggunaan teori strukturalisme semiotika bagi memantapkan hasil kajian. Kesimpulannya, dengan mengenal pasti teks yang berupa kata-kata dan kalimat yang terdapat dalam cerpen sebagai tunjang utama penghasilan karya tersebut.

Lagi, kajian yang dilakukan oleh Ema Sopyanti (2021) iaitu *Novel Al-Ajnihah AlMutakassirah karya Khalil Gibran: Kajian strukturalisme*. Novel Al-Ajnihah Al-Mutakassirah ini mengisahkan tentang mengisahkan pengalaman peribadi Khalil Gibran tentang keperitan sepasang kekasih yang terpaksa dijauhkan oleh takdir, dan merupakan perjalanan cinta pertama yang sangat perit (cinta tiada kesampaian). Tujuanpenyelidikan dilakukan adalah untuk menerangkan aspek dalaman yang terdapat dalam novel Al-Ajnihah Al-Mutakassirah karya Khalil Gibran dan mengenalpasti hubungan novel tersebut dengan unsur intrinsiknya. Kaedah kajian yang digunakan berbentuk deskriptif kualitatif, kepustakaan dengan menyenaraikan data analisis untuk tujuan

pembahasan di bahagian dapatan kajian. Penelitian ini turut menggunakan teori strukturalisme bagi menjayakan kajian yang dijalankan. Hasil kajian yang diperoleh oleh pengkaji ialah tema dalam novel ini merupakan sebuah duka yang wujud disebalik keperitan kekasih yang terpaksa berpisah dengan tangan takdir, dan kisah cinta pertama yang pahit (cinta tiada kesampaian). Manakala untuk latar tempat yang digunakan dalam novel ialah latar waktu.

Selanjutnya, penyelidikan yang bertajuk *Analisis Antologi Puisi Pesan Tua Karya Hendra Djafar menggunakan Teori Strukturalisme-Semiotik* oleh Abdul Muttalib dan Wahyuddin Wahyuddin (2022). Kajian yang dilakukan ini mengkhususkan kepada tiga teks puisi sahaja iaitu "Aku Penyair Pesanan," "Salawatku," dan "Pesan Tua". Objektif kajian ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti unsur dalaman dan luaran puisi. Tambahan pula, dalam kajian yang dilakukan ini, pengkaji menetapkan kaedah kajian yang digunakan iaitu mengaplikasikan kaedah kualitatif serta kepustakaan. Kesimpulannya, kajian ini dilakukan oleh pengkaji bertujuan untuk meninjau unsur dalaman dan luaran yang terkandung dalam teks puisi "Aku Penyair Pesanan", "Salawatku" dan "Pesan Tua" dan dikukuhkan lagi dengan menggunakan teori Teori Strukturalisme - Semiotik untuk menganalisis dapatan kajian.

Berikutan itu, kajian dijalankan oleh Siti Noor Asyikin binti Ishak (2022) bertajuk *Analisis Unsur Sastera dalam Persembahan Teater Terpilih Melalui Penerapan Teori Strukturalisme*. Tujuan kajian ini adalah untuk menghuraikan elemen sastera yang mesti diterapkan oleh pengarah dalam produksi teater mereka. Bagi mengukuhkan lagi penyelidikan yang dijalankan ini, pengkaji telah menerapkan teori strukturalisme bagi melengkapkan kajian yang dilakukan. Kajian ini hanya terhad kepada tiga produksi teater sahaja iaitu teater Teater Lagenda Mahsuri (Aku Bersumpah), Teater Kampung Semarah Padi UMK Bachok dan Teater Di Puncak Tertinggi Puteri Gunung Ledang. Bagi menjayakan kajian ini, pengkaji menggunakan teknik kualitatif dan melengkapinya dengan teori strukturalisme untuk menganalisis elemen dalaman yang digunakan untuk

membentuk kerangka atau struktur teks yang dicipta. Hasil akhir penyelidikan dapat memberi kesan yang memuaskan untuk pengkaji memaparkan kesan penggunaan unsur sastera dalam persembahan teater.

Nesya Ishfahani (2022), *Strukturalisme Genetik Pada Novel "Selamat Tinggal" Karya Tere Liye*. Kajian ini terhad kepada penggunaan eksklusif novel "Selamat Tinggal". Matlamat kajian ini ialah untuk menganalisis strukturalisme genetik pada karya "Selamat Tinggal" karya Tere Liye. Lagi, penyelidikan ini dihasilkan dengan memilih kaedah kualitatif di mana pengkaji membaca dan mengkaji novel serta mendapatkan data secara langsung daripada novel tersebut. Kajian ini turut dilengkapi dengan adanya teori strukturalisme genetik untuk menganalisis data yang diperoleh pada bahagian dapatan kajian. Dapatan kajian diperolehi dimana unsur intrinsik serta keterkaitannya dengan fakta kemanusiaan yang dijadikan latar belakang serta mempengaruhi terhasilnya novel "Selamat Tinggal". Secara keseluruhannya, kajian ini adalah mencerminkan kehidupan masyarakat yang sebenarnya.

Oleh itu, kajian Fajar Puji Charisma (2022) iaitu *Pandangan Dunia Pengarang Dalam Novel Lampuki (2011) Karya Arafat Nur: Kajian Strukturalisme Genetik* bertujuan menyampaikan sudut pandang dunia pengarang pada karya Lampuki (2011) yang dihasilkan oleh Arafat Nur sebagai bentuk kritik sosial terhadap masyarakat Aceh yang terjatuh akibat konflik GAM. Matlamat penyelidikan adalah bertujuan untuk menganalisis struktur teks serta struktur sosial novel, menjelaskan latar genetik sosiologi pengarang dan menjelaskan pandangan dunia pengarang yang dipaparkan dalam novel yang telah dipilih oleh sarjana tersebut. Kaedah kajian yang digunakan ialah kaedah kualitatif. Kajian ini telah diperkukuhkan lagi dengan menggunakan teori strukturalisme genetik.

2.4 Penutup

Tuntasnya, jelas memaparkan dimana melalui kaedah tinjauan serta pemerhatian yang dibuat oleh pengkaji terhadap artikel atau makalah yang telah dihasilkan oleh beberapa sarjana lepas telah membuktikan bahawa penyelidikan berkaitan dengan nukilan sastera yang terdiri daripada novel, cerita rakyat, puisi dan sebagainya sememangnya mendapat sambutan dalam masyarakat yang membuat kajian. Perkara sedemikian dengan jelas menunjukkan bahawa kebanyakan golongan masyarakat telah menanam cinta mereka terhadap karya-karya sastera yang telah dihasilkan. Melalui sorotan kajian yang dijumpai, pengkaji mendapati banyak kajian yang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji lain hanya memberi fokus kepada unsur-unsur yang dapat membangun sesebuah puisi. Namun demikian, kajian-kajian mengenai unsur mistik yang digunakan dalam puisi kurang diketengahkan dan perkara sedemikian telah menyebabkan tercetusnya kekurangan pada penyelidikan ini. Jadi, penyelidik menjalankan penyelidikan ini dengan menyimpan matlamat bagi melengkapkan segala kekurangan yang wujud.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Penyelidik akan memberi penerangan dengan lebih terperinci lagi berkenaan metodologi penyelidikan yang diaplikasikan oleh penyelidik dalam bahagian bab tiga ini. Metodologi kajian adalah penyelidikan yang melibatkan pendekatan yang lebih terancang lagi dimana ia menggabungkan analisis data dan prosedur penyelidikan bagi memastikan sesuatu kajian itu berjaya dijalankan. Aspek metodologi yang digunakan oleh penyelidik bagi menjayakan kajian ini adalah terdiri daripada reka bentuk kajian, kaedah kajian dan teori yang dipilih bagi melaksanakan penyelidikan ini.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian merupakan suatu perancangan yang dirancang dan bertujuan untuk menentukan dan menetapkan kaedah penyelidikan yang bertujuan untuk menjawab persoalan kajian. Reka bentuk kajian dapat dibahagikan kepada tiga pecahan khususnya kaedah kualitatif, kuantitatif dan gabungan. Namun demikian, kajian yang dilakukan oleh pengkaji ini memberi fokus kaedah kualitatif sahaja yang melibatkan kaedah keperustakaan dan rujukan teks yang mempunyai perkaitan dengan sumber sebagai rujukan kajian.

3.3 Kaedah Kajian

Kaedah kajian yang dilakukan oleh pengkaji fokus kepada menggunakan pendekatan ataupun kaedah kualitatif bagi tujuan mendapatkan analisis dengan lebih jelas dan terperinci lagi mengenai teks *Timang Benih*. Hal ini kerana teks yang terdapat dalam buku *Timang Benih* merupakan tunjang utama bagi memastikan kajian yang dilakukan ini dijalankan dengan baik. Oleh itu, fokus kajian ini akan dilakukan dengan membuat penelitian teks yang terdapat dalam buku *Timang Benih* sebagai sumber yang paling utama bagi menjayakan kajian ini. Setiap data yang diperolehi oleh pengkaji akan dianalisis oleh pengkaji dengan lebih mendalam dan terperinci lagi pada bahagian dapatan kajian berdasarkan objektif yang telah ditetapkan oleh pengkaji.

3.3.1 Kajian Kepustakaan


Bertitik tolak daripada hal ini, pengkaji turut menggunakan kaedah kepustakaan sebagai satu kaedah untuk tujuan mencari dan mengumpul segala maklumat yang berkaitan dengan kajian secara lebih terperinci lagi. Kajian yang dilakukan ini memerlukan sumber yang memiliki maklumat yang berkaitan dengan unsur mistik yang terdapat pada cerita-cerita mahupun kajian-kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji yang lain. Berkenaan dengan *Timang Benih* pengkaji akan merungkai unsur-unsur mistik yang terdapat dalam teks tersebut. Oleh itu, pengkaji akan membincangkan mengenai unsur mistik tersebut sekaligus akan melakukan analisis terhadap teks *Timang Benih* dengan mengaplikasikan Teori Strukturalisme. Pada kajian yang dilakukan oleh pengkaji ini, pengkaji hanya menggunakan khidmat keperustakaan di Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

3.3.2 Teks

Disamping itu, kaedah rujukan teks juga memainkan peranan yang amat penting untuk dijadikan panduan dalam menghasilkan kajian ini kerana ia merupakan penggerak kepada segala kajian yang dilakukan. Bagi rujukan teks ini, pengkaji telah melakukan pembacaan, penelitian serta mengenalpasti unsur ekstrinsik dan intrinsik yang terdapat pada teks timang benih. Pengkaji turut meneliti unsur mistik yang terkandung pada teks timang benih yang telah disusun oleh Robert Menua Salleh. Buku yang dipilih oleh pengkaji merupakan buku yang dijadikan sumber kajian dan penting untuk pengkaji kerana perkara yang dikaji turut dimuatkan pada buku berkenaan. Unsur mistik, unsur ekstrinsik dan intrinsik yang dikumpul akan dianalisis dengan lebih terperinci lagi pada bahagian bab keempat dimana ia dikenali sebagai analisis kajian.

3.4 Teori Strukturalisme

Teori strukturalisme telah dipilih oleh pengkaji dan dijadikan sebagai akar bagi kajian ini. Pecahan yang terdapat pada teori ini adalah seperti aspek bahasa, aspek kinsip iaitu corak atau bentuk perkahwinan dan hubungan keluarga serta aspek mitos. Akan tetapi, bagi penyelidikan dilakukan oleh pengkaji ini, pengkaji hanya memberi fokus kepada pengaplikasian teori strukturalisme yang menekankan aspek mitos sahaja. Menurut pandangan yang diberikan oleh tokoh Mukarovsky dan Felik Vodicka (1977), teori strukturalisme ini lebih sesuai digunakan untuk membuat kajian seperti puisi dan karya yang lain. Hal tersebut demikian kerana, teori strukturalisme ini menyentuh aspek ekstrinsik dan intrinsik yang terdapat dalam puisi mahupun dalam sesebuah karya yang dihasilkan oleh pengarang. Aspek ekstrinsik dan intrinsik pada teori ini adalah seperti tema, gaya bahasa, nilai, amanat serta bentuk dan struktur puisi.



Carta 3.4 Gambar Rajah Pecahan Teori

3.4.1 Tema

Tema merupakan gagasan utama yang digunakan untuk membangunkan atau menghasilkan puisi. Tema memainkan peranan yang amat penting agar sebuah karya yang dihasilkan mempunyai jalan penceritaan yang jelas dan diketahui. Tema mencerminkan idea, konsep atau masalah yang diungkapkan oleh penyair melalui puisi yang telah dihasilkan.

3.4.2 Gaya Bahasa

Gaya bahasa menekankan kepada penggunaan kata-kata yang indah dalam menghasilkan puisi. Menurut pandangan Danzinger dan Johnson pada tahun 1961, gaya didefinisikan sebagai sebuah pilihan yang dilakukan secara sedar bagi mencirikan sebuah karangan, baik yang dituturkan dan ditulis. Dalam penghasilan puisi ini, baik yang dikaji oleh pengkaji misalnya daripada pemilihan asonansi, aliterasi, rima, dan sebagainya.

3.4.3 Unsur Nilai


Terakhir, beralih pula kepada unsur nilai. Unsur nilai merupakan aspek yang turut ditekankan dalam penghasilan sesebuah puisi. Unsur nilai merujuk kepada nilai-

nilai baik dalam pembinaan sesebuah puisi.

3.4.4 Struktur dan Bentuk

Struktur dan bentuk merujuk kepada kerangka-kerangka yang digunakan untuk mengolah puisi. Struktur dan bentuk ini memfokuskan kepada dua aspek penting iaitu struktur luaran dan dalaman. Pada Bahagian struktur dan bentuk ini, aspek luaran yang difokuskan adalah seperti penggunaan ayat yang pendek, gabungan ayat dengan bentuk lain misalnya perumpamaan, peribahasa dan sebagainya. Tambahan pula, untuk aspek luaran pada bahagian struktur dan bentuk ini juga memfokuskan kepada talibun mahupun prosa yang berirama dimana penggunaan ayat-ayat yang panjang. Manakala pada aspek dalaman pula ialah merujuk kepada struktur yang membina sesebuah puisi misalnya penggunaan ayat seruan, ayat penghormatan kepada Tuhan dan sebagainya.

3.5 Kerangka Konseptual



Rajah 3.5 Kerangka Konseptual

3.6 Penutup

Bahagian pada bab tiga ini penyelidik menghuraikan teknik yang diterapkan oleh pengkaji dalam menjayakan kajian ini. Hal ini dikatakan demikian kerana, penetapan terhadap kaedah kajian serta pengaplikasian teori memainkan peranan yang penting juga. Tambahan pula, dengan adanya kaedah-kaedah yang digunakan, ianya dapat membantu pengkaji dalam melakukan kajian agar penyelidikan yang dilakukan oleh pengkaji mengikut langkah yang betul, teratur dan terancang. Bukan itu sahaja, pemilihan kaedah kajian juga penting kerana ia dapat menentukan kesemua maklumat yang ditemui dan dikumpul turut bertepatan dengan tajuk kajian. Dengan penggunaan teori strukturalisme sebagai deduktif kajian dalam membentuk satu pembahasan serta analisis yang kukuh. Tambahan pula, penggunaan teori strukturalisme dimana melibatkan beberapa unsur membantu pengkaji dalam menganalisis teks puisi tradisional Iban yang dikaji.

BAB 4

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bagi melanjutkan penyelidikan yang dilakukan ini, pengkaji telah menganalisis beberapa perkara yang akan menghujah berkenaan dengan unsur-unsur mistik melalui analisis data kajian berdasarkan teks puisi *Timang Benih* yang disusun oleh Robert Menua Saleh. Penyelidikan yang dilakukan adalah berlandaskan kepada matlamat kajian iaitu mengenal pasti unsur mistik yang terkandung dalam teks puisi *Timang Benih*. Objektif utama analisis ini adalah bertujuan untuk mengumpul semua dapatan kajian yang telah diperolehi bagi mencapai segala objektif kajian. Manakala fokus utama perbincangan analisis ini adalah berdasarkan beberapa mitos yang ditemui melalui mitos yang berkaitan dengan unsur mitos melalui lambang, unsur mitos melalui haiwan dan mitos melalui tempat.

4.2 Unsur Mitos Melalui Lambang

Penggunaan simbol kepercayaan merupakan antara salah satu makna bagi sesuatu punca terhadap masyarakat yang menganggap sesuatu yang luar biasa dan bersifat kepada perkara yang aneh. Menurut pemikiran oleh sarjana iaitu Ali Ahmad pada tahun 1987, konsep mitos tidak hanya memberi fokus terhadap perkara-perkara yang dianggap luar biasa, namun, ia juga mempunyai kaitan dengan masalah agama, perakuan kebenaran lalu berkaitan dengan adat istiadat. Tambahan pula, mitos ini turut dikategorikan sebagai sesuatu yang suci dan bersih sekalipun peristiwa yang berlaku pada mitos berkenaan telah menyimpang jauh daripada realiti kehidupan yang sebenar manusia. Seterusnya, menurut Kamus Dewan (2016), telah mendefinisikan makna lambang atau simbol sebagai sebuah penggunaan simbol bagi menerangkan dan merupakan satu bentuk penyampaian terhadap sesuatu perkara. Tambahan pula, simbol turut bertujuan untuk memperkenalkan mahupun mengkomunikasikan sesuatu perkara yang ingin disampaikan. Malahan, simbol ini juga digunakan untuk mengekspresikan sesuatu. Namun demikian, sesuatu unsur mitos dijadikan sebagai salah satu unsur simbol yang kurang dikenal oleh masyarakat. Secara tegasnya disini, mitos lambang mahupun simbolik dapat diringkaskan sebagai salah satu bentuk kepercayaan masyarakat, pembentukan budaya keagungan agama dan sebagainya.

4.2.1 Mitos Lambang melalui Kepercayaan Sebagai Bentuk Komunikasi *Piring*

Hovland, Janis dan Kelly (1953) telah menerangkan dimana komunikasi merupakan satu bentuk penyampaian rangsangan dimana biasanya digunakan dalam percakapan dan bermaksud untuk melatih mahupun membentuk perangai seseorang individu. Hal ini dikatakan demikian kerana, setiap individu akan lebih tertumpu kepada rangsangan yang diterima berlandaskan kata-kata bagi mencapai sebuah matlamat yang ingin diperoleh daripada kawasan persekitaran. Seterusnya, menurut pandangan yang telah diutarakan oleh Masing (1981) tradisi lisan masyarakat Iban amat menitikberatkan kepercayaan. Pandangan tersebut dikuatkan lagi dengan pendapat sarjana iaitu Anom (2014) yang menyatakan bahawa persembahan sajian iaitu turut dikenali sebagai *piring* yang dilakukan bertujuan sebagai medium yang digunakan untuk menghubungkan kaum Iban dengan *Petara* ataupun dewa-dewa mereka. Tambahan lagi, ritual bagi persembahan sajian ini adalah satu aktiviti dimana golongan masyarakat Iban memberi para dewa dan dewi makan. Hal ini demikian kerana, sekiranya kuasa-kuasa luar biasa tersebut tidak diberi makan, maka masyarakat Iban tidak akan memperoleh kebaikan daripada para dewa dan dewi berkenaan. Malah, golongan suku kaum Iban yang tidak berbuat sedemikian secara tidak langsung dapat mengundang malapetaka kepada diri mereka sendiri. Tidak dinafikan disini bahawa manusia juga mempunyai gambaran kosmos atau alamnya sendiri mengikut kepercayaan yang diturunkan dari zaman nenek moyang lagi (Asmah Omar, 2012). Oleh hal yang demikian, begitu juga dengan masyarakat Iban dimana suku kaum Iban yakin akan adanya kosmos kepada *Petara* iaitu dewa-dewa mereka melalui persembahan sajian atau dikenali sebagai *piring*. Menurut pandangan Derek (1970), *Petara* dalam budaya orang Iban mempunyai

hubungan dengan fenomena alam yang memiliki maksud serta kekuatan sendiri berdasarkan hubungannya dengan manusia. Jelaslah disini bahawa kepercayaan dengan melakukan ritual *piring* sangat bermakna bagi kalangan masyarakat Iban sejak dari dahulu lagi.

Unsur mitos lambang melalui kepercayaan sebagai bentuk komunikasi *piring* boleh dilihat melalui petikan berikut:

Petikan 1

*...kumbai de' panjai tubuh besai, enda lembau enggai nyarih dedawai,
Munyi Mendu Ilai nelesai di punggai rajang tetunggang,
Aku ngenatai ke Serangkang Kirai mai' benih padi temperai,
Berindik ari **piring rendai** ke beunsai-unsai baka bungai jelumpang
tumbang...*

(Terjemahan: berbadan kecil, namun gagah perkasa, berbunyi bising seperti lebah berbisa di pokok yang tumbang, saya menyampaikan pesanan dengan membawa benih padi, sepertimana persembahan sajian yang dilakukan umpama bunga jatuh berguguran)

(Robert Menua Saleh, 2017)

Kisah ini telah menceritakan dimana dimana mitos lambang melalui kepercayaan komunikasi *piring* sememangnya masih menjadi medium perantaraan masyarakat Iban sejak dahulu lagi sehingga kini. *Piring* ataupun persembahan sajian merupakan salah satu aktiviti ritual yang sememangnya terkenal dalam masyarakat Iban yang masih memegang adat lama ataupun animisme. Menurut pandangan Bibiana Motey dan Noria Tugang (2016), *piring* merupakan satu persembahan ataupun doa yang dilakukan oleh suku kaum Iban kepada *Petara* mereka bagi memberkati kehidupan masyarakat Iban baik dari segi perlindungan, keharmonian, kekayaan dan sebagainya dalam masyarakat Iban. Tambahan lagi, pada ketika dahulu, ritual *piring* ini dilakukan sekiranya golongan lelaki mahu turun berperang yang turut dikenali sebagai *ngayau*. Tujuan *piring* diadakan sebelum turunnya berperang adalah untuk menjadikan seseorang itu kebal, tidak terkalahkan serta

mendapat kepala musuh apabila balik dari aktiviti *ngayau*.

Beralih kepada petikan teks yang telah dipetik diatas juga, dari segi penelitian yang dibuat, *piring rendai* atau persembahan sajian yang dilakukan menggunakan bertih padi. *Piring rendai* ini dilakukan bertujuan untuk mengucapkan terima kasih kepada dewa dan juga dewi yang telah memakbulkan permintaan masyarakat Iban. Perkara tersebut dibuktikan dimana pada ayat “*Aku ngenatai ke Serangkang Kirai mai’ benih padi temperai*” yang bermaksud saya menyampaikan pesanan dengan membawa benih padi dan “*Berindik ari piring rendai ke beunsai-unsai baka bungai jelumpang tumbang...*” yang bermaksud sepertimana persembahan sajian yang dilakukan umpama bunga jatuh berguguran. Daripada ayat yang dipetik tersebut, tidak dapat dinafikan bahawa permintaan masyarakat Iban untuk memiliki hasil tuaian yang banyak telah dikotakan. Jelas disini terbukti bahawa, piring ataupun persembahan sajian merupakan satu medium yang digunakan oleh masyarakat Iban untuk berkomunikasi dengan *Petara* mereka.

Disamping itu, mitos lambang melalui kepercayaan sebagai bentuk komunikasi *piring* turut tergambar pada teks *Timang Benih*, melalui petikan dibawah:

Petikan 2

...*Sengki dabung ngeli tubuh lemi enda nemu enggai nyarih berebigi
Munyi ai beranti tekat gerenjang,
Ngenatai ke Sempulang Gana isan kaya Bandar Muli mai benih padi nanyi,
Berindik ari **piring asi** sarap singkap pinggai lelayang...*

(Terjemahan: Gigi yang bergesel berbunyi kuat, berbunyi air disekat turun, mengalukan ketibaan dewa Tuhan padi membawa benih padi, sepertimana persembahan sajian nasi yang dihidangkan)

(Robert Menua Saleh, 2017)

Berlandaskan petikan yang diperolehi daripada sumber, dapat dilihat dimana teks tersebut telah menggambarkan bahawa masyarakat Iban percaya akan kewujudan roh-roh gaib di sekeliling mereka. Adat dan ilmu pertanian yang telah diamalkan dan dijadikan sebagai aktiviti turun-temurun bagi masyarakat Iban dipercayai telah diajar oleh dewa *Sempulang Gana* ataupun dikenali oleh suku kaum ini sebagai dewa padi. Oleh hal yang demikian, bagi mengucapkan terima kasih terhadap pertolongan yang telah diterima daripada dewa tersebut kepada mereka, jadi masyarakat Iban akan membuat ritual iaitu persembahan sajian. Persembahan sajian yang dilakukan itu dijadikan sebagai salah satu penghargaan atau balasan atas bantuan dan budi yang telah diturunkan kepada mereka. Hal ini kerana, melalui ritual tersebut sahaja masyarakat Iban dapat berkomunikasi dengan dewa serta dewi mereka. Maka, tidak dapat dinafikan disini bahawa masyarakat Iban sangat berpegang teguh pada adat dan budaya mereka. Misalnya adalah seperti adat resam, amalan-amalan ritual, kepercayaan animisme dan sebagainya. Meskipun dunia telah beralih ke arah zaman kemodenan, dan kebanyakan orang lain semakin mengabaikan kepercayaan yang ada dalam sesebuah kaum, namun bagi masyarakat Iban, budaya *miring* tetap diamalkan sehingga kini walaupun segelintir daripada masyarakat Iban telah memeluk agama Kristian. Perkara ini seperti yang telah dinyatakan pada *Encyclopedia of Iban Studies* (2001), dimana “*No ritual ever observed without piring*”, yang bermaksud “*nadai pengawa siti ke enda diintu enggau piring*” atau “tiada satu pun tidak dilakukan dengan ritual persembahan”.

Tambahan lagi, berdasarkan kosmologi suku kaum Iban juga, setiap manusia tidak kira lahir dari kaum mana ataupun berbangsa apa sudah pasti sangat mempunyai hubungan yang sangat erat dengan semua kehidupan yang ada dalam muka bumi lalu memiliki pertalian antara hantu dan semangat alam. Oleh hal yang demikian, bagi mengekalkan hubungan yang baik dalam kalangan masyarakat

dengan semangat alam, sudah pasti setiap orang mengambil langkah menurut kepercayaan mereka tersendiri. Begitu juga yang dilakukan oleh masyarakat Iban sehingga kini dalam mengekalkan kepercayaan yang dimiliki oleh mereka. Sebagai contoh, kaum Iban akan membuat penyembahan kepada *Petara* mereka, roh nenek moyang, semangat alam dan kuasa luar biasa yang lain. Tegasnya disini, masyarakat Iban turut mengambil langkah yang sama juga seperti suku kaum lain dalam mengekalkan kepercayaan yang mereka miliki sejak turun temurun lagi.

Mitos lambang melalui kepercayaan sebagai bentuk komunikasi *piring* turut diperolehi juga pada petikan teks *Timang Benih* yang disusun oleh Robert Menua Saleh seperti pada petikan ketiga di bawah:

Petikan 3

...*Surak dabung ragak enggi tubuh biak, enda nemu enggai nyarih lelekek, Munyi Beragai Nendak ngerakar di lebak ngeruang langkang, Ngenatai ke Serangkang Kirai Setuga Resak, mai benih padi indai Ruak, Berindik di **piring tuak** kelimbak di mua pasu dagang...*

(Terjemahan: Berusia muda, bising bunyi ketawanya, berbunyi seperti dewa padi di lembah bukit, mengalukan dewa-dewa membawa benih padi, seperti mana sajian tuak dihidangkan dalam bekas)

(Robert Menua Salleh, 2017)

Satu aspek yang menarik menerusi petikan *Timang Benih* di atas ialah mengisahkan tentang masyarakat Iban yang melakukan ritual *piring*. *Ritual piring* ini dilakukan bertujuan untuk mengucapkan terima kasih kepada *Petara* mereka. Hal ini jelas dibuktikan dimana tujuan persembahan *piring* tersebut adalah untuk mengalukan kedatangan dewa mereka yang banyak membantu mereka. Seperti yang dinyatakan, burung *Beragai* (*Scarlet-Rumped Trogon*) turut tergolong dalam dewa padi bagi suku kaum Iban. Bagi suku kaum Iban, iaitu mengenai sistem petanda burung, jika burung *Beragai* berbunyi terlebih dahulu dari burung *Ketupong*, ia menunjukkan

pertanda baik dimana mereka akan memperoleh banyak padi. Namun, akan tetapi sebaliknya, jika burung *Beragai* berbunyi sebelum burung *Bejampong*, perkara tersebut bermaksud sekiranya seseorang yang mendengar bunyi tersebut akan berhadapan dengan perkara yang buruk. Namun demikian, kaum Iban yakin dimana burung tersebut turut akan membawa petunjuk yang menyenangkan dan berkat kepada manusia agar memperoleh kekayaan dan harta benda dalam kehidupan mereka.

Bagi *Piring* yang disajikan kepada para dewa pula, mereka akan disertakan dengan bahan-bahan tertentu sahaja misalnya adalah penyajian *piring tuak* kepada dewa mereka. Setiap *piring* yang disajikan mempunyai maknanya tersendiri. Misalnya seperti *piring tuak* yang dinyatakan pada petikan teks timang diatas. *Tuak* ialah satu minuman tradisional masyarakat peribumi di Sarawak. *Tuak* dibuat daripada tapai beras lalu menjadi minuman utama dalam upacara ritual dan apa-apa majlis yang dilakukan oleh masyarakat Iban. Proses pembuatan air *tuak* ini memerlukan proses penelitian yang tinggi bagi mendapatkan rasa yang memuaskan. Namun, bagi upacara *miring*, kuantiti *ai tuak* yang digunapakai adalah sedikit sahaja lalu disediakan bersama dengan *piring* sebagai minuman bagi kuasa-kuasa ghaib yang datang pada upacara *miring*. Hal ini demikian kerana, *tuak* yang disediakan adalah sebagai tanda penghormatan kepada kuasa-kuasa luar biasa. Maka, jelas menunjukkan bahawa, tujuan persembahan *piring* yang dilakukan oleh masyarakat Iban adalah salah satu medium yang digunapakai bagi tujuan berkomunikasi dan bercakap dengan *Petara* mereka bagi tujuan meminta pertolongan, mengucapkan terima kasih atas bantuan yang dilakukan mahupun digunakan sebagai salah satu medium bagi mengalu-alukan kedatangan kuasa ghaib ke ritual yang mereka lakukan.

Rentetan daripada itu, unsur mitos melalui lambang komunikasi *Piring* bertunjangan kepada unsur amanat yang terdapat pada strukturalisme. Amanat

merupakan satu pesan moral yang amat penting dalam kehidupan seseorang manusia bagi mencapai hidup yang baik, sejahtera, damai dan sebagainya (Nurgiyantoro, 2018). Contohnya, menerusi penelitian terhadap unsur amanat telah membuktikan bahawa secara jelasnya masyarakat Iban tidak pernah melupakan kepercayaan mereka yang diturunkan dari zaman nenek moyang sehingga kini bagi memenuhi keperluan kehidupan mereka. Dalam konteks ini, jelas membuktikan bahawa unsur amanat yang masih dipegang oleh masyarakat Iban hingga kini adalah dalam komunikasi *piring*. Perkara tersebut dimana ia dilakukan oleh orang Iban bagi tujuan meminta keberkatan, perlindungan, keampunan, ucapan terima kasih dalam kehidupan mereka.

Menerusi pandangan yang dilontarkan oleh Nurgiyantoro (2010), amanat merupakan sebuah pesanan atau hikmah yang dapat diperoleh daripada sesebuah kisah atau cerita dan seterusnya dijadikan sebagai cerminan dan panduan dalam kehidupan. Dalam konteks kepercayaan atau agama, amanat dapat merujuk kepada petunjuk atau ajaran yang dianggap sebagai pedoman atau perintah yang harus diikuti oleh para penganut. Amanat dalam kepercayaan ini dapat berasal dari teks-teks suci, ajaran spiritual, ataupun tradisi keagamaan sesebuah kaum. Menerusi penulisan yang dilakukan oleh Noria Tugang, Bibiana Motey Senang dan Adilawati (2022), unsur amanat ini dapat dibuktikan lagi dimana meskipun kini majoriti kaum Iban telah memeluk agama Kristian kini, namun pada masa yang sama mereka masih mengekalkan adat resam serta ciri-ciri kebudayaan yang telah menjadi satu simbol tradisi masyarakat Iban. Perkara tersebut disebabkan kerana suku kaum Iban berpegang kepada peribahasa “biar sesat di belantara, jangan sesat di adat”. Penggunaan simbol-simbol khas dalam upacara adat atau ritual tertentu dapat mencerminkan nilai-nilai keagamaan dan kepercayaan dalam menjaga keseimbangan spiritual. Dalam konteks ini, jelas membuktikan bahawa manusia

sewajarnya menyemaikan sikap amanat dalam diri masing-masing demi mewujudkan kesejahteraan hidup di samping untuk mengekalkan budaya dalam sesebuah hidup kemasyarakatan

4.2.2. Kehadiran entiti atau roh

Maksud entiti atau roh ialah merujuk kepada salah satu unsur ghaib yang tidak mampu dicapai oleh akal manusia (Ibn Khatir, 1999). Merujuk kepada kepercayaan agama, falsafah dan budaya, terdapat makhluk-makhluk lain yang mempunyai roh. Shahabuddin Hashim (2007), menyatakan bahawa terdapat wujudnya roh baik atau dikenali sebagai *good magic* dan roh jahat ialah *black magic* dalam kalangan roh-roh yang ada di alam semesta. Suku kaum Iban percaya akan kewujudan dewa-dewi mereka sejak zaman berzaman sehingga kini. Hal ini dibuktikan dimana apabila melakukan apa-apa ritual, masyarakat Iban tidak pernah tinggal untuk turut memasukkan nama-nama dewa-dewi mereka dalam upacara yang dilakukan. Menurut Derek (1970) pula, bagi masyarakat Iban, kewujudan roh-roh gaib tersebut dapat membantu mereka misalnya dari aspek perlindungan, kesejahteraan dan sebagainya sepanjang perjalanan mereka mencari kekayaan dan kebahagiaan dalam kehidupan. Jelas menunjukkan bahawa, masyarakat Iban percaya dimana kewujudan *Petara* atau dewa-dewi mereka sememangnya ada dan sentiasa membantu mereka pada setiap masa. Kehadiran entiti atau roh dapat dilihat menerusi teks *Timang Benih*, tergambar dalam di bawah:

Petikan 4

*...Enti ngambi ngabang mansang ngempa, madah ke Suga Pulang Gana,
Isan Kaya Lang Rimba, mai benih padi maba, de meh adi Pungga,
Bau ngena ngengkang lelayang, ditandang ke mali rari,
Enti ngambi ngabing ke tinting peling gasing gerah lelayang,
Madah ke **Sepulang Gana** isan Kaya Lang Muking, mai benih padi puting,
De meh adi Bungai Nuing manuk biring sempidan arang,
Kaki kekilang tanchang bulang teku taji...*

(Terjemahan: Jikalau datang menziarah, beritahulah dewa padi, besan kepada burung helang, bawa benih padi untuk semua. Kalau menuai di hujung bukit, beritahulah dewa padi, untuk membawa benih di hujung lembah)

(Robert Menua Saleh, 2017)

Petikan 5

*...Nya baru renggung serenggung belumpung nibung,
Nyaduh di tubuh Pulang Gana mantai ke tutung,
Sepulang Gana isan Kaya Bandar Muli,
Nutung ke Sigai di gang gumbang bepangki,
Nuntung ke benih padi nanyi tampang sengkenyang siti,
Nyau nyapai tutung rangki penampang umang,
Lalu gitang enggau kelingkang wi rua ai,
Sanggit di kulit menyeti kumbu lepi, pasak di tetak marik uti...*

(Terjemahan: Barulah berbunyi kuat pokok nibung, tempat dewa padi bersandar, Menunjukkan hasil padi yang diperoleh penuh dalam raga dan digantung menggunakan rotan)

(Robert Menua Saleh, 2017)

Menerusi matlumut yang telah dipetik daripada puisi *Timang Benih* tersebut, kisah ini menceritakan tentang masyarakat Iban yang percaya akan wujudnya roh-roh ghaib di sekeliling mereka. Misalnya adalah seperti entiti atau roh *Sepulang Gana*. Entiti atau roh *Sepulang Gana* dipercayai oleh masyarakat Iban merupakan dewa pertanian mereka. Sejak dari dahulu lagi mahupun kini, masyarakat Iban percaya bahawa entiti tersebut banyak menolong mereka dalam menyuburkan hasil tuaian dan menjaga tanaman mereka sepanjang melakukan aktiviti pertanian. Namun begitu, masyarakat Iban perlu melakukan pemujaan kepada *Sepulang Gana* sebelum menggunakan tanah untuk tujuan pertanian. Perkara tersebut dikatakan demikian kerana, pemujaan yang dibuat bermaksud untuk meminta keberkatan daripada dewa yang berkenaan. Jika tidak, mahupun melanggar pantang larang tersebut, masyarakat Iban dipercayai akan mendapat kesukaran dalam aktiviti pertanian dan akhirnya akan mengakibatkan

berlakunya kebuluran. Bagi kebudayaan Dayak, terdapat kepercayaan terhadap roh yang disebut *antu* atau hantu. Mereka yakin bahawa roh-roh ini dapat berinteraksi dengan dunia nyata dan memiliki pengaruh terhadap kehidupan seharian mereka. Dalam konteks ini, jelas membuktikan bahawa *Sepulang Gana* ini merupakan entiti atau roh yang penting bagi masyarakat Iban untuk meneruskan kelangsungan hidup mereka. Jelaslah bahawa, setiap kepercayaan atau kaum memiliki konsep unik mereka sendiri mengenai entiti atau roh yang memainkan peranan penting dalam kehidupan dan hubungan mereka dengan alam. Konsep ini sering kali mencerminkan hubungan yang dalam antara manusia, alam, dan dunia roh.

Seterusnya, entiti atau roh boleh dilihat juga pada petikan teks *Timang Benih*, seperti petikan di bawah:

Petikan 6

...Nya baru menuang tumbang dedanggung, nyerah ke lengkan tundan berangan.

*Geliga Tandang ke mansang ngabang, nyaduh di tubuh bebasuk ke ngepan. Gunting nyaing **Bungai Nuing** Ketupung Biring baka peraris tunggul tebang, Alah banding emperaja Jeling enggau tusuk pending kaling-kaling, Baka mata ari tetunging tekilup petang...*

(Terjemahan: Para dewa perang turun menziarah, memakai pakaian *ngepan* dari atas hingga bawah dengan lengkapnya, mengalahkan Jeling dimana telinganya dipenuhi anting, seumpama matahari tenggelam padam tidak bersinar terang)

(Robert Menua Saleh, 2017)

Kehadiran entiti atau roh *Bungai Nuing* merupakan salah satu sosok yang mempunyai nama yang sangat besar dan tersohor dalam kalangan masyarakat Iban di Sarawak. Hal ini demikian kerana sosok *Bungai Nuing* merupakan salah satu sosok manusia yang bukan calang-calang orangnya. Beliau dikatakan berasal dari *Panggau* atau dikenali sebagai dunia kayangan. Sudah pasti, orang-orang yang berasal dari dunia ini akan dikenali sebagai orang yang mempunyai kuasa sakti dan mempunyai kekuatan

tersendiri berbanding dengan manusia biasa yang lain. Kesaktian *Bungai Nuing* ini terbukti apabila beliau berjaya melawan seekor *Remaung* yang merupakan seekor harimau berbadan besar. Masyarakat Iban menyatakan bahawa *Remaung* ini merupakan haiwan yang dikatakan memakan manusia suatu ketika dahulu. Beliau membunuh *Remaung* tersebut dengan menggunakan batu dan kini batu tersebut dianggap sebagai batu suci oleh masyarakat Iban lalu dijadikan sebagai salah satu tempat pemujaan untuk meminta hajat atau semangat ghaib. Jelas disini terpapar bahawa dengan kemenangan yang diperolehi olehnya, kekuatan yang dimiliki oleh *Bungai Nuing* ini adalah sangat menakjubkan dimana tidak semua orang mampu melawan haiwan yang ganas hanya dengan menggunakan batu sahaja.

Selain itu, entiti atau roh boleh dilihat juga pada petikan teks *Timang Benih*, seperti petikan di bawah:

Petikan 7

...Lalu manggai di tinting madang selangking tedai Ranggau **Keling**,
Ngema ngiling batang sandung.
Ngapit nangkan terengkah di emperan madang rian tedai bujang ganggam,
Ngema terabai rimbung.
Tu temuda madang lembe lupai engga, pulai ila kitai bela mila,
Enggau manchang pala empejungau ngenung.
Tu tatai madang engkerabai lengau lupai, pulai ila kita bela mijai,
Enggau ngelabuh ke punggai bali belumpung...

(Terjemahan: Lalu sampai di penghujung bersama dengan dewa perang, membawa pucuk sandung, manakala yang lain telah tiba di kebun durian membawa terabai, jikalau balik jangan lupa membawa buah lembe, bagi menahan lapar sepanjang perjalanan)

(Robert Menua Saleh, 2017)

Menerusi sumber yang di atas, entiti atau roh dapat dilihat pada watak *Keling*. Menurut cerita-cerita lisan oleh orang-orang tua dalam komuniti Iban, *Keling* merujuk kepada seorang dewa perang yang duduk dalam rumah panjang yang terdapat di *Panggau Libau* atau dikenali sebagai dunia kayangan. Watak beliau melalui penceritaan

orang terdahulu merupakan seorang watak yang berpesonaliti idaman semua jejak berbangsa Iban pada ketika itu. Hal ini dikatakan demikian kerana, beliau dibayangkan sebagai seorang yang gagah, berani, berbadan tegap lalu memiliki rupa paras yang sangat segar. Tidak dinafikan juga bahawa *Keling* ini turut mempunyai kuasa ghaibnya atau dikenali sebagai *Tau Ajih* dimana kuasa tersebut membolehkannya untuk menghilangkan diri daripada penglihatan musuh, (Jimmy Donald, 1991). Oleh kerana memiliki kesaktian dalam kepahlawanan, maka dikatakan selepas pemergian beliau, barang siapa yang mendapat mimpi didatangi *Keling* akan menjadi seorang yang berani dan dipanggil pahlawan atau *Raja Berani*. Dipercayai juga bahawa terdapat beberapa orang Iban telah mendapat gelaran tersebut kerana sukar dikalahkan dan dipercayai mendapat bantuan secara batin melalui mimpi oleh *Keling* (Benedict Sandin, 1966). Tegasnya, watak *Keling* merupakan watak yang sangat berpengaruh dalam kalangan masyarakat Iban kerana kekuatan yang dimiliki olehnya.

Lagi, entiti atau roh boleh dilihat juga pada petikan teks *Timang Benih*, seperti petikan di bawah:

Petikan 8

...Nya baru kejang ke orang nanga endur mulah baka,
Kejang ke ai endur mulah isi,
Iya ke dulu manggai di munggu midang bindang,
Endur **Kumang** mending ke sanggai, leka renung...

(Terjemahan: Itulah tempat orang membuat rangka bakul, mengalir mengikuti aliran sungai untuk memulakan bahagian isi, yang dulu sampai di puncak dikira pemenang, tempat *Kumang* mendengar dan menghayati puisi)

(Robert Menua Saleh, 2017)

Menerusi contoh petikan teks diatas, *Kumang* merupakan seorang sosok wanita yang sangat popular dalam masyarakat Iban dari zaman dahulu sehingga kini. *Kumang* merupakan isteri kepada dewa perang masyarakat Iban iaitu *Keling*. Selain itu, *Kumang*

atau dewi ibu dalam mitos Iban sangat terkenal dengan bakat beliau iaitu mempunyai kepakaran yang sangat dalam menenun *pua kumbu* (selimut) dan menganyam apa jua peralatan. Tidak dapat dinafikan bahawa tidak semua golongan wanita masyarakat Iban tahu atau pakar dalam proses menenun *pua kumbu* (selimut). Menurut Norma Mullie (2008), dipercayai bahawa seseorang wanita yang mampu menghasilkan *pua kumbu* dipercayai mendapat ilham melalui mimpi didatangi oleh *Kumang*. Menurut kepercayaan masyarakat Iban, tenunan *pua kumbu* hanya boleh dihasilkan oleh wanita yang mendapat arahan dari dewa atau dewi sahaja. Namun, jika penenun atau wanita yang tidak mendapat ilham tersebut mencuba untuk melakukan penenunan *pua*, mereka dipercayai akan *layu* atau mengalami masalah kesihatan. Hal ini disebabkan kerana, *pua kumbu* tersebut bukan hanya sekadar kain tenunan sahaja, malah ia dikuasai oleh makhluk ghaib dan berhantu. Bagi golongan kaum wanita Iban yang pakar dalam aspek proses menenun ini dianggap setaraf dengan wira perang. Perkara ini dimana *pua kumbu* adalah medan peperangan golongan wanita Iban. Hal ini sedemikian kerana proses penenunan *pua kumbu* ini bukan merupakan suatu perkara yang sangat mudah kerana ia memerlukan banyak proses dan sebagainya. Tambahan lagi, *Kumang* turut dikatakan mempunyai sosok wanita yang sangat lemah-lembut lalu memiliki kecantikan yang tiada tokok bandingannya selain daripada mempunyai ciri-ciri ideal seorang wanita. Disebabkan perkara tersebut, beliau adalah dewi ibu yang sangat dihormati serta secara keseluruhannya boleh dikatakan dimana ia menjadi inspirasi atau idola bagi wanita Iban. Seperti sosok *Keling* juga, barang siapa yang didatangi oleh *Kumang* dalam mimpi seseorang itu akan dianggap bertuah kerana tidak semua orang yang mampu bertemu dengan sosok *Kumang* tersebut dalam mimpi. Tuah yang dimaksudkan adalah dimana seseorang yang bermimpi bertemu dengan sosok tersebut akan mewarisi kebijaksanaan, rupawan yang dimiliki oleh beliau. Misalnya adalah seperti bijak dalam melakukan pekerjaan, pandai dalam aktiviti menganyam dan sebagainya.

Sehubungan dengan itu, secara rumusnya membuktikan bahawa kehadiran entiti roh bertunjangkan unsur watak dan perwatakan yang terkandung dalam teori strukturalisme. Hal ini kerana, teori ini dipilih dan bersesuaian kerana setiap karya yang dihasilkan sememangnya akan turut diselitkan beberapa watak tidak kira watak utama, sampingan dan sebagainya. Dalam kebudayaan masyarakat Iban, keberadaan roh dan alam ghaib memiliki peranan yang penting. Unsur-unsur mistik yang berkaitan dengan perwatakan roh-roh ghaib mencerminkan kehadiran dan kewujudan spiritual dalam kehidupan sehari-hari bagi suku kaum Iban di Sarawak. Lagi, tujuan watak dan perwatakan digunakan dalam sesebuah karya adalah bertujuan untuk menghidupkan karya atau cerita yang dihasilkan (Kadir, 2007). Oleh itu, watak-watak yang dipilih atau diselitkan tersebut memainkan peranan yang penting dalam membangunkan sesebuah karya.

4.3 Mitos mengenai Haiwan

Selain itu, makhluk legenda ataupun dongeng merupakan salah satu bentuk mitos yang selalu diperolehi daripada mana-mana cerita rakyat mahupun puisi tradisional dalam masyarakat Iban sejak zaman berzaman. Perkara tersebut demikian kerana, terdapat segelintir cerita lisan yang diceritakan oleh penglipur lara sering kali mempunyai hubungan dengan makhluk-makhluk legenda tersebut. Tambahan pula, Yussof Iskandar (1986), telah menyatakan bahawa kewujudan sesuatu tempat sudah pasti mempunyai cerita asal usulnya tersendiri yang mempunyai hubungkait dengan haiwan dan legenda. Unsur-unsur mitos yang berkaitan dengan binatang sering kali memberi gambaran kepada jenis-jenis haiwan yang diceritakan mempunyai kekuatan serta sifat yang sangat luar biasa seperti keberanian, kebijaksanaan dan sebagainya. Namun demikian, pada pandangan yang diutarakan oleh Siti Hawa (1994), beliau telah menyatakan bahawa kejadian yang luar biasa dalam pandangan Islam dapat dilihat dimana melalui peristiwa mukjizat Nabi Sulaiman yang mana boleh bercakap dengan haiwan. Oleh hal yang demikian, jelas disini dibuktikan dimana haiwan legenda mempunyai kisah asal-usulnya yang dijumpai dalam beberapa peristiwa luar biasa merujuk kepada beberapa kisah-kisah yang wujud dalam sesebuah masyarakat.

4.3.1 Jenis Ayam

Lanjutan daripada itu, suku kaum Iban merupakan kaum majoriti di negeri Sarawak dan kumpulan etnik yang memiliki budaya serta adat tradisi yang diturunkan daripada nenek moyang secara lisan (Burma, 1987). Menurut pandangan Muhammad Fazillah Zaini (2015) pula, penggunaan unsur alam dipercayai mempunyai hubungan yang amat erat antara alam sekeliling. Oleh hal yang demikian, bagi suku kaum Iban, ayam jantan diyakinkan dapat menjauhkan mereka daripada kecelakaan dan mimpi buruk. Suku kaum Iban juga percaya bahawa ayam jantan yang mempunyai pelbagai jenis mempunyai kuasa sakti yang luar biasa serta hadir dengan kekuatan yang berbeza antara satu sama lain. Hal ini dibuktikan lagi dimana masyarakat Iban sememangnya aktif dan mempunyai pengalaman dalam aktiviti laga ayam. Perkara tersebut secara tidak langsung telah menyebabkan mereka dapat mengetahui beberapa jenis ayam yang dapat digunakan sewaktu melakukan ritual seperti *timbang*, *biau* dan sebagainya.

Kepelbagaian jenis ayam yang memberi makna yang berlainan misalnya adalah seperti ayam jantan serama atau pelbagai warna dan ayam jantan sabung seperti yang ditunjukkan di bawah:

Petikan 9

*...Miru-iru langit radu baka kumbu bali merinjan.
Kilang-kilang rambur mandang baka tampang kain serundam.
Bepetik langit burik baka tisik tengkarung laman.
Sesitur niga nyurur baka dunggur **manuk jelayan**...*

(Terjemahan: Langit biru seperti tenunan selimut Iban, bermacam corak seperti kain disulam, corak langit seperti sisik mengkarung, bercorak tiga seperti ayam jantan berbulu keperangan)

(Robert Menua Saleh, 2017)

Tambahan lagi, sumber turut membincangkan kegunaan ayam dalam teks puisi

Timang Benih, berdasarkan contoh petikan teks di bawah:

Petikan 10

*...Tu meh aku ke ngempu de karung pemedung,
Ga bulan nyempiak tubuh biak lama nanak ke de tuak ai beram tepung,
Bulan ke udah tebelaling tubuh ramping lama ngiling ke de chiping,
Ragi segempung.
Bulan ke padam tubuh rempam lama udah mencharan de seran,
Babi kampung.
Bulan ke nyau tubuh pipau lama ngalau ke de selinggau ijau **manuk sabung**.
Bulan ke dulu tubuh gemu lama udah naju de enggau telu **manuk tukang**...*

(Terjemahan: Inilah saya yang memiliki kain itu, bulan sabit muncul sebab membuatkanmu air tapai, hilang tubuh bulan separuh kerana proses membuat ragi lama, ragi dibuat segenggam tapak, kalaulah bulan padam, sudah lama berburu babi hutan untuk kamu, kalaulah bulan penuh, sudah lama simpankan kamu ayam sabung jantan, kalaulah bulan penuh, sudah lama memberi kamu telur ayam betina)

(Robert Menua Saleh, 2017)

Menerusi kisah yang diceritakan, ayam merupakan sejenis haiwan perliharaan yang sangat terkenal dalam kalangan suku kaum Dayak. Bagi masyarakat Iban, ayam mempunyai makna yang sangat dalam, bukan hanya sekadar dijadikan haiwan perliharaan malah mempunyai kegunaannya tersendiri. Bagi masyarakat Iban yang masih mengamalkan pegangan lama atau lebih dikenali sebagai animisme, ayam-ayam tersebut memainkan peranan yang amat penting termasuk telur-telur ayam. Hal ini dikatakan demikian kerana, ayam berperanan sebagai satu alat yang digunakan untuk melengkapi bahan-bahan ritual *piring* iaitu persembahan sajian. Jika persembahan atau ritual tersebut tidak dilengkapi dengan ayam atau tidak menggunakan ayam, perkara tersebut secara tidak langsung menyebabkan dewa mereka marah lalu permintaan mereka tidak akan diterima oleh dewa-dewa mereka. Jelas disini bahawa, bagi masyarakat Iban, ayam-ayam memainkan peranan yang penting dalam kehidupan mereka.

Tambahan lagi, dalam kehidupan masyarakat Iban, ayam bukan sahaja digunakan dalam ritual penyembahan sajian, malah ia turut digunakan dalam proses penamaan bayi, perkahwinan dan sebagainya. Misalnya dalam proses menamakan bayi, ayam berperanan sebagai pemilih untuk nama-nama bayi yang telah disenaraikan. Perkara sedemikian dimana budak yang baru dilahirkan akan diberi nama timangan sempena dengan nama salah seorang nenek moyangnya yang pernah berjasa dan handal. Semasa majlis berlangsung, kepalan nasi akan diletakkan di atas papan yang tertulis dengan nama-nama yang telah dipilih. Kemudiannya, seekor ayam akan dilepaskan untuk membuat pilihan dan ayam tersebut dikenali sebagai *Manuk Tawai* atau dikenali sebagai ayam sabung. Kepalan nasi yang menjadi pilihan ayam tersebut dimana nasi yang dipatuk berkenaan secara langsung akan diambil dan akan dijadikan nama kepada bayi yang baru lahir tersebut.

Bagi upacara perkahwinan masyarakat Iban, ayam turut memainkan peranan yang amat penting. Kegunaan ayam dalam perkahwinan masyarakat Iban adalah dimana sekiranya perkahwinan yang berlangsung tersebut ada berlakunya pelanggaran adat. Jika berlaku sebarang pelanggaran adat, kedua pengantin baru dikehendaki mandi di sungai sebagai penyucian diri mereka. Bagi adat ini juga, pengantin dikehendaki memegang kain sepanjang 7 ela bagi menentukan kesalahan yang dibuat oleh tetamu lain juga telah dihapuskan. Selepas mandi, mereka akan membunuh seekor babi sebagai korban dan sebagai penghapus dosa pengantin. Seterusnya, orang-orang tua yang pakar serta berpengalaman dalam bidang berkenaan memainkan peranan yang amat penting. Perkara ini dimana, golongan tersebut akan membaca doa dan meminta kepada para dewa agar melindungi kedua-dua pengantin berkenaan agar sentiasa diberkati sepanjang mereka menjalani kehidupan mereka setelah bergelar pasangan suami isteri. Pada ketika itu, golongan pakar yang turut dikenali sebagai tukang ganyang akan memulakan acara berkenaan. Setelah itu, ayam yang telah diikat kakinya akan

dilepaskan dan mantera pun akan dibaca. Ayam tersebut akan disembelih dan darahnya akan disimbah kepada pengantin. Secara tegasnya disini bahawa menurut kepercayaan masyarakat Iban, sesetengah ayam sudah jelas sangat penting dalam kehidupan sosial masyarakat Iban. Hal ini demikian kerana, ayam bukan sahaja digunakan untuk melengkapkan penyembahan sajian, upacara adat, malah ia turut digunakan dalam proses penamaan bayi serta digunakan dalam majlis perkahwinan yang bertujuan untuk meminta perlindungan daripada pengantin bagi melindungi pengantin tersebut. Kesimpulannya, ayam bukan hanya dipandang sebagai sumber protein di dalam kalangan masyarakat Iban, tetapi juga memiliki makna simbolis dan spiritual yang penting dalam berbagai aspek kehidupan seharian dan kegiatan keagamaan mereka.

4.3.2 Jenis Burung

Sebelum membuat apa-apa permohonan mahupun ritual, pengamal atau *lemambang* membuat pendakwaan bahawa mereka mewarisi amalan melakukan *timbang*, *sampi* dan sebagainya mengikut adat dan tradisi yang telah diturunkan daripada nenek moyang sejak dahulu lagi. Melalui pandangan sarjana iaitu Deignan (2005), *lemambang* menggunakan beberapa unsur tumbuhan dan haiwan yang digunakan untuk menyampaikan sesuatu perkara. Tambahan pula, sememangnya penggunaan unsur tumbuhan dan haiwan mengikut kepercayaan setiap kaum memang ada dalam mana-mana misalnya dalam cerita dongeng, puisi dan sebagainya. Begitu juga dengan masyarakat Iban dimana mereka turut menerapkan unsur warisan tradisi menerusi haiwan dalam melakukan ritual. Perkara sedemikian merujuk dimana segelintir haiwan yang hidup di muka bumi ini, dipercayai mempunyai kaitan dengan kehidupan suku kaum Iban di Sarawak. Yusof Iskandar (1986), menyatakan bahawa kewujudan sesuatu tempat sudah pasti mempunyai cerita asal usulnya tersendiri yang mempunyai hubungkait dengan haiwan dan legenda. Tidak dapat dinafikan juga bahawa, unsur mitos turut sering menggunakan unsur binatang yang memberi gambaran kepada sifat yang luar biasa seperti sifat kegagahan, kebijaksanaan mahupun dari aspek yang lain.

Rentetan daripada itu, kehidupan masyarakat Iban sememangnya tidak pernah lari dengan kehidupan alam sekeliling mereka. Hal ini demikian kerana, masyarakat dahulu sehingga kini mempercayai bahawa fenomena alam mempunyai kekuatan tersendiri. Derek (1970), menyatakan bahawa *Petara* ataupun dewa-dewi dalam budaya kehidupan masyarakat Iban mempunyai kehidupan dengan fenomena alam seperti burung, tanah, air dan pokok. Penggunaan unsur seperti berikut bukan sahaja untuk mengindahkan teks pada puisi mahupun ritual yang dibacakan, malah ia juga merupakan satu kalimat yang disampaikan oleh *Lemambang* untuk menghargai alam sekeliling dalam dunia *Petara*. Penggunaan unsur ini bertujuan untuk memberitahu dan

menunjukkan ritual timang dan permintaan mereka direstui. Oleh itu, kepercayaan masyarakat Iban mengenai burung adalah seperti yang berikut:

Petikan 11

*...Nganti buli sigi taun kejemah empai, angka udah kuram di tegalan umai besai,
Lechut di bungai rumput padi temperai, angka urang bisi kenang,
Ka muntang kenang **Kenyalang** Ilai, niri ke pepanji buluh tuai,
Ngerandang ketupang isang setangkai.
Nya baru enggau Pipau tubuh besai, lama ka meda ranyai cechibai,
Murai kechugai sarung pedang...*

(Terjemahan: Tunggu dapat lagi pada tahun yang mendatang, mungkin tahun ini bukan rezeki, padi gugur di bunga rumput, mungkin ada melanggar pantang, nantilah kita memohon pada *Kenyalang*, barulah kelak mendapat rezeki yang banyak)

(Robert Menua Saleh, 2017)

Menerusi petikan teks yang dipetik, burung *Kenyalang* atau dikenali sebagai burung Enggang Badak merupakan seekor burung yang sangat berpengaruh dalam kalangan masyarakat Iban. Burung *Kenyalang* merupakan salah satu burung suci dimana bagi hampir semua masyarakat etnik Dayak di bumi Sarawak. Unsur mitos yang dipercayai hadir dalam burung *Kenyalang* ini dimana ada cerita mengatakan masyarakat Iban dilarang untuk memakan burung ini jika ingin mendapatkan zuriat. Hal ini dikatakan demikian kerana, menurut cerita dongeng orang Iban, terdapat larangan untuk membunuh atau memakan burung tersebut dalam upacara perkahwinan dewa-dewa dahulu. Bagi masyarakat Iban dahulu, mendapatkan zuriat lelaki seumpama mendapatkan emas kerana golongan lelaki dipandang tinggi suatu ketika dahulu kerana anak lelaki merupakan pewaris kepada adat *ngayau* (berburu kepala) dan gagah (Jamilah Haji Ahmad & Jonathan Singki, 1989). Tambahan pula, anak lelaki juga turut dijadikan lambang kepada kepahlawanan masyarakat Iban. Perkara tersebut telah menyebabkan sehingga hari ini, masyarakat Iban telah menjadikan ia sebagai satu tradisi dimana mereka tidak memakan binatang tertentu misalnya burung *Kenyalang*.

Seterusnya, jenis burung turut terkandung dalam petikan teks yang bertajuk Timang Benih, menerusi contoh petikan di bawah:

Petikan 12

*...Udah simun mutun di damun, baru renggung serenggung belumpung nibung,
Udah nurun ke ulun nyadun di tubuh nurun ke sida **Ketupung**,
Angkat Balai Bekubu burik bulu burung **Ketupung**,
Ngabang ke kebun randang begantung...*

(Terjemahan: Setelah selesai menebang di kebun, barulah berbunyi lumpung pokok nibung, setelah itu, turunlah burung-burung *Ketupung*, majulah *Balai bekebu* bulunya seperti burung *Ketupung*, turut datang sama melawat ke kebun)

(Robert Menua Saleh, 2017)

Petikan 13

*...Angkat **Ketupung** ke ngabang nindung,
Kaki kiba singkang ke di tangga tangkar menabung,
Kaki kanan tunjan ke di tempangan kayu baung,
Lalu dipelakang ke menua bujang, Ijau Jegalang...*

(Terjemahan: Burung belatuk pergi menziarah, kaki kiri melangkah ke tangga, kaki kanannya pula berinjak di kayu *baung*, lalu membelakangi daerah bujang, *Ijau Jegalang*)

(Robert Menua Saleh, 2017)

Menurut legenda, burung pertanda dikenali sebagai burung *mali* yang didefinisikan amaran dan petanda yang dikeluarkan oleh burung-burung yang dinyatakan sangat berguna dalam kehidupan manusia. Burung-burung pertanda ini memainkan peranan yang amat penting dalam kehidupan seharian masyarakat Iban tidak kira mereka berada dalam rumah ataupun luar rumah. Bunyi-bunyi yang dihasilkan oleh burung-burung pertanda ini bukan bunyi yang sebarangan, malah ia merupakan bunyi yang berguna baik dari sudut positif mahupun yang negatif. Oleh itu, dalam masyarakat Iban, burung pertanda seperti burung *Ketupung* atau burung belatuk merupakan burung yang sangat berkuasa dan sangat garang. Ia dipercayai dapat

membantu manusia dalam pelbagai perkara melalui bunyi yang dikeluarkan olehnya. Namun demikian ia juga boleh membahayakan manusia dengan sekelip mata sahaja.

Tambahan lagi, jenis burung juga boleh dilihat menerusi petikan puisi yang bertajuk *Timang Benih*, bertepatan dengan petikan dibawah:

Petikan 14

...Udah lengkan tundan berangan, senara lebau dibunga,
Udah ngenang ari malam, nyaduh ditubuh ngading nengkira,
Surak dabung ragak enggi tubuh biak, enda nemu enggai nyarih lelekak,
Munyi **Beragai Nendak** ngerangkar di lebak ngeruang langkang,
Ngenatai ke Serangkang Kirai Setuga Resak, mai benih padi indai Ruak,
Berindik di piring tuak kelimbak di mua pasu dagang...

(Terjemahan: Waktu malam tiba dan digunakan untuk berehat, bunyi-bunyi bising seperti burung-burung berkicauan di hujung lembah, mengalukan ketibaan yang lain yang membawa benih padi, yang dipanggil menggunakan persembahan sajian)

(Robert Menua Saleh, 2017)

Bagi burung *Beragai* (*Scarlet-Rumped Tragon*) pula, merupakan burung dewa yang mendatangkan hasil padi kepada manusia. Dipercayai dimana, jika burung berkenaan berbunyi terlebih dahulu daripada burung *Ketupung*, maka para petani yang menanam padi akan mendapat hasil yang sangat banyak dan memuaskan. Masyarakat Iban juga percaya bahawa burung *Beragai* ini turut membawa pertanda yang menggembirakan dan tuah kepada manusia dan mendapat lebih banyak harta. Manakala bagi burung *Nendak* (*White-Rumped Shama*) pula, turut dipercayai burung yang menimbulkan suasana yang selesa dan sejahtera.

Jenis burung turut terkandung dalam petikan puisi yang telah dipetik dalam teks

Timang Benih, seperti contoh petikan di bawah:

Petikan 15

*...Enti ngambi nandai ngiga benih padi temperai,
Bisi menantu aku Beragai apai Chelengai Lampung,
Enti ngambi benih padi mawang,
Bisi menantu aku Bujang Geliga Tandang burung kempang sambil Bejampung,
Enti ngabang mejau ngambi benih padi mabau,
Bisi menantu aku **Papau** apai Tengkalau kangau pangkung gung...*

(Terjemahan: Kalau datang melawat, carilah benih biji padi, ada menantu saya iaitu dewa burung, kalau mengambil benih biji padi *mawang*, ada menantu saya iaitu *Bujang Geliga*, kalau datang melawat, carilah benih padi *mabau*, ada menantu saya burung *Papau* datang dengan panggilan gong)

(Robert Menua Saleh, 2017)

Seterusnya ialah burung *Papau* atau nama saintifiknya *Diards Trogon*. Burung ini selalu berbunyi di dalam hutan yang tidak berpenghuni. Namun kadangkala burung ini akan menjerit seperti kegembiraan. Jika burung ini mengeluarkan bunyi, masyarakat Iban mengategorikan ia sebagai seekor burung yang berbisa. Perkara tersebut bermaksud dimana akan ada orang meninggal atau sesuatu perkara akan berlaku dalam kalangan penduduk rumah panjang atau orang-orang yang terdekat dengan mereka. Namun demikian juga, burung ini turut mendatangkan maksud yang positif. Hal tersebut demikian kerana dewa ataupun *Petara* akan mengelakkan mereka daripada berhadapan dengan perkara yang tidak diingini misalnya adalah seperti berjumpa dengan musuh ataupun bertemu dengan musuh jika mereka berjalan dalam hutan. Bukan itu sahaja, masyarakat Iban juga mendapati jika mendengar bunyi burung tersebut ketika dalam perjalanan balik dari kebun, hal ini akan menunjukkan perkara yang baik dan individu yang mendengar bunyi tersebut akan dilindungi dan mendapat pertolongan daripada *Petara* walaupun mendapat kesukaran. Mengikut mitos atau penceritaan orang-orang tua, burung berkenaan mampu memberi mata musuh buta dimana sewaktu musuh yang datang menyerang mereka ketika dalam perjalanan mereka balik dari sesebuah tempat.

Jelas disini bermakna burung ini mengikut kepercayaan masyarakat Iban merupakan burung yang berperanan menjaga keselamatan dan kesejahteraan masyarakat Iban, bukan hanya suatu ketika dahulu malah hingga kini.

Kisah burung-burung sangat sinonim dengan kehidupan masyarakat Iban suatu ketika dahulu sehingga kini. Hal ini dikatakan demikian kerana, segelintir burung mempunyai maksud dan kegunaannya tertentu dalam kehidupan masyarakat Iban. Tambahan pula, bagi masyarakat Iban, binatang yang tinggal dalam hutan dipercayai memberi pertanda kepada manusia. Walau bagaimanapun, petanda-petanda yang paling penting dan selalu diberi perhatian oleh masyarakat Iban adalah petanda daripada tujuh jenis burung. Misalnya adalah seperti burung *Ketupung*, *Bejampong*, *Beragai*, *Kelabu Papau*, *Nendak*, *Burung Malam* dan *Pangkas*.

4.3.3 Mitos mengenai *Nabau*

Lagi, tidak dapat dinafikan bahawa kewujudan sesuatu tempat sudah pasti mempunyai kisah serta cerita asal usulnya tersendiri yang mempunyai hubungkait dengan haiwan dan legenda (Yussof Iskandar, 1986). Bagi masyarakat Iban, hampir separuh daripada kehidupan yang ada di muka bumi ini ada berkait rapat dengan kehidupan mereka. Antaranya ialah seperti *Nabau*. *Nabau* merupakan seekor jelmaan ular, namun mempunyai saiz yang sangat besar daripada ular-ular yang ada di muka bumi ini. Dipercayai bahawa tiada siapa pun yang tahu dari mana ia datang dan kehadirannya kekal misteri sampai ke hari ini. Sumber yang membincangkan haiwan mitos yang berkenaan dengan *Nabau* adalah seperti yang berikut:

Petikan 16

*...Bisi ninjau benih padi mabau de aya **Nabau** ngerarau langit?,
Bisi nembung benih padi perempung de aya Tedung ngelingkung bukit?,
Enti tematu pugu apung, akan Sebumbun Bumbu, ngembuan aku ditu,
Tajam begerenyam baka gam gigi babi...*

(Terjemahan: Wahai dewa ular, adakah kamu ternampak benih padi?, wahai ular tedung yang sedang berlingkar, adakah kamu menggumpul benih padi?, Kalau memerlukan penyembahan, saya disini akan turuti, ritual yang dibuat akan lengkap dan kuat seperti kuatnya gam gigi babi)

(Robert Menua Saleh, 2017)

Melalui penceritaan orang tua-tua dulu iaitu bagi kalangan masyarakat Iban, mereka percaya bahawa *Nabau* ialah nama ular gergasi yang hadir secara misteri. Mereka juga percaya bahawa jika sosok haiwan ini muncul, bermakna banjir besar berkemungkinan akan berlaku pada ketika itu. Masyarakat Iban percaya bahawa *Nabau* ini bukan makhluk yang biasa, namun ia memiliki kekuatan ghaib. Hal ini dibuktikan dimana, sesiapa sahaja yang bertemu dengan sosok *Nabau* ini dipercayai akan mati, namun jika tidak mati akan memperoleh kekayaan, kalau tidak gila akan menjadi orang ternama atau gagah perkasa. Makhluk ini juga pandai menjelma menjadi seorang

manusia dan dipercayai telah memikat isteri seorang pahlawan. Perbuatan tersebut telah menyebabkan pahlawan berkenaan sakit hati lalu kemudian menangkap *Nabau* dan mengeratnya menjadi tujuh bahagian dan dibuang ke sebuah jeram. Jeram yang dijadikan tempat membuang tujuh bahagian yang dikerat tersebut sangat digeruni oleh masyarakat setempat sehingga ke hari ini. Hal ini demikian kerana, menurut mitos, Nabau pernah bersumpah akan menuntut nyawa manusia yang melalui jeram tersebut sebagai pembalasan dendam terhadap perbuatan yang telah dilakukan oleh pahlawan berkenaan. Malah, perkara sedemikian juga betul-betul pernah terjadi, dimana terdapat beberapa juga orang yang tidak bernasib baik pernah terkorban apabila melalui jeram tersebut.

Mitos melalui haiwan mengikut kepercayaan masyarakat Iban turut bertunjangan kepada teori strukturalisme dan berada dalam unsur sejarah. Sehubungan dengan kehidupan sosial, setiap masyarakat mempunyai kepercayaan masing-masing dan setiap kepercayaan itu mengandungi sejarahnya tersendiri (Hollysa Andini, 2021). Hal ini kerana, setiap sejarah-sejarah yang diceritakan pada kepercayaan masing-masing sememangnya benar-benar berlaku dalam kehidupan masyarakat Iban suatu ketika dahulu bahkan pada masa kini juga. Misalnya disini, bagi masyarakat Iban, setiap burung-burung mempunyai peranan yang berbeza dan cerita yang tidak sama jika dibanding dengan segelintir burung kini, begitu juga dengan haiwan-haiwan yang lainnya. Oleh itu, secara jelasnya disini dapat kita lihat bahawa setiap kepercayaan yang dipegang oleh sesebuah masyarakat mempunyai sejarah dan ceritanya sendiri.

4.3.4 Mitos mengenai Babi

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, babi didefinisikan sebagai seekor binatang mamalia yang mempunyai badan yang gemuk, berkaki pendek serta mempunyai kulit yang sangat tebal. Seterusnya, babi dan manusia mempunyai gen yang hampir sama, yang seperti rangka tindakan untuk cara badan kita berfungsi. Oleh hal yang demikian, golongan saintis kadangkala menggunakan babi untuk menguji ubat dan rawatan baharu sebelum mereka mencubanya pada orang. Tambahan lagi, hati babi bahkan telah digunakan untuk membantu orang sakit yang memerlukan hati baru, sementara mereka menemukan hati daripada penderma yang baru. Bagi golongan masyarakat Iban, haiwan tersebut turut memainkan peranan yang penting dalam kehidupan mereka. Sumber yang membincangkan berkenaan mitos berkenaan babi adalah seperti yang berikut:

Petikan 17

*...Tu meh aku ke ngempu de karung pemedung,
Ga bulan nyempiak tubuh biak lama nanak ke de tuak ai beram tepung,
Bulan ke udah tebelaling tubuh ramping lama ngiling ke de chiping,
Ragi segempung.
Bulan ke padam tubuh rempam lama udah mencharan de seran,
Babi kampung.
Bulan ke nyau tubuh pipau lama ngalau ke de selinggau ijau manuk sabung.
Bulan ke dulu tubuh gemu lama udah naju de enggau telu manuk tukang...*

(Terjemahan: Inilah saya yang memiliki kain itu, bulan sabit muncul sebab membuatkanmu air tapai, hilang tubuh bulan separuh kerana proses membuat ragi lama, ragi dibuat segenggam tapak, kalaulah bulan padam, sudah lama berburu babi hutan untuk kamu, kalaulah bulan penuh, sudah lama simpankan kamu ayam sabung jantan, kalaulah bulan penuh, sudah lama memberi kamu telur ayam betina)

(Robert Menua Saleh, 2017)

Seterusnya, sumber yang turut membincangkan berkenaan dengan babi dapat dijumpai dalam petikan dibawah juga:

Petikan 18

*...Bisi ninjau benih padi mabau de aya Nabau ngerarau langit?,
Bisi nembung benih padi perempung de aya Tedung ngelingkung bukit?,
Enti tematu pugu apung, akan Sebumbun Bumbu, ngembuan aku ditu,
Tajam begerenyam baka gam gigi **babi**...*

(Terjemahan: Wahai dewa ular, adakah kamu ternampak benih padi?, wahai ular tedung yang sedang berlingkar, adakah kamu menggumpul benih padi?, Kalau memerlukan penyembahan, saya disini akan turuti, ritual yang dibuat akan lengkap dan kuat seperti kuatnya gam gigi babi)

(Robert Menua Saleh, 2017)

Menerusi sumber yang diperolehi dalam buku *Timang Benih* yang telah disusun oleh Robert Menua Saleh, dapat dilihat dimana teks tersebut turut memaparkan penggunaan babi dalam penghasilan puisi tersebut. Bagi masyarakat Islam, babi merupakan haiwan yang diharamkan untuk disentuh dan dimakan. Hal ini demikian kerana, bagi mereka babi merupakan haiwan yang kotor dalam al-Quran. Namun demikian, berbeza pula dengan golongan masyarakat Iban. Hal ini demikian kerana, dalam kehidupan mereka, babi memainkan peranan yang amat penting bukan hanya untuk dimakan malah untuk kegunaan adat istiadat, kepercayaan dan sebagainya.

Bagi adat istiadat perkahwinan masyarakat Iban, babi digunakan untuk upacara menguruskan perkahwinan yang terlarang. Perkara ini dilakukan dimana pengantin yang dikahwinkan akan dimandikan dengan darah babi yang telah dikorbankan. Hal ini demikian kerana darah babi yang digunakan adalah bertujuan untuk membuang badi yang wujud hasil daripada perkahwinan yang terlarang tersebut. Bagi masyarakat Iban, mereka percaya bahawa perkahwinan terlarang yang berlaku akan menimbulkan kesan yang negatif dalam kehidupan mereka. Misalnya dimana, sekiranya pasangan pengantin tersebut mendapat ramai anak, namun mereka sukar untuk mendapatkan harta dalam

kehidupan mereka. Begitulah dengan sebaliknya, sekiranya mereka mendapat harta yang banyak, mereka akan sukar untuk mendapatkan cahaya mata. Oleh hal yang demikian, bagi mengelakkan perkara sedemikian daripada berlaku, penduduk kampung akan melakukan ritual bagi membuang badi yang diyakinkan akan muncul selepas perkahwinan tersebut.

Seterusnya, unsur mitos mengenai haiwan babi ini turut dipercayai oleh masyarakat Iban dalam upacara menguruskan anak hasil daripada hubungan yang terlarang. Bagi setiap seorang, kehadiran cahaya mata merupakan satu anugerah yang tiada nilainya kerana ia merupakan pemberian Tuhan dan setiap orang dipertanggungjawabkan untuk menjaga anak tersebut. Namun demikian berbeza pula dengan golongan masyarakat Iban, sekiranya seseorang perempuan yang mengandungkan anak luar nikah dimana dikenali sebelum berkahwin, perkara tersebut merupakan satu dosa yang perlu dihadapi oleh semua masyarakat dalam kampung tersebut. Bagi menyelesaikan masalah berkenaan, mereka akan mencari lelaki yang membuat seseorang itu mengandung untuk menebus tanggungjawab yang sepatutnya dijalankan oleh lelaki tersebut. Malah, jika lelaki berkenaan enggan bertanggungjawab, penduduk kampung akan bersepakat untuk mengorbankan seekor babi bagi menggantikan bapa kepada bayi yang akan lahir berkenaan. Tujuan pengorbanan babi tersebut adalah untuk menjaga keamanan kampung serta untuk membuang dosa perempuan yang mengandung anak luar nikah berkenaan. Hal ini demikian kerana, setiap anak yang dilahirkan seharusnya lengkap mempunyai ibu bapa. Jadi, jika anak yang lahir tiada bapa dianggap akan membawa sial kepada penduduk kampung serta akan mendatangkan malapetaka contohnya boleh menyebabkan salah seorang daripada penduduk kampung tersebut meninggal kerana sial yang wujud berkenaan.

Masyarakat Iban juga percaya bahawa penggunaan babi memainkan peranan yang penting dalam aktiviti pertanian mereka. Dalam aktiviti pertanian ini, babi akan

dijadikan korban oleh petani masyarakat Iban bagi tujuan pembukaan kawasan pertanian yang baru. Menurut mitos yang diceritakan oleh orang-orang kampung, mereka menyatakan dimana dengan mengorbankan babi tersebut mereka dapat mengelakkan diri daripada berhadapan dengan malapetaka yang wujud daripada penunggu yang memang menduduki kawasan tersebut. Sekiranya mereka tidak melakukan upacara berkenaan, segala tanaman mereka akan rosak serta akan mendatangkan kerugian yang besar kepada golongan petani. Oleh hal yang demikian, tujuan pengorbanan babi tersebut adalah bertujuan untuk memohon kebenaran terlebih dahulu kepada penunggu sebelum mereka melakukan sebarang aktiviti pertanian di kawasan yang mereka pilih.

Mitos mengenai babi ini juga diceritakan oleh masyarakat Iban sangat penting dalam menguruskan kematian. Perkara tersebut dimana dalam masyarakat Iban, ketika ada kematian berlaku mereka akan membuat keranda di luar rumah. Hal ini demikian kerana ia dapat memudahkan proses pembuatan keranda tersebut. Setelah keranda tersebut siap dibuat, mereka akan membawa keranda tersebut naik kerumah. Maka daripada itu lah babi akan digunakan iaitu semasa proses menaikkan keranda. Jika tidak menggunakan babi, dipercayai bahawa rumah mereka akan kepanasan. Perkara tersebut akan mendatangkan malapetaka dalam kehidupan mereka. Dahulu kala juga, dipercayai dimana seseorang yang telah mati hanya dibungkus dengan tikar dan seterusnya akan dibuang begitu sahaja ke sungai. Perkara tersebut telah menimbulkan banyak penyakit berjangkit dalam kalangan masyarakat. Jadi babi pada waktu dahulu dilepaskan dan dibiarkan berkeliaran agar memudahkan kerja mereka apabila berlakunya kematian dalam sesebuah kampung.

Jelas disini menunjukkan mitos mengenai babi sememangnya wujud dalam kalangan masyarakat Iban. Haiwan tersebut memainkan peranan yang amat penting dalam kepercayaan mereka misalnya digunakan dalam upacara kematian, perkahwinan,

anak luar nikah serta pertanian. Sekiranya masyarakat Iban tidak menggunakan haiwan tersebut dalam kepercayaan mereka, dipercayai dimana mereka akan berhadapan dengan malapetaka yang besar. Kini, penggunaan haiwan tersebut dalam kehidupan mereka masih diamalkan kerana setiap upacara yang dilakukan dengan tidak menggunakan haiwan tersebut tidak akan dianggap lengkap dan dikira melanggar pantang larang yang sememangnya wujud dalam kepercayaan mereka.

4.4 Kepercayaan terhadap *Menoa*

Menoa didefinisikan sebagai daerah atau kawasan. Namun demikian, bagi masyarakat Iban, *menoa* roh tidak dapat dikesan dari segi geografi dan dikatakan *menoa* roh ini bertempat di langit (Jensen 1974). *Menoa* roh ini didiami oleh roh-roh dan *antu*, akan tetapi banyak juga *antu* yang tinggal di hutan atau di bumi. *Antu* dan roh ini ada dimana-mana sahaja, oleh itu setiap manusia perlu meminta izin terlebih dahulu jika ingin menggunakan kawasan mereka untuk tujuan pertanian dan sebagainya. Kecelakaan atau ditimpa penyakit dan sebagainya menunjukkan tiada keizinan daripada roh dan *antu*. Menurut Jamilah dan Singki (1989), manusia perlu mempersembahkan sesuatu kepada semangat tersebut atau meninggalkan tempat tersebut jika mendapat pertanda bahawa kehadiran mereka tidak disenangi oleh semangat-semangat di kawasan itu.

Symbolisme alam atau *menoa* turut terpancar dalam teks *Timang Benih* yang disusun oleh Robert Menua Salleh, menerusi petikan di bawah:

Petikan 19

...*Sekali suba udah ditandang ke apai de Lang ngabang ke **Batang Ai**,
Urung chemanung lubuk baya, dia de digelar ke aku ikan kali temaga,
Betelisa nganta ke mata gandar berayang...*

(Terjemahan: Dahulu kala ayah kepada Lang pernah datang bertandang ke *Batang Ai*, berdekatan dengan lubuk buaya, disitulah dia digelar ikan berharga, bercorak cantik tiada tandingannya)

(Robert Menua Saleh, 2017)

Petikan 20

...*Menua tumbang dedanggang, linsi tundan tinggi.
Orang ke ngabang nyaduh ditubuh bebulah isi,
Sapa ke ketuk tunjuk achuk ke di panchur jambu,
Ngambi tunjuk geduk, baka sumbuk maya pulang.
Sapa ke ka bau rengut, pandi ke di **ai panchur garu**,
Awak ke tubuh bau sium pengabang...*

(Terjemahan: Orang yang datang melawat bermacam ragam, barangsiapa mempunyai telunjuk jari yang kurus, siramlah dengan air jambu supaya telunjuknya berisi, barangsiapa yang mahu wangi, mandilah di air terjun *garu*, supaya menarik perhatian para tetamu)

(Robert Menua Saleh, 2017)

Petikan 21

*...Ke dulu manggai di sungai panjai ulu,
Ngachuk ke nanga Terusan Sandang,
Ngapit nangkan terengah di tanjung nyurung banyak besiku,
Baka keti jaung rirang.
Nya menua Sesuli **Ai Sesangah Wung** pandi sebulan mali langkang...*

(Terjemahan: Itulah sungai terpanjang, tembus ke *Terusan Sandang*, sebelah-sebelah banyak cabang, umpama untaian pakaian tradisional, itulah tempat air terjun tempat mandi yang pantang cetek)

(Robert Menua Saleh, 2017)

Masyarakat Iban merupakan kelompok masyarakat yang tidak asing lagi dengan kepercayaan mereka tersendiri. Menerusi petikan teks yang telah dipetik, dalam kehidupan masyarakat Iban, terdapat segelintir tempat sememanya mempunyai maksud dan kegunaannya tersendiri. Tempat-tempat tersebut hanya diketahui namanya sahaja, namun kedudukannya amat jauh dari kehidupan mereka. Hal ini kerana, kewujudan tempat-tempat tersebut terletak dalam dunia *panggau libau*. Mengikut mitos dan cerita rakyat Iban, dunia ini adalah dunia yang didiami oleh wira-wira dan gadis-gadis yang cantik (Buma 1987).

Lagi, mengikut kepercayaan masyarakat Iban, rumah panjang di *Panggau Libau* sangat panjang yang menyebabkan burung yang terbang masuk ke dalam rumah tersebut mengambil masa selama dua hari untuk keluar. Menurut Chemaline (2016), rumah panjang ini mempunyai tiga ratus tujuh puluh pintu. Bukan itu sahaja, dalam dunia ataupun *menoa panggau libau* tersebut mempunyai sungainya tersendiri dan sungai-sungai berkenaan mempunyai kuasa ajaibnya tersendiri. Misalnya seperti sungai-sungai

atau air terjun yang dinyatakan dalam petikan teks tersebut mampu untuk menyembuhkan penyakit dimana orang yang sakit hanya mandi di sungai itu sahaja dan setelah itu, penyakit itu akan sembuh. Manakala orang perempuan yang mandi di sungai tersebut akan memiliki rupa paras yang cantik dan rupawan. Meskipun tempat itu tidak diketahui dimana letaknya, masyarakat Iban akan menemuinya melalui mimpi sahaja dimana para dewa meninggalkan pesanan agar mereka pergi ke sebuah sungai yang dinyatakan sahaja untuk menyembuhkan penyakit dan sebaliknya.

Jelaslah disini menunjukkan bahawa, dunia atau *menoa Petara* sememangnya tidak dapat diketahui dimana letaknya. Masyarakat Iban percaya dengan kehadiran tempat-tempat sedemikian sememangnya dikira sebagai satu anugerah dalam kehidupan mereka. Namun begitu, jika seseorang bermimpi akan dewa, sesebuah tempat itu akan memiliki kuasa ajaib dan boleh menyembuhkan segala sakit pada waktu itu sahaja.

Rentetan daripada itu, kepercayaan terhadap *menoa* juga bertunjangan kepada strukturalisme menerusi unsur latar tempat. Hal ini dikatakan demikian kerana, pengaplikasian menerusi unsur latar ini dikatakan sesuai kerana *menoa* merupakan satu kata dari bahasa Iban yang bersamaan dengan maksud tempat (Jensen 1974). Sehubungan dengan itu, latar merupakan satu landasan kepada tempat, masa dan masyarakat dimana ia berkaitan dengan terjadinya suatu peristiwa itu berlaku (Abrams 2018). Contohnya, kajian mengenai unsur mistik terhadap teks *Timang Benih* ini membuktikan bahawa terdapat latar tempat atau *menoa* yang turut dipaparkan di dalam teks puisi yang dipetik. Latar tempat yang digunakan dalam puisi tersebut dipercayai oleh masyarakat Iban bahawa ia sememangnya wujud tapi kedudukannya tidak dapat diketahui dimana jika dilihat dari sudut geografi. Justeru itu, tempat-tempat yang dinyatakan mempunyai fungsinya tersendiri mengikut kepercayaan golongan masyarakat Iban. Perkara ini jelas dibuktikan dimana melalui penerangan yang

dinyatakan, sesebuah tempat yang dipilih dapat menyembuhkan sakit dan sebagainya kepada masyarakat Iban. Sesungguhnya disini, masyarakat Iban sememangnya sangat popular dengan kepercayaan mistik misalnya dari sudut kewujudan tempat meskipun mengalami perubahan zaman dari masa ke semasa.



4.5 Penutup

Secara keseluruhannya, berlandaskan kepada perbincangan yang berkenaan dengan unsur mistik yang terdapat dalam teks puisi *Timang Benih* yang telah disusun oleh Robert Menua Saleh, jelas menunjukkan dimana mistik-mistik tersebut masih diamalkan oleh masyarakat Iban sehingga kini. Aspek-aspek mistik yang telah dipaparkan merupakan satu kepercayaan yang dimiliki oleh suku kaum Iban dan telah diturunkan dari nenek moyang lagi dimana aspek mistik tersebut dipercayai merupakan asal usul bagi sesebuah permulaan untuk kehidupan sesuatu bangsa. Malah, aspek-aspek mistik tersebut telah mendapat perhatian oleh segelintir sarjana tanpa mengira sarjana dari dalam mahupun dari luar negara. Perkara tersebut telah membuktikan dimana masyarakat Iban sememangnya memiliki nilai-nilai yang tinggi dalam kehidupan mereka. Maka, dengan adanya unsur ataupun aspek mistik yang diselitkan dalam teks puisi berkenaan mampu dijadikan sebagai medium dalam memberi pendidikan kepada golongan masyarakat supaya terus memandang tinggi dengan warisan serta kepercayaan yang dimiliki oleh mereka.

BAB 5

KESIMPULAN

5.1 Pengenalan

Bab kelima adalah merujuk kepada bahagian paling akhir bagi kajian yang dijalankan ini. Pengkaji akan memberikan ringkasan yang ringkas mengenai bab yang telah dibincangkan sebelum ini. Di samping itu, pengkaji juga akan membincangkan semula bab empat iaitu yang berkaitan dengan analisis, dan hasil kajian yang telah diperolehi. Selanjutnya, kandungan rumusan ini merangkumi pemahaman tentang puisi tradisional, pengaplikasian teori, dan unsur mistik yang terdapat dalam puisi tradisional Iban yang telah dipilih. Selain itu, pengkaji akan membincangkan cadangan kajian yang bertujuan untuk membantu orang ramai agar menjadi lebih responsif dan membuka minda serta pandangan masyarakat terhadap puisi tradisional. Akhir sekali, penyelidik turut menghasilkan penutup bagi mengakhiri kajian ini.

5.2 Rumusan

Berlandaskan keputusan kajian yang telah diperolehi, penyelidik boleh membuat kesimpulan dimana pengkaji telah melakukan penyelidikan namun kajian yang dilakukan adalah tidak secara meluas. Perkara ini bermakna, kajian ini hanya mengkaji puisi tradisional bagi suku kaum masyarakat Iban sahaja. Pengkaji memilih untuk melakukan kajian terhadap puisi tradisional masyarakat Iban kerana puisi tradisional bagi suku kaum Iban jarang dikaji oleh mana-mana pihak. Puisi tradisional Iban dipercayai sebuah puisi yang memainkan peranan penting dalam hidup kemasyarakatan. Hal ini demikian kerana puisi tradisional Iban mempunyai banyak peranan dimana ia berfungsi sebagai suara menstabil emosi dan sosial, berperanan sebagai suara adat dan juga digunakan dalam melakukan upacara dan ritual masyarakat Iban yang mana berkaitan dengan kepercayaan mereka. Maka, jelaslah disini bahawa puisi tradisional ini mempunyai banyak fungsi dan kegunaan dalam kehidupan masyarakat Iban.

Selain itu, dalam sesebuah puisi jelas menunjukkan banyak kepelbagaian. Unsur-unsur yang jelas boleh dilihat melalui kandungan yang terdapat dalam puisi. Misalnya, dalam sesebuah karya ataupun puisi mengandungi elemen budaya, nilai, agama, kepercayaan dan sebagainya dan sebahagian daripadanya sudah dikaji oleh pengkaji-pengkaji lain. Oleh itu, memandangkan pelbagai aspek yang ditunjukkan dalam puisi tradisional tersebut telah mendorong pengkaji untuk memilih menjalankan kajian penyelidikan dengan merungkai aspek unsur mistik yang terdapat dalam puisi berkenaan. Pengkaji memilih untuk mengkaji unsur mistik dalam kajian bukan ingin menunjukkan perbezaan dengan kajian terdahulu. Tetapi, pengkaji juga ingin mengambil peluang dalam berkongsi idea atau pendapat melalui penulisan untuk analisis kajian. Tambahan pula, pengkaji ingin mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam tentang kepercayaan dan budaya hidup suku kaum Iban. Selain itu, dalam tinjauan pengkaji juga, puisi tradisional Iban yang menyentuh berkenaan unsur mistik kurang dilihat oleh mana-

mana pengkaji-pengkaji. Perkara sedemikian telah menjadi faktor dan mendorong pengkaji untuk melakukan kajian ini.

Setelah meneliti puisi yang telah dipilih, pengkaji telah berjaya mengenalpasti beberapa unsur mistik yang terkandung dalam teks puisi tersebut. Jelaslah, melalui analisis yang telah dilakukan pada bahagian bab yang keempat, penyelidik menyimpulkan bahawa unsur-unsur mistik yang telah diperoleh merupakan sebahagian daripada kepercayaan masyarakat Iban. Malah kepercayaan tersebut telah diamalkan semenjak dulu lagi dan ia juga masih digunakan sehingga kini. Pengkaji juga telah mengenalpasti faktor masyarakat Iban mempercayai unsur-unsur mistik dalam kehidupan mereka. Hal ini demikian kerana, melalui penelitian yang telah dilakukan, unsur-unsur mistik tersebut banyak berkaitan dengan kehidupan seharian mereka, baik dari segi sudut negatif dan positif. Unsur mistik yang dipaparkan dalam teks puisi yang telah dipilih bukan sahaja bertujuan untuk mengindahkan puisi tersebut, akan tetapi ia juga bertujuan untuk menambahkan pengetahuan orang lain tentang budaya yang masih dimiliki serta diamalkan oleh sesebuah masyarakat. Dengan adanya penerapan unsur mistik dalam teks puisi tersebut, ia turut membolehkan semua masyarakat untuk menilai sendiri tentang sejauh mana budaya tersebut masih diamalkan dalam sesebuah kaum. Jelas juga bahawa dengan keunikan budaya masyarakat yang berbilang serta kepercayaan yang dimiliki sesebuah masyarakat dari pelbagai tempat, sekaligus ia akan menyebabkan hubungan sesama masyarakat bertambah erat melalui sikap hormat-menghormati yang ditunjukkan ke dalam sesebuah masyarakat.

Seterusnya, pengkaji telah mengaplikasikan sebuah teori dalam membuat penyelidikan ini iaitu teori strukturalisme oleh Mukarovsky dan Felik Vodicka (1977). Hal ini kerana tugas yang dilakukan oleh pengkaji adalah mengupas unsur-unsur mistik yang digunakan untuk membangunkan teks puisi. Unsur-unsur mistik tersebut

bertepatan dikaji menggunakan teori ini kerana teori ini dapat digunakan untuk membahas unsur-unsur intrinsik dalam sesebuah karya. Unsur-unsur intrinsik yang dapat dikupas dalam puisi adalah seperti tema, amanat, watak perwatakan, unsur sejarah dan latar yang terdiri daripada latar tempat dan sebagainya. Maka, jelaslah bahawa menggunakan Teori Strukturalisme sememangnya membantu pengkaji dalam mengukuhkan kajian yang dilakukan oleh pengkaji berkenaan dengan penggunaan unsur-unsur mistik dalam teks puisi.

Tegasnya, penyelidikan yang berkaitan dengan mistik ini adalah sememangnya amat perlu untuk diketengahkan. Hal sedemikian bertujuan supaya ia dapat dijadikan sebagai landasan serta santapan minda bagi semua lapisan masyarakat tanpa mengira umur dan kaum. Tambahan lagi, setiap orang semestinya ditambahkan dengan suatu ilmu yang baharu yang diharapkan boleh meluaskan lagi pemikiran setiap orang terhadap sesuatu perkara. Jika setiap orang mampu berfikir dengan lebih jauh, secara tidak langsung, mereka dapat melihat tentang mengapa budaya mistik masih digunakan oleh segelintir masyarakat sehingga kini dari sisi yang baik tanpa melihat kepada sisi buruk tentang sesuatu perkara itu. Jelaslah bahawa, penyelidikan mengenai mistik ini jelasnya dapat memberikan input yang sangat berguna kepada setiap masyarakat.

5.3 Cadangan

Pada aspek pendapat pula, penyelidik turut memberikan beberapa buah fikiran yang berkaitan dengan segelintir tindakan dimana sememangnya perlu dibuat oleh pihak-pihak yang sewajarnya. Perkara tersebut sedemikian kerana, pendapat atau buah fikiran merupakan perkara yang amat memainkan peranan kerana dari situ ia dapat sesebuah masalah serta perkara yang sepatutnya ditambahbaik akan diberi perhatian serta tidak dipandang begitu sahaja tanpa melakukan tindakan. Malahan, perkara yang begitu penting dimana tema mistik dapat diperkenalkan terhadap golongan masyarakat tanpa mengira bangsa, umur, kaum dan sebagainya malah lebih dikenali sebagai seluruh lapisan masyarakat.

Pendapat yang awal adalah merujuk kepada golongan penyelidik-penyelidik baru. Beralih kembali kepada hasil daripada dapatan kajian serta perbincangan yang dilakukan oleh penyelidik. Penyelidik telah mengupas beberapa aspek mistik yang terdapat dalam teks *Timang Benih* yang telah dipilih. Di dalam kajian yang pengkaji lakukan, pengkaji telah mengaplikasikan teori strukturalisme dimana pengkaji telah menitikberatkan hal-hal dalaman atau dikenali sebagai intrinsik yang digunakan untuk membentuk rangka serta struktur bagi sesebuah teks antaranya dari sudut watak-perwatakan, sejarah, latar dan amanat. Pengkaji turut menyarankan agar kajian yang berkaitan dengan unsur mistik dapat dilakukan oleh penyelidik-penyelidik yang lain supaya penyelidikan berkenaan dengan unsur mistik dapat terbuka dengan lebih meluas lagi.

Selain itu, golongan pengkaji baru yang menyimpan minat atau berkeinginan untuk menjalankan penyelidikan terhadap unsur mistik juga disarankan agar mengupas lebih banyak lagi unsur mistik yang terdapat dalam masyarakat dimana tidak tertumpu kepada satu kaum sahaja. Hal ini demikian, dengan peningkatan jumlah unsur mistik

yang masih menjadi pegangan pelbagai kaum, hasil analisis yang diperoleh turut akan menjadi bertambah. Meskipun begitu, dalam merungkai unsur mistik ini, para pengkaji juga tidak hanya memberi fokus kepada puisi-puisi tradisional. Malah, pengkaji-pengkaji juga boleh mengupas di dalam penulisan-penulisan sastera misalnya seperti novel, cerita rakyat serta seangkatan dengannya. Lagi, pengkaji turut memberi pendapat dimana pengkaji-pengkaji yang akan datang untuk mengaplikasikan teori strukturalisme, namun memberi fokus kepada aspek yang lain. Jelas disini, dengan beberapa pendapat-pendapat yang diutarakan sedemikian, pengkaji berharap agar adanya pembaharuan yang dilakukan terhadap kajian-kajian yang bakal dilakukan supaya hasilnya lebih memberangsangkan dari kajian sebelum. Diharapkan juga penyelidik-penyelidik yang bakal berkecimpung dalam kajian mampu mengeluarkan idea yang bernas, buah fikiran serta kefahaman yang lebih meluas lagi dalam penyelidikan yang bakal dilakukan. Secara tidak langsung, dengan apa yang dilakukan tersebut dapat memberi sumbangan kepada generasi yang mendatang pula.

Lagi, seiring dengan kemodenan zaman, pihak penerbit boleh memanfaatkan kemudahan teknologi seperti telefon dan sebagainya bagi tujuan untuk menjual atas talian mengenai buku-buku yang berkaitan dengan unsur mistik. Dengan cadangan yang diberikan ini, ia secara tidak langsung memudahkan pihak masyarakat untuk mengakses serta mendapatkan buku yang berkaitan dengan mistik dengan lebih mudah lagi. Apabila ada kemudahan yang senang digunakan oleh mereka bagi tujuan mencari buku berkenaan, secara tidak langsung banyak orang yang berminat untuk membelinya. Hal ini demikian kerana, pada pendapat pengkaji, disebabkan oleh negara kita memiliki ramai budaya serta kepercayaan yang berbeza, sudah tentu segelintir masyarakat juga ingin mengetahui sesebuah budaya masyarakat yang lain. Jadi, idea atau pandangan yang diutarakan ini serta merta mampu memberi kefahaman serta membuka minda masyarakat dimana mereka berhak untuk turut sama dalam mengeluarkan hujah bagi memberi pandangan terhadap sesebuah karya kelak.

Cadangan lain adalah kepada pihak penerbit karya. Pada pandangan pengkaji, pengkaji memberi cadangan agar pihak penerbit buku menghasilkan sebuah karya yang hanya memberi tumpuan hanya kepada perkara berkaitan dengan mistik mahupun yang berkaitan dengan kepercayaan sesebuah kaum. Namun begitu, buku yang diterbitkan hanya bermakna untuk menerangkan berkaitan mistik sahaja malah ia boleh juga untuk turut mengaitkan berkenaan tujuan penggunaan mistik tersebut dalam kehidupan. Misalnya adalah mistik mengenai kepercayaan terhadap haiwan. Oleh itu dalam buku tersebut hendaklah turut diceritakan juga mengapa haiwan mempunyai perkaitan dengan kehidupan sesebuah masyarakat. Hal ini demikian agar masyarakat yang membacanya mengetahui serta mempelajari ilmu yang baru. Bukan itu sahaja, melalui itu juga mereka dapat menggunakannya dalam kehidupan seharian mereka jika ia ada melibatkan pantang larang sesebuah kaum. Sekiranya buku yang dicadangkan tersebut berjaya dihasilkan, pengkaji juga memberi cadangan supaya pihak yang menerbitkan sesebuah buku mampu menjual dengan lebih meluas lagi mencadangkan agar pihak penerbitan buku dapat memperluaskan buku tersebut di dunia perniagaan iaitu seperti kedai-kedai buku yang terdapat di Malaysia. Misalnya Public Bookstores, Galeri Ilmu dan sebagainya.

Oleh itu, penyelidik sangat berharap dimana dengan beberapa pendapat yang dikemukakan ini mampu menarik perhatian dari mana-mana agensi yang berkaitan. Diharapkan juga dengan pendapat yang diutarakan ini mampu dalam mempromosikan sesebuah budaya dan kepercayaan serta sekaligus memperkenalkan kaum yang ada di Malaysia.

5.4 Penutup

Bagi pengakhiran untuk kajian yang dilakukan ini, penyelidik telah mengenalpasti dimana mana-mana kajian yang telah dilakukan oleh mana-mana sarjana telah memberikan satu sumbangan yang tiada bandingnya ke dalam kehidupan seseorang penyelidik. Perkara sedemikian juga telah berlaku ke dalam diri pengkaji meskipun kandungan kajian yang dilakukan adalah berbeza. Perkara sedemikian dikatakan kerana setiap pengkaji yang melakukan kajian secara tidak langsung telah mengkongsikan ilmu yang telah diperoleh dengan masyarakat setempat untuk perkongsian bersama. Maka, penyelidik memegang harapan dengan penyelidikan yang telah dibuat ini, penyelidik mampu melahirkan pendapat yang lebih meluas lagi dalam pendidikan iaitu dalam dunia sastera. Penyelidik turut berhasrat dengan penyelidikan yang dilakukan mampu memberi serba sedikit bantuan kepada bakal pengkaji yang lain berkenaan dengan kajian-kajian yang bakal dilakukan oleh mereka. Akhir sekali, pengkaji berharap agar kajian yang berkaitan dengan mistik mampu mencuri perhatian daripada golongan penyelidik yang akan mendatang supaya ia dapat diperkembangkan dengan lebih meluas lagi seperti kajian yang lain.

BIBLIOGRAFI

- Abang Sallehuddin Abg Shokeran & Hashim Ismail. (2017). *Tukang ensera: seni tradisi berdepan cabaran modenisasi: tukang ensera: an art tradition faces the challenges of modernization. Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 28(1), 1-20.
- Adelina Ginting. (2021). *Kajian strukturalisme pada Puisi Anak. Jurnal Ilmiah Aquinas*, 4(1), 127- 132.
- Adetiya Kurnia Sari. (2015). *Novel Surga Yang Tak Dirindukan (2) karya Asma Nadia Kajian Strukturalisme-Genetik Lucien Goldmann. Dialektika*, 72.
- Adinda Oktavia Riandiva Ayu Kusuma. (2018). *Tanggung jawab laki-laki dalam antologi cerkak "Blangkon" Karya Pamarsudi Sastra Jawi Bojonegoro (Sebuah Pendekatan Strukturalisme Genetik)*.
- Affiani, Sifa Rizky. (2020). *Perubahan unsur naratif pada ekranisasi Novel "Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990" ke dalam filem "Dilan 1990" dan novel "Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1991" ke dalam filem "Dilan 1991" (Doctoral dissertation, Institut Seni Indonesia Yogyakarta)*.
- Agus Priyanto. (2012). *Pandangan dunia pengarang dalam Novel Negeri Lima Menara Karya Ahmad Fuadi: sebuah pendekatan strukturalisme genetik*.
- Agus Yulianto. (2015). *Analisis intertekstual puisi "Tangisan Batu" dan "Air Mata Legenda" karya Abdurrahman El Husainy. Sirok Bastra*, 3(1), 75-81.
- Ahsani Taqwiem. (2017). *Kelisanan dalam novel Perempuan Hujan Karya Hamami Adaby (Orality In Perempuan Hujan Novel By Hamami Adaby). Jurnal Bahasa, Sastra, dan Pembelajarannya*, 6(2), 275-283.
- Ali Ahmad. (1987). *Karya-karya sastra bercorak sejarah. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka*.
- Aminuddin & Hazmirullah. (2017). *"Surat Balasan Sultan Sepuh VII Cirebon Untuk Raffles: Kajian Strukturalisme Genetik (Reply Letter From the 7th Sultan Sepuh of Cirebon to Raffles: Genetic Structuralism Approach)." Metasastra: Jurnal Penelitian Sastra* 9.2: 211-224.
- Aminuddin. (2009). *Pengantar apresiasi puisi karya sastra. Bandung: Sinar Baru Algensindo*.
- Andini & Hollysa. (2021). *Analisis strukturalisme dinamik pada cerpen "Robohnya Surau Kami" Karya A.A Navis. Nusra: Jurnal Penelitian dan Ilmu Pendidikan*, 2(2), 157-168.

- Anisa Rosi Oktaviana. (2021). Strukturalisme semiotika todorov dalam cerpen *Al-Yatim* Karya Musthofa Luthfi Al-Manfaluthi. Al-Fathin: *Jurnal Bahasa Dan Sastra Arab*, 4(2), 171-80.
- Annisa Lastari. (2017). Pandangan dunia pengarang dalam kumpulan *puisi Blues untuk Bonnie* karya Rendra (Kajian Strukturalisme Genetik). Aksis: *Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia*, 1(1), 63-79.
- Anthony & Amelia Sudan. (2019). *Adat gawai antu masyarakat iban di Bintulu, Sarawak*. Diss. Universiti Malaysia Kelantan.
- Asmah Omar. (2012, November 19). Kosmos dalam cerita rakyat iban (kertaspembentangan).
- Banseng & Saripah. (2016). Analisis metafora dalam sampi iban.
- Banseng, Saripah & Rosline Sandai. (2017). "unsur bahasa kiasan metafora dalam sampi Iban: *elements of the figurative language of metaphor in sampi Iban.*" *Pendeta* 8:116-121.
- Beatrice Anne Saga, Jeniffer Empiang Liman & Noria Tugang. (2019). Perlindungan harta intelek terhadap tradisi lisan masyarakat iban: lekatimang. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 1(2), 17-21.
- Bejamin Liam & Chemaline Osup. (2020). Unsur simbolisme dalam pengap gawai pangkung tiang: element of symbolism in pengap gawai pangkung tiang. *Pendeta*, 11(2), 55-69.
- Benedict Sandin. (1966). Tiga belas bengkah mimpi: borneo literature bureau.
- Jamilah Haji Ahmad & Jonathan Singki. (1989). *Cerita Rakyat Iban*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Benson, Yanti, Rosline Sandai, Rohayati Junaidi & Saripah Banseng. (2023). Senibahasa dalam leka pelian berdasarkan perspektif teori metafora konseptual: (language art in "leka pelian" based on the perspective of conceptual metaphor theory). *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 34(1), 91-106.
- Beruin, Laura & Chemaline Osup. (2021). Geliga sebagai satu puisi adat dalam komuniti iban [geliga as a customary poem in the iban community]. *Qalam International Journal of Islamic and Humanities Research*, 1(3), 15-28.
- Bruggeman & Gerard. (1985). *English-Iban Vocabulary*, Kuching: Persatuan Kesusasteraan Sarawak.
- Charisma & Fajar Puji. (2022). Pandangan dunia pengarang dalam Novel *Lampuki (2011)* Karya Arafat Nur: Kajian strukturalisme genetik.

- Chemaline Anak Osup. (2006). Leka main: puisi rakyat iban-satu analisis tentang bentuk dan fungsi [PL5333. 7. C517 2007 f rb] (Doctoral dissertation, Universiti Sains Malaysia).
- Chemaline Osup & Noriah Taslim. (2016). Ensera ayor: epik rakyat Iban. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Danandjaja, James. (1986). Folklor Indonesia, Ilmu Gosip, Dongeng dan Lain- Lain.
- Darmawati & Besse. (2010). Analisis strukturalisme dinamik dalam *Puisi "Let Me Not To The Marriage Of True Minds"* Karya William Shakespeare. *Sawerigading*, 16(1), 136-143.
- Dato, Jessica, Rosline Sandai, Saripah Banseng, Sabariah Sulaiman, Mohd Idris, Rashid Md & Taufik Dermawan. (2022). Struktur dan unsur metafora dalampuisi invokasi biau masyarakat Iban. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 30(3).
- Dian & Etika Sari. (2016). Lirik lagu dalam album "*Rimbo Larangan*" karya Rustam Raschani: analisis struktural (Doctoral dissertation, Universitas Andalas).
- Dilla Fadhillah. (2013). kajian nilai-nilai moral dalam *Novel La Barka Karya NH Dini dan Implikasi Pembelajaran Sastra* (Penelitian Strukturalisme Dinamik).
- Ditto & Aditya (2018). pandangan dunia wisran hadi dalam *Naskah Drama Jalan Lurus* tinjauan strukturalisme genetik (Doctoral dissertation, Universitas Andalas).
- Doratya Anak Gerry & Chemaline Anak Osup. (2020). kaedah mengalami-menghayati dalam pengajaran bahasa iban dengan menggunakan ensera: experience-immersed method using 'ensera' in iban language teaching. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*.
- Doratya Anak Gerry & Chemaline Anak Osup. (2020). menghayati ensera menggunakan teknik berlakon di dalam kelas. *Education*, 2(7), 166-179.
- Eli Helina. (2017). kajian strukturalisme dinamik dalam novel siti nurbaya karya marah rusli. bahtera indonesia; *Jurnal Penelitian Bahasa dan Sastra Indonesia*, 2(2), 27-40.
- Ema Sopyanti. (2021). *Novel Al-Ajnihah Al-Mutakassirah* karya Khalil Gibran: kajian strukturalisme (Doctoral dissertation, UIN Sunan Gunung Djati Bandung).
- Ema Zuliyani Sembada & Maharani Intan Andalas. (2019). Realitas sosial dalam Novel *Laut Bercerita* Karya Leila S. Chudori: Analisis strukturalisme genetik. *Jurnal Sastra Indonesia*, 8(2), 129-137.

- Eri Rahmawati, S. S. (2014). *New Puritanisme Di Era 1980-an: kajian strukturalisme genetik terhadap Novel S. karya John Updike* (Doctoral dissertation, Universitas Gadjah Mada).
- Galang Garda Sanubari, Titik Maslikatin & Heru SP Saputra. (2021). Kajian ekspresif terhadap Novel *Kemarau* Karya AA Navis. *Semiotika: Jurnal Ilmu Sastra dan Linguistik*, 22(1), 24- 31.
- Habibah, Siti Umami, Al Anshory & Abdul Muntaqim. (2019). Nilai perdamaian dalam syair "Salamun 'Alaikum wa 'Alainas Salam" karya Anis Syauman berdasarkan perspektif strukturalisme dinamik Jan Mocarovsky.
- Hovland, C., Janis, I & Kelly, H. (1953). *Communication And Persuasion: Psychological Studies Of Opinion Change*. Connecticut: Greenword Press.
- Ilimi Solihat. (2016). Nilai-nilai pendidikan dalam *Novelet Lukisan* Karya Gola Gong (kajian strukturalisme dinamik). *Jurnal Membaca Bahasa dan Sastra Indonesia*, 1(1), 77-86. Jakarta:Grafiti.Press.
- Jamilah Haji Ahmad & Jonathan Singki. (1989). *Cerita rakyat Iban*. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Jeniffer Empiang Liman, Beatrice Anne Saga, Noria Tugang & Fujica Anggo. (2019). Tradisi lisan timang gawai kelilingkang nanga dalam masyarakat Iban di Sarawak: satu penelitian awal. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 1(3), 30-35.
- Jennifer Empiang. (2021). Strategi pelestarian tradisi lisan leka timang gawai burung.
- Josef Parnas & Mads Gram Henriksen. (2016). *Mysticism and schizophrenia: A phenomenological exploration of the structure of consciousness in the schizophrenia spectrum disorders*. *Consciousness and Cognition*, 43, 75-88.
- Jumadil Jumadil & Nazri Atoh. (2021). Strukturalisme genetik dalam Puisi *Mahmud Darwish*. Logat: *Jurnal Bahasa Indonesia dan Pembelajaran*, 8(2), 97-111.
- Laura Seman. (2020). Imej arketaip dalam puisi Sabak: Archetypal Images in Sabak Poetry. *Pendeta*, 11(1), 88-97.
- Lili Suherman Yati. (2008). *Novel Ayat-ayat Cinta* karya Habiburrahman El Shirazy: Analisis strukturalisme genetik (Doctoral dissertation, Universitas Gadjah Mada).
- Linda Anak Dagang. (2007). Persepsi golongan muda terhadap perayaan gawaiburung kenyalang di Daerah Lubok Antu.
- Lorens Bagus. (2000). *Kamus Filsafat*, Jakarta: Gramedia.

- Lutpiyah Hakim. (2013). Pandangan dunia Ali Ahmad Bakatsir dalam Novel *Sallamah Al-Qas* analisis Strukturalisme Genetik Lucien Goldmann (Doctoral dissertation, Universitas Gadjah Mada).
- M. Alan Mabruuri, Riesta Maulidia & Fitria Sugiatmi. (2018). Pengaruh aspek sosio-kultural masyarakat loloan terhadap struktur dan makna syair *Burdah Melayu* di Bali. *Jurnal Poetika*, 6(1), 55-65.
- Mangai Tugau, Mohamad Maulana Magiman, Franklin Ragai Kundat & Norhuda Salleh. (2019). Ritual sabak dalam budaya masyarakat Iban di daerah Sebauh, Sarawak the ritual of sabak in the culture of Iban community.
- Mangai Tugau, Mohamad Maulana Magiman, Franklin Ragai Kundat & Norhuda Salleh. (2022). Ritual pelian budaya masyarakat Iban di daerah Sebauh, Bintulu Sarawak. *ANP Journal of Social Science and Humanities*, 3, 52-61.
- Medri Osno. (2016). Rubayat Hamzah Fansuri: Kajian strukturalisme-semiotika. Jentera: *Jurnal Kajian Sastra*, 5(2), 74-94.
- Mike Tyson Paing. (2022). Kosmologi flora dalam pantun Iban: satu kajian etnobotani di Sarawak menggunakan teori ekologi (Doctoral dissertation, Universiti Malaysia Kelantan).
- Mohtar Dwi Purnomo. (2016). Pandangan dunia dalam Novel *Al-Karnak* Karya Najib Mahfudz analisis strukturalisme genetik Goldmann (Doctoral dissertation, Universitas Gadjah Mada).
- Muhamad Fadzllah Zaini. (2015). Analisis pemetaan metafora unsur flora dan fauna dalam pantun Melayu: satu tinjauan awal. Akademi Pengajian Bahasa, Uitm Shah Alam.
- Muhammad Irsan. (2018). Strukturalisme dongeng masumai Penunggu Gunung Dempo: sebuah analisis teori Vladimir Propp. BIDAR: *Jurnal Ilmiah Kebahasaan & Kesastraan*, 8(2), 72- 86.
- Muttalib Abdul & Wahyuddin Wahyuddin. (2022). Analisis antologi Puisi *Pesan Tua* Karya Hendra Djafar menggunakan teori strukturalisme-semiotic. Linguistik: *Jurnal Bahasa dan Sastra*, 7(1), 27-35.
- Nesya Ishfahani. (2022). Struktural genetik pada Novel " Selamat Tinggal" Karya Tere Liye. Diksatrasia: *Jurnal Ilmiah Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia*, 6(2), 286-293.
- Ngabong Anak Katoi. (2021). Bentuk puisi tradisional Iban timang jalung: The forms of Iban traditional poetry Timang Jalung. *Pendeta*, 12(2), 115-130.
- Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir. (2007). Kewajaran pengajaran komsas dalam Bahasa Melayu.

- Ninieek Sulistyorini. (1995). Novel *Bekisar Merah* Karya Ahmad Tohari dalam tinjauan strukturalisme dinamik. Universitas Airlangga.
- Noorasikin binti Azis. (2016). Ayor: Wira hodoh sastera rakyat Iban.
- Nor Dalila binti Ab Malik (2017). Projek penulisan antologi Cerpen *Jeritan Jiwa: kajian terhadap teori strukturalisme dinamik dari Puisi Bicara, Ku Pilih Curiga dan Demi Sebuah Mimpi*. Universiti Teknologi Mara.
- Nuryanti Nuryanti, Chuduriah Sahabuddin & Abdul Muttalib. (2020). Analisis Novel *Tentang Kamu* Karya Tere Liye menggunakan teori strukturalis (unsur intrinsik). *Journal Perguruan*, 2(2), 174-180.
- Oxford Advanced Learner's Dictionary. (2015). "Mysticism is a belief of experiences of a mystic; teaching and belief that the knowledge of God and of real truth may be reach through meditation or spiritual insight, independently of reasons and senses." Oxford University Press.
- Patricia Matusky. (2010). *The Iban pantun - poetry and song. Wacana Seni Journal of Art Discouse*.
- Putri Kusumasari. (2012). Faulkner's the sound and the fury as an american modern novel: a study on ambition in modes of subjectivity (Doctoral dissertation, Universitas Gadjah Mada).
- Richard. (2001). Petara. In V & S. The Encyclopedia Of Iban Studies (Pp. 1485- 1459). Kuching: Yayasan Tun Jugah.
- Ruslani. (2005). Tabir mistik ilmu ghaib dan pendukunan. yogyakarta: tinta.
- Russel Dundang Anak Jeffery & Mary Fatimah Subet. (2018). Unsur alam dalam peribahasa Iban (jaku sempama): satu analisis semantik inkuisitif (elements of nature in iban proverbs (jaku sempama): an inquisitive semantics analysis). *Trends in Undergraduate Research*, 1(1), f10-15.
- Septi Sariningsih. (2011). Adaptasi film ke novel brownies: analisis strukturalisme Robert Stanton.
- Sidqon Maesur & LC MA (2015). Pandangan nasionalisme ihsan abdul-quddus dalam Novel *Fi Baitina Rajul* analisis strukturalisme genetik (Doctoral dissertation, Universitas Gadjah Mada).
- Simposium bahasa dan budaya Iban dan folklor borneo / Kalimantan November 2012, Kuching, Sarawak, Malaysia.
- Siti Noor Asyikin Ishak. (2022). Analisis elemen sastera dalam pementasan teater terpilih melalui penerapan teori strukturalisme (Doctoral dissertation, Universiti Malaysia Kelantan).

Steven Beti Anom. (2014). Iban culture & traditions: the pillars of the community's strength. Perpustakaan Negara Malaysia. Universiti Malaysia Sarawak.

Wiliemina Nily Anak Gading. (2023). Kajian biotik di dalam puisi Iban Leka Sampi: satu interaksi di antara manusia dan alam menggunakan teori ekologi (Doctoral dissertation, Universiti Malaysia Kelantan).

Yusoff Iskandar. (1986). Mitos dan legenda sebagai unsur penulisan sejarah Melayu. Ins. Zahrah Ibrahim (Ed.) Sastera Sejarah; Interpretasi Dan Penilaian :140-164. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.





Nama diberi Philomena Rawa anak Lenang. Berumur 23 tahun dan dilahirkan pada 13 Mei 2000 di Song, Sarawak. Kini menetap di Sibu, Sarawak. Penulis merupakan anak ketiga daripada empat adik beradik yang terdiri daripada seorang lelaki dan tiga orang perempuan. Seterusnya, penulis mendapat pendidikan rendah pada tahun 2005 di Sekolah Kebangsaan Nanga Bangkit dan tamat pada tahun 2012. Setelah itu, penulis mendapat pendidikan menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan Katibas dari tahun 2013 sehingga tahun 2017. Pada peringkat pengajian pra universiti pula, penulis menerima pengajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Song pada tahun 2018 dan tamat pada tahun 2019. Kini penulis sedang melanjutkan pengajiannya di Universiti Malaysia Kelantan pada peringkat Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian dalam jurusan Kesusasteraan Warisan. Cita-cita penulis ialah ingin menjadi menabur bakti kepada orang lain dalam dunia pendidikan. Akhir sekali, matlamat hidup penulis ingin menjadi wanita yang berjaya dengan harapan agar dapat memberi manfaat kepada keluarga dan masyarakat yang lain.